

IMPAK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
SECARA DALAM TALIAN BAGI KELUARGA B40
DI KOTA BHARU, KELANTAN

MUHAMMAD RAFIQ BIN ZULKIFLI

(PIB 19038)

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN

AHMAD SHAH (KUIPSAS)

2021

IMPAK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN
BAGI KELUARGA B40 DI KOTA BHARU, KELANTAN

MUHAMMAD RAFIQ BIN ZULKIFLI

(PIB 19038)

IJAZAH SARJANA MUDA DAKWAH ISLAMIAH DENGAN KEPUJIAN

PROJEK ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK DIANUGERAHKAN IJAZAH
SARJANA MUDA DAKWAH ISLAMIAH DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

2021

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Calon:

No Matrik:

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillah, saya merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran illahi dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyelesaikan kajian saya dengan penuh jayanya. Saya menjulang sepenuh penghargaan kepada Ustazah Siti Masliah binti Mohd Nuri di atas kesudian beliau membantu saya sepanjang proses pembentukan kajian ini dijalankan. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugas ini. Pelbagai ilmu yang dapat saya runtkai sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya dan adik-beradik saya yang memberi dorongan, sokongan secara fizikal dan moral kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, saya berharap agar kajian ini dapat membantu untuk meningkatkan nilai pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan transformasi teknologi dalam pendidikan supaya generasi akan datang mampu berdaya saing di peringkat global.

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dari rumah telah menjadi topik utama dalam kajian berkaitan pendidikan dalam konteks institusi pengajian tinggi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID 19. Untuk merungkai lebih dalam mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang dianggap mampu mempengaruhi proses pembelajaran dan prestasi pencapaian pelajar, kajian ini telah mengkaji impak terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi pelajar keluarga B40, menilai keberkesanan komunikasi antara pengajar dan pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan mengenalpasti tahap emosi pelajar keluarga B40 terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data kajian melalui hasil temubual bersama 5 responden daripada pelajar keluarga B40 yang tinggal di kawasan Kota Bharu, Kelantan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam talian memberi kesan terhadap pelajar daripada keluarga B40 di kawasan Kota Bharu, Kelantan.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SINGKATAN	vi
BAB 1	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.4 PERSOALAN KAJIAN	8
1.5 DEFINISI OPERATIONAL	8
1.5.1 Definisi Operational Covid-19.....	8
1.5.2 Definisi Operational Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR)	9
1.5.3 Definisi Operational Kelas Pendapatan B40	11
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.7 SOROTAN LITERATUR.....	16
1.7.1 Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah.....	17
1.7.2 Impak Kewangan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Pelajar Keluarga B40.	19
1.7.3 Keberkesanan Komunikasi Antara Pengajar Dan Pelajar Ketika Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Keluarga B40.	21
1.7.4 Mengenalpasti Tahap Emosi Pelajar Keluarga B40 Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian.	23
1.8 METODOLOGI KAJIAN	26
1.8.1 Definisi Metodologi Kajian	26
1.8.2 REKA BENTUK KAJIAN	26
BAB 2	29
SOROTAN LITERATUR.....	29
2.1 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR).....	29
2.1.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah.....	29
2.1.2 Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah.....	32

2.1.3 Kelebihan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah	34
2.2 PENGENALAN KUMPULAN ISI RUMAH B40 DAN CABARANNYA	37
2.3 DEFINISI KOMUNIKASI.....	47
2.3.1 Komunikasi Lisan (Verbal) dan Bukan Lisan (Non-Verbal).....	50
2.3.2 Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan Intrapersonal	53
2.4 EMOSI.....	62
2.4.1 KECERDASAN EMOSI	64
2.4.2 DEFINISI KENDIRI	66
2.4.3 KONSEP KENDIRI POSITIF	67
2.4.4 KONSEP KENDIRI NEGATIF	68
BAB 3	71
METODOLOGI KAJIAN.....	71
3.1 DEFINISI METODOLOGI KAJIAN	71
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	72
3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN	73
3.4 PROSES PENGUMPULAN DATA	74
3.5 DATA ANALISIS	76
BAB 4	78
DATA ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	78
4.0 PENDAHULUAN	78
4.1 TEKNOLOGI DALAM PENDIDIKAN.....	79
4.2 STATUS SOSIOEKONOMI DAN KESAN TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	81
4.3 KEBERKESANAN KOMUNIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	86
4.4 KESAN EMOSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	93
BAB 5	104
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	104
5.1 PERBINCANGAN.....	104
5.2 CADANGAN	109
5.3 KESIMPULAN	114
RUJUKAN	115

SINGKATAN

PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PDPR	Pengajaran dan pembelajaran dari rumah
PDP	Pengajaran dan pembelajaran
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

BAB 1

1.1 PENGENALAN

Dunia menyaksikan kehadiran virus yang dinamakan sebagai COVID-19 telah meragut banyak nyawa serta melumpuhkan perkembangan kemajuan banyak negara. Virus ini pada mulanya dikenali sebagai Virus Corona yang dikenal pasti di Wuhan, China pada Disember 2019 (Sajed & Amgain, 2020). Tahun 2020 juga merupakan sejarah bagi negara ini dalam berhadapan situasi COVID-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh *World Health Organization* (WHO). Pandemik Covid-19 (disebabkan oleh virus SARS-Cov-2) merupakan ancaman terbesar keharmonian masyarakat. Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat (Noriha Basir, 2020). Wabak Covid-19 di Malaysia bermula sebagai gelombang kecil iaitu dengan hanya 22 kes pada Januari 2020 melalui kes import (Salim, 2020) menyebabkan semua sektor menjadi lumpuh (Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia, 2020) bukan sahaja kepada kesihatan manusia tetapi juga memberi kesan kepada sosioekonomi termasuklah bidang pendidikan dalam hampir ke semua negara di dunia (Lekhraj Rampal, 2020; Rohayati Junaidi *et.al.* 2020).

Oleh hal yang demikian, Perdana Menteri Malaysia (16 Mac 2020) telah mengumumkan bahawa pihak kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac. Di Malaysia mesej utama yang disampaikan dalam PKP adalah duduk di rumah, penjarakan sosial dan penjagaan kebersihan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020), penjarakan sosial adalah penting untuk mengekang penularan wabak ini yang

dijangka tidak akan berakhir dalam masa satu bulan, malah berkemungkinan besar akan berlanjutan.

Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dijalankan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi mengemukakan alternatif proses pendidikan perlu dijalankan menerusi pengajian dalam talian. Sektor pendidikan perlu melalui transformasi terhadap andragogi dan pedagogi secara alam maya (Agus & Samsuri, 2018). Seluruh institusi pendidikan seperti sekolah rendah, sekolah menengah, kolej swasta, politeknik dan universiti terlibat dalam inisiatif pelaksanaan dalam talian. Ini kerana sebarang aktiviti akademik secara langsung, termasuk persidangan, pengajaran bersemuka (*face to face*), persidangan dan makmal simulasi harus dielakkan (Muhammad Aizat, 2020).

Terdapat beberapa kajian mengenai perjalanan pendidikan termasuk pengajian dalam talian menjadikan golongan pelajar adalah antara golongan yang paling terkesan kerana mereka terpaksa beralih daripada amalan pembelajaran konvensional iaitu secara bersemuka kepada dalam talian bagi memastikan proses pembelajaran sedia ada tidak terganggu (Chung *et. al.*, 2020). Oleh itu, kajian ini lebih memfokuskan kepada golongan pelajar bagi keluarga B40 di Kota Bharu, Kelantan.

Kelas pengajian rasmi atau pengajian sedia ada yang melibatkan pertemuan langsung antara para pendidik dengan golongan pelajar wajib dihentikan sebagai langkah drastik untuk mengelak risiko penularan wabak Covid-19. Implikasinya pengajian ilmu masih tetap diteruskan lantaran penularan wabak Covid-19 belum lagi menggugat keseluruhan sistem pendidikan di seluruh negara. Penularan wabak

masih berlaku tetapi belum ke tahap memaksa pihak kementerian menghentikan kesemua proses pendidikan tanah air.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Ekuiti dalam pendidikan merupakan antara matlamat penting pendidikan bagi sesebuah negara di dunia. Ianya merujuk kepada usaha bagi mewujudkan peluang pendidikan yang adil kepada semua tanpa mengira perbezaan sosio-ekonomi, budaya serta faktor latar belakang keluarga dan masyarakat untuk memberi akses terhadap pendidikan kepada semua kanak-kanak dan belia di dunia bagi menerima pendidikan asas yang mampu membentuk diri sebagai sumber manusia penting kepada pembangunan negara. Antara isu utama dalam usaha pencapaian ekuiti ini adalah jurang sosio-ekonomi yang wujud di antara kanak-kanak dan belia disebabkan oleh faktor kemiskinan keluarga serta kegagalan ibubapa dalam memberikan peluang pendidikan kepada anak-anak mereka (Lembaga Zakat Selangor, 2011). Masalah kemiskinan kini tidak lagi hanya bertumpu di kawasan luar bandar tetapi menjadi semakin meruncing bagi keluarga yang menduduki bandar besar yang membangun.

Birdsall (1980) mengaitkan masalah kemiskinan dengan isu pendidikan dengan mengatakan bahawa kemiskinan bukan hanya terbatas kepada maksud ketaksamaan pendapatan serta pendapatan yang rendah tetapi termasuk dengan tahap pendidikan yang kurang, tahap kesihatan yang kurang baik, dan jangka hayat yang rendah. Menurut Buarque, Spolar dan Zhang (2006), semua isu sosial seperti kurangnya aspek pendidikan, aspek kesihatan dan tidak mempunyai peluang pekerjaan adalah antara isu yang sering dikaitkan dengan masyarakat ini. Permasalahannya proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian atau dikenali sebagai pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) tidak sepenuhnya

berhasil dan membawa kesan positif terhadap pelajar bagi keluarga B40 di Kota Bharu, Kelantan. Hal ini kerana tidak semua pelajar berkemampuan untuk memiliki gajet elektronik yang canggih, tidak mahir dalam penggunaan gajet atau aplikasi dalam talian, tidak memiliki jaringan internet yang baik menjadikan pelajar sukar untuk menyesuaikan diri dengan PDPR. Kesan insiden kemiskinan akan mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembelajaran, seperti suasana kebisingan serta terpaksa membantu pekerjaan ibu bapa (Osman-Rani, 1995). Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima.

Di samping itu, konsep dan gaya pembelajaran setiap pelajar berbeza. Menurut kajian Bobby De Porter dan Mike Hernacki (1994) bahawa metode atau gaya belajar dibahagi kepada tiga iaitu gaya belajar visual, gaya belajar audio dan gaya belajar kinestetik. Pelajar yang memiliki gaya audio dan visual mungkin akan lebih gemar dan berhasil berbanding pelajar dengan gaya belajar kinestetik apabila proses PDPR dijalankan. Selain daripada gaya belajar yang berbeza, komunikasi antara pelajar dan pensyarah amat diperlukan untuk mengetahui hasil dan kesan yang diperolehi dalam proses pembelajaran tersebut. Wildavsky (2016) mengatakan bahawa kelemahan utama dalam proses pembelajaran atas talian ialah kurangnya interaksi antara pelajar dengan pengajar serta sukar untuk melakukan sosialisasi antara sesama pelajar. Hal ini menyebabkan sesi PDPR membosankan dan pelajar hilang fokus terhadap pelajaran kerana kurangnya hubungan interaksi dua hala antara pensyarah dengan pelajar secara langsung. Pada masa yang sama, keadaan sekeliling juga memainkan peranan penting dalam pembelajaran secara dalam talian. Contohnya, keadaan di rumah yang ramai adik-beradik akan menimbulkan kebisingan, komputer riba atau telefon bimbit harus berkongsi dengan adik-beradik

pada masa yang sama, syarahan pensyarah yang begitu panjang ditambah dengan pelbagai tugas yang perlu dihantar pada masa yang sama merupakan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar (Fatimah Azzahra, 2020). Alexandar (2005) pernah membuktikan bahawa pelajar banyak meninggalkan kelas dalam talian, kerana PDPR ini terlalu panjang dan membosankan.

Ramai pelajar kurang mahir dalam penggunaan aplikasi atau platform PDPR kerana telah terbiasa sebelumnya dengan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Hal ini pernah diungkapkan oleh Wong (2006) dalam suatu kajiannya bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap PDPR ini masih kurang diminati meskipun pandangan mereka terhadap PDPR ini masih positif. Sebagai contoh, subjek yang berkaitan dengan angka dan penjumlahan akan terasa sulit bagi pelajar semasa pembelajaran dalam talian. Selain itu kelas-kelas amali juga tidak dapat dijalankan secara optimal semasa PDPR. Para pensyarah hanya boleh berkongsi link atau video mengenai kelas amali tersebut, akibatnya sukar bagi pelajar untuk memahami objektif amali itu secara nyata. Inilah di antara alasan kenapa pembelajaran secara dalam talian kurang diminati oleh pelajar.

Di samping itu, PDPR dapat menghalang komunikasi antara pelajar dengan pelajar dan antara pelajar dengan pensyarah kerana terbatasnya ruang interaksi secara langsung. Akhirnya kesempatan pelajar akan berkurang untuk menanyakan beberapa permasalahan yang kabur sehingga ilmu pengetahuan itu tidak dapat diserap oleh pelajar secara optimal dan berkesan (Rusma, 2011). Kesukaran berinteraksi secara langsung semasa dalam talian menyebabkan kurang akrab dan kekok dalam hubungan komunikasi antara pengajar dengan pelajar dan ianya tidak sama semasa kelas bersemuka. Akibat daripada itu pelajar merasa malu untuk bertanya atau memberi pendapat terhadap permasalahan yang dihadapi. Akhirnya timbul salah

faham antara pengajar dan pelajar terutama berkaitan dengan pemarkahan tugas kerana tidak dapat dilengkapi dengan sempurna.

Peraturan dan norma baharu yang dikuatkuasakan semestinya memberi kesan kepada emosi dan reaksi pada semua pihak terutamanya pelajar baharu (Hunnes, 2016). Tekanan akademik yang dialami oleh pelajar kebanyakannya datang dari pelbagai tuntutan di universiti. Terdapat empat sumber tekanan akademik yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar termasuklah tuntutan fizikal, tuntutan tugas, tuntutan peranan dan tuntutan interpersonal (Desmita, 2009). Selain itu, menahan dan memendam emosi juga akan menyebabkan masalah psikologi dan membawa kepada masalah kesihatan fizikal seseorang (King & Pennebaker, 1998). Dalam konteks tekanan akademik juga, Thawabieh dan Qaisy (2012) menjelaskan bahawa pelajar mengalami tekanan akademik hasil daripada peperiksaan, tugas dan keperluan lain di universiti yang mungkin melebihi matlamat mereka. Menurut Irawan (2020) pula, bebanan tugas dalam talian merupakan faktor penyebab kepada stress pelajar, di mana memerlukan mereka untuk cepat menguasai penggunaan media dalam talian walaupun pelajar baru sahaja mempelajarinya.

Selain itu, cabaran utama dalam aspek pembelajaran sendiri adalah kelamahan dalam pengurusan masa di kalangan pelajar. Kajian-kajian lepas (Misra & McKean, 2000; Keans & Gardiner, 2007) menunjukkan bahawa pengurusan masa mempunyai hubungan dengan tahap stress dalam kalangan pelajar. Mereka perlu membahagikan masa antara jadual kuliah tutorial dan tugas. Malah, kekurangan infrastruktur di rumah juga menjadi kekangan bagi pembelajaran sendiri kerana pelajar kurang bersemangat, tidak mampu memberi fokus, tidak berdisiplin diri dan tumpuan mereka terganggu kerana kelajuan capaian internet yang tidak stabil, persekitaran yang bising serta kekurangan peralatan atau infrastruktur pembelajaran

(Kassim, 2010). Selain itu, keadaan yang memaksa pelajar untuk sentiasa berkurung di rumah, tiada aktiviti fizikal dan kurang interaksi dengan rakan sebaya menyebabkan keadaan mereka semakin memburuk. Ini juga boleh memberi kesan psikologi kepada pelajar dalam bentuk ketakutan atau kebimbangan.

Kesediaan pelajar mengikuti kelas secara dalam talian adalah bergantung kepada peranti, pelan data dan motivasi diri pelajar. Motivasi pelajar akan menurun untuk melaksanakan PDPR kerana sokongan persekitaran yang lemah akan mempengaruhi sikap pelajar. Ini akan menimbulkan bosan, sunyi dan perasaan rendah diri yang menyebabkan pelajar menjadi pendiam, mudah tersinggung, motivasi diri yang rendah, pencapaian akademik yang kurang cemerlang dan tiada kemahiran insaniah (Yahya Buntat, 2011). Sebilangan pelajar didapati tidak berpuas hati dan tidak selesa dengan persekitaran pembelajaran kerana pengajar dan pelajar terpisah secara fizikal, komunikasi serta pembelajaran lebih terarah kepada kehendak diri sendiri (Bonk & Kentnor, 2015). Hal ini kerana bimbingan pensyarah diperlukan sebelum sesuatu aktiviti dijalankan (Nurul Shida, 2019). Pelajar ingin mengetahui maklum balas dengan lebih terperinci sekiranya berlaku kesilapan dan mendapat bimbingan secara langsung daripada pensyarah. Oleh itu, kewujudan norma baharu ini memberi kesan yang buruk terhadap aspek psikologi sekiranya individu gagal membuat penyesuaian sendiri terhadap perubahan drastik tersebut (Rashid, 2020).

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengkaji impak terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi pelajar keluarga B40.
2. Untuk menilai keberkesanan komunikasi antara pengajar dan pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi keluarga B40.
3. Untuk mengenalpasti tahap emosi pelajar keluarga B40 terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian memberi impak yang negatif kepada pelajar keluarga B40?
2. Adakah komunikasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dapat dicapai dengan baik?
3. Adakah pengajaran dan pembelajaran dalam talian memberi kesan kepada emosi bagi pelajar keluarga B40?

1.5 DEFINISI OPERATIONAL

1.5.1 Definisi Operational Covid-19

Novel Coronavirus atau COVID-19 (disebabkan oleh virus SARS-CoV-2) pertama kali mula dikesan di Wuhan, wilayah Hubei, China pada Disember 2019 (Lekhraj

Rampal, 2020). Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik setelah ia merebak secara global melibatkan kebanyakan negara di seluruh dunia (Cucinotta & Vanelli, 2020). Oleh hal yang demikian, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan bahawa pihak kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac 2020 secara berperingkat bagi mengekang penularan wabak COVID-19 terutama melibatkan masyarakat setempat (Perutusan Khas Perdana Menteri, 2020). PKP di negara ini telah dijalankan secara strategik dan sistematik berpandukan kitaran pengurusan krisis mengikut piawaian antarabangsa (*International Organization for Standardization*) atau ISO (Pursiainen, 2020). Keberhasilan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bergantung kepada tahap kepekaan, kefahaman dan kesediaan setiap lapisan masyarakat mematuhi saranan garis panduan dan SOP (*Standard Operation Procedure*) melalui amalan norma baru seharian (Hadil, Fatimah & Reem 2020). Oleh itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) (Rohman & Arifin, 2020).

1.5.2 Definisi Operational Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR)

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian menerusi platform digital telah meledak beberapa dekad lalu dalam dunia pendidikan dan menjadi isu serta perbincangan banyak pihak (Reggie, 2013). Namun baru-baru ini diskusi berhubung PdP dalam talian menjadi isu hangat tenaga pengajar selepas bermulanya era pembelajaran norma baharu semasa COVID-19. Hal ini kerana, landskap sistem pendidikan dilihat berubah selepas wabak COVID-19 melanda penghujung 2019.

Dalam tempoh PKP, tenaga pengajar di Malaysia mestilah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, Windhiyana (2020) telah menjelaskan bahawa pembelajaran secara dalam talian merupakan satu wahana pembelajaran secara maya melalui capaian internet untuk membentuk satu komunikasi antara pengajar dan pelajar tanpa memerlukan pembelajaran secara bersemuka. Tenaga pengajar yang kreatif dalam melaksanakan PDPR secara dalam talian bersama pelajar amat diperlukan bagi memastikan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan sewajarnya walaupun berhadapan dengan situasi ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008). Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PDPR) atau pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah alternatif Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu tenaga pengajar melaksanakan pengajaran dalam norma baharu, situasi di mana semua individu perlu ‘duduk di rumah’ seperti yang telah disarankan oleh kerajaan sebagai tindakan yang diperlukan bagi mengendalikan penularan COVID-19 (Sintema, 2020). Oleh yang demikian, PDPR yang dilaksanakan boleh dijalankan di rumah, pusat komuniti atau mana-mana lokasi yang bersesuaian dan mengikut SOP yang ditetapkan. Merujuk kepada panduan PDPR, ianya melibatkan tiga pendekatan iaitu: Pendekatan PDPR dalam talian: adanya capaian internet, penggunaan peranti dan pembelajaran secara realtime menggunakan aplikasi *Google Meet*, *Zoom*, *E-Gamification* video, klip audio, eBuku dan rakaman video. Pendekatan PdPR luar talian dengan penggunaan peranti tablet, telefon pintar tanpa capaian internet. Pendekatan PdPR secara *offsite* iaitu dilaksanakan di pusat komuniti atau lokasi yang dibenarkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Pendekatan yang digunakan mestilah mengikut dan mengambil kira kesesuaian kemudahan tenaga pengajar dan pelajar.

1.5.3 Definisi Operational Kelas Pendapatan B40

Kelas pendapatan isi rumah boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu isi rumah yang memperolehi pendapatan 40 peratus terendah daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (B40), isi rumah yang memperolehi pendapatan 41 peratus kepada 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (M40), dan isi rumah yang memperolehi pendapatan 20 peratus tertinggi daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (T20). Garis pemisah berdasarkan pendapatan telah digunakan untuk menentukan ketiga-tiga golongan ini di mana golongan B40 adalah isi rumah berpendapatan RM4,360 dan ke bawah. Manakala isi rumah kumpulan M40 dan T20 adalah masing-masing berpendapatan RM4,361 – RM9,619 dan RM9,620 dan ketas (Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 2016).

Kawasan luar bandar menunjukkan bilangan yang lebih rendah bagi golongan B40 disebabkan tumpuan masyarakat terhadap peluang pekerjaan di kawasan bandar lebih banyak. Meskipun kawasan bandar menjadi tumpuan penawaran gaji mengikut pekerjaan masih rendah dan sebilangan besar menerima gaji kurang daripada RM3860 dan menyebabkan mereka dikategori sebagai B40. Hal ini antara faktor menyebabkan golongan B40 di kawasan bandar adalah tinggi. Bagi membantu golongan B40 khususnya di kawasan bandar, kerajaan memperkenalkan pelbagai insentif (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2018). Kebergantungan kepada satu pendapatan merupakan faktor utama ciri-ciri kumpulan isi rumah B40 (Institut Penyelidikan Khazanah, 2016). Selain itu, tahap pendidikan yang rendah menyebabkan 89.9 peratus ketua isi rumah B40 bekerja dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir (Malaysia, 2015). Berdasarkan kepada kajian oleh Santiago, Wadsworth dan Stump (2011) mendapati pendapatan yang

rendah memberi kesan yang negatif kepada aspek psikologi individu dan kesejahteraan keluarga. Ini disebabkan individu yang mempunyai pendapatan yang rendah mempunyai sumber kewangan yang terhad dan mempunyai pendidikan yang rendah yang menyebabkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik adalah rendah. Pendidikan merupakan salah satu pelaburan sosial yang penting kepada sesebuah negara. Ia dapat memberi kelebihan jangka panjang contohnya seperti mengeluarkan pengetahuan, kemahiran tenaga kerja, disiplin, serta motivasi kepada seseorang individu (Mohamed Yusoff, 2014).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberi kepentingan kepada keberkesanan PDPR terhadap pendidikan pelajar dari keluarga B40, Kota Bharu, Kelantan. Golongan pelajar adalah antara golongan yang paling terkesan kerana mereka terpaksa beralih daripada amalan pembelajaran konvensional iaitu secara bersemuka kepada dalam talian bagi memastikan proses pembelajaran sedia ada tidak terganggu (Chung *et. al.*, 2020). Hal ini kerana pelajar dilihat belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dalam pengajian maya kerana suasananya berbeza daripada kelas biasa (Zawiah, 2020). Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bergantung kepada tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti sesi PDPR bersama pengajar. Perkara ini telah dipersetujui oleh Mohd Nazrul, (2020) dalam kajiannya yang menyatakan pengajian tertumpu secara digital serta bergantung kepada sikap sama ada hendak menerima amalan pembelajaran dalam talian atau sebaliknya. Justeru, kajian ini menekankan kepentingan ekuiti pendidikan terhadap pelajar daripada keluarga B40 semasa PDPR dijalankan. Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa keciciran pendidikan dalam

kalangan masyarakat luar bandar adalah akibat daripada faktor kemiskinan keluarga (Nath *et al.*, 1999, Bao Chuanyou, 2006 & Todaro, 2003). Keadaan ini mendorong kepada wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan di bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima. Kemiskinan di kawasan bandar turut dikaitkan dengan tahap pendidikan yang rendah selain daripada sumber pendapatan yang tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup yang tinggi di bandar (Lembaga Zakat Selangor, 2013). Kekurangan prasarana, kemudahan pembelajaran, suasana pembelajaran yang tidak selesa, selamat, dan kondusif terutama di luar bandar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian yang rendah di kalangan pelajar (Zalika, Faridah & Mohamad Johdi, 2009). Hal ini kerana pengurusan kewangan yang tidak baik turut menyebabkan pelajar mengalami tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000) sehinggakan mereka kurang tidur, sakit, murung, resah dan sering menyendiri (Redhwan, A.A.N *et al.* 2009; Wright, 1967). Menurut Mohd Zainal (2004), taraf sosio-ekonomi antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar kerana ia melibatkan pengurusan kewangan yang mana ia akan mendorong pelajar sama ada bersemangat atau tidak bersemangat untuk menimba ilmu. Justeru, sumber kewangan yang terbatas pasti akan mewujudkan rasa rendah diri dalam diri seseorang pelajar, dan membuatkan personaliti pelajar terjejas. Mereka boleh menjadi pendiam dan tidak bersosial bersama rakan-rakan. Perkara ini juga akan membawa kepada penurunan prestasi dalam akademik kerana kurangnya interaksi dalam menimba ilmu pengetahuan. Justeru, kajian ini mementingkan ekuiti pendidikan terhadap pelajar keluarga B40 untuk menghapuskan jurang pemisah antara kelas pendapatan isi rumah. Hal ini telah ditegaskan oleh Gorski (2005) tentang keperluan untuk menghapuskan jurang digital disebabkan oleh perbezaan dalam kaum, jantina, status sosio-ekonomi dan lain-lain

faktor demografi untuk menerima pembelajaran sepanjang hayat kerana pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat bermula daripada sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah dan menjamin masa depan yang baik (Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar, 2014). Oleh itu, walaupun suasana pembelajaran berbeza terutama di rumah, namun keluarga golongan B40 masih mampu untuk memberikan suasana yang terbaik untuk anak-anak menikmati suasana pembelajaran yang bermakna ketika berada di rumah. Ternyata bahawa pendidikan yang dimiliki oleh seseorang individu mampu mengurangkan ketidak seimbangan pendapatan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan (Tadaro, 2003).

Oleh kerana terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh pelajar ketika PDPR dijalankan, kajian ini menekankan keberkesanan komunikasi dan interaksi antara tenaga pengajar terutama guru dan pensyarah bersama pelajar untuk menjadikan sesi PDPR lebih menarik dan tidak membebankan pelajar. Pengendalian proses pembelajaran dan pengajaran perlulah dikekalkan secara kreatif dan diberi suntikan inovatif sepanjang sesi interaksi bersama pelajar dijalankan. Ini kerana para pendidik perlu memahirkan diri dengan aspek teknikal dan cara menyampaikan ilmu menerusi alam maya (Norliza, 2017). Kearsley (2000) juga menyatakan bahawa salah satu peranan pensyarah adalah memastikan wujudnya interaksi dan penglibatan yang tinggi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ia sejajar dengan tugas pensyarah sebagai moderator, pensyarah perlu sentiasa bersama-sama dengan pelajar dalam melakukan perbincangan dalam talian bagi membantu mempertingkatkan pengetahuan pelajar (Azis, 2011). Ini disokong oleh Offir, Lev dan Bezalel (2008) yang menyatakan bahawa tahap interaksi antara pelajar dan pensyarah dan sesama pelajar adalah signifikan dalam menentukan keberkesanan

pembelajaran secara dalam talian. Wardani, Hanifunisa dan Fatonah (2013) dalam kajiannya membuktikan bahawa maklum balas positif dari pensyarah memberi kesan yang baik terhadap kesediaan pelajar dalam belajar seterusnya dapat meningkatkan kecekapan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Siti, Maisurah, Zia dan Norazah (2014) menyatakan bahawa *WhatsApp* merupakan alat bantuan mengajar yang efektif di mana pelajar yang kurang aktif semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas memberi tindak balas yang positif apabila menggunakan *WhatsApp*. Oleh itu, kepentingan tempoh pengajian, sumber ilmu pengetahuan secara digital dan bertulis dan tatacara menarik perhatian pelajar menjadi suatu keperluan baharu untuk ditelaah agar objektif pembelajaran PDPR tercapai. Hal ini kerana, penggunaan teknologi sewajarnya dipandang sebagai perantara pendidikan yang efektif dalam dunia pendidikan (Norazah & Ngau, 2009).

Selain itu, kajian ini juga menekankan kepentingan emosi pelajar terhadap PDPR untuk memperolehi akademik yang cemerlang kerana menurut Singh *et al.* (2003), penerimaan sesuatu sistem adalah berkait rapat dengan hasil yang diberikan oleh pelajar. Apabila pelajar beranggapan bahawa PDPR memudahkan mereka untuk memperoleh sumber ilmu pengetahuan, pelajar berasa lebih gembira dan kurang tertekan dengan PDPR yang tidak terhad untuk diakses pada bila-bila masa. Oleh itu, tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang signifikan dan berkesan kepada pelajar. Pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pengajar seperti pujian dan dendaan mempunyai kesan yang kuat ke atas pembelajaran pelajar (Welberg, 1984). Tenaga pengajar yang memberi sokongan sosial seperti pujian mampu memberi motivasi dan keyakinan diri pada pelajar. Struthers, Perry, dan Menec (2000) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai keyakinan mampu menyelesaikan masalah mendapatkan sokongan sosial

dan menekankan aspek pemikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang sukar. Keyakinan diri adalah asas kepada pemikiran positif. Hal ini dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi dan membuat jiwa lebih tenang (Struthers *et al.*, 2000). Oleh itu, pengajar perlu mempertimbangkan tugas yang bakal diberikan kepada pelajar agar tugas tersebut tidak menjadi bebanan terhadap pelajar kerana menurut Thawabieh dan Qaisy (2012) disebabkan perubahan melalui kaedah pembelajaran dan persekitaran, pelajar berpotensi mengalami pelbagai jenis tekanan yang boleh menjejaskan mental dan sosial serta pencapaian akademik mereka. Antaranya desakan bebanan tugas yang banyak, persekitaran yang tidak kondusif, arahan yang diberikan tanpa batas masa melalui alat elektronik terutama dalam situasi persaingan untuk mendapatkan keputusan yang terbaik di dalam pembelajaran. Justeru, pendidikan merupakan salah satu pelaburan sosial yang penting kepada sesebuah negara. Ia dapat memberi kelebihan jangka panjang contohnya seperti mengeluarkan pengetahuan, kemahiran tenaga kerja, disiplin, serta motivasi kepada seseorang individu (Mohamed Yusoff, 2014). Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan kesejahteraan mental dan emosi pelajar kerana ianya memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang produktif kepada negara.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) atau dikenali sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV mudah berjangkit disebabkan oleh SARS-CoV-2 (novel koronavirus 2019) telah mula dikesan di negara China dengan kes pertama disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei, China. Dalam tempoh tiga minggu seterusnya, kes-kes disahkan di Thailand, Nepal, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura,

Perancis, Vietnam, Malaysia, Australia, Canada, Cambodia, Sri Lanka dan Jerman. Covid-19 adalah jangkitan pada saluran pernafasaan dengan gejala demam, sakit tekak atau kesukaran bernafas dengan sejarah perjalanan ke negara China atau kontak rapat dengan kes. Kes pertama di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020 (CPRC, KKM: 17 Februari 2020). Lantaran itulah *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada Mac 2020 di seluruh dunia. Fauzi Suhaimi (2020) juga menjelaskan bahawa pandemik bermula daripada penularan wabak pada peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa yang singkat.

1.7.1 Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah

Dalam situasi pandemik tenaga pengajar termasuk guru dan pensyarah di sekolah dan pusat pengajian tinggi dilatih untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (Abidah *et al.*, 2020). Menurut Najmi Syahiran Mamat (2020) sejak menjalani norma baharu, pendidik menjadi lebih kreatif dalam penggunaan teknologi yang ada untuk memastikan proses pembelajaran pelajar tidak terabai sepanjang tempoh PKP berlangsung. Impak Covid 19 terhadap pendidikan tinggi menyebabkan berlakunya transformasi penggunaan platform digital secara meluas (Kandri 2020; Strielkowski 2020) seperti pelaksanaan seminar dalam talian, penggunaan buku digital, analisis data dalam talian dan interaksi maya. Gonzalez *et al.* (2020) berpandangan bahawa situasi pandemik Covid 19 memberi impak positif dalam konteks penyuburan penggunaan pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran dalam talian atau lebih mudah dikenali sebagai pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) telah meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan

atau latihan di institusi pengajian tinggi (IPT) yang menggunakan pendekatan pembelajaran secara dalam talian dalam dua kaedah umum iaitu secara dalam talian sepenuhnya atau secara *blended learning* iaitu gabungan antara pembelajaran konvensional atau bersemuka dan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (Yusup, 2012).

Menurut Ally, M. (2008) pembelajaran dalam talian adalah penggunaan internet untuk mengakses bahan pembelajaran, berinteraksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar, mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran. Selain itu, pembelajaran dalam talian didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan pengajar dan pelajar menggunakan apa-apa sahaja medium pembelajaran dalam talian bagi melaksanakan proses pembelajaran (Awang, Wan Rozaini & Zahurin 2019). Hal ini telah dipersetujui oleh Mohd Noor Salleh (2000) yang menyatakan bahawa PDPR sebagai proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui maklumat dan pengajaran menggunakan kesemua bentuk teknologi. Antaranya *Google Classroom* digunakan kerana tidak melibatkan sebarang kos dan mudah untuk mengendalikannya (Ventayen, Estira, De Guzman, Cabaluna, & Espinosa, 2018). Selain itu, *Kahoot!* merupakan satu aplikasi yang menyeronokkan dan menarik (Sabandar, Supit, & Effendy Suryana, 2018). Penggunaan *Kahoot!* dalam PDPR dapat membuktikan bahawa medium pembelajaran berasaskan permainan ini merupakan media yang berkesan untuk memotivasikan dan melibatkan pelajar dalam kelas (Iaremenko, 2017). Dengan hadirnya pelbagai bentuk aplikasi dan laman web pendidikan, kepelbagaian inovasi pengajaran dan pembelajaran dapat dihasilkan, secara langsung menambah keyakinan kepada tenaga pengajar untuk tujuan

penyampaian sukatan kursus yang ditetapkan (Yahaya, 2011). Selain itu, antara impak positif pembelajaran dalam talian dapat dijalankan secara pantas tanpa mengira batasan ruang dan masa dan pelajar dapat mengakses bahan serta mempelajarinya mengikut keperluan sendiri dalam keadaan tidak formal (Mantyla & Woods, 2001). Pembelajaran dalam talian juga bersifat kos efektif di mana banyak bahan yang terdapat di pelbagai laman web mampu diakses oleh pengajar dan pelajar tanpa melibat kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, kaedah PDPR ini mencabar keupayaan pengajar untuk melaksanakannya (Bibi Noraini Mohd Yusuf & Jihan Ahmad 2020). Meskipun sebahagian pengajar dan pelajar pernah menggunakan aplikasi-aplikasi pembelajaran secara dalam talian tetapi masih terdapat cabaran besar dalam pelaksanaannya (Kanuka & Anderson 2007; Rana, Rajiv & Lal 2014). Antara perkara yang perlu dititikberatkan ialah pentaksiran secara dalam talian perlu dibentuk dengan sebaik mungkin untuk mencapai kualiti yang ditetapkan supaya masalah jurang gred juga dapat di atasi dengan penyediaan pentaksiran yang berkualiti (Mustapha *et al.* 2020). Malah bagi kursus-kursus memerlukan pencerahan fizikal, cara alternatif perlu dikaji (Yaakob, Yunus, & Jafar 2020).

1.7.2 Impak Kewangan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Pelajar Keluarga B40.

Walaupun usaha giat dalam memperkembangkan pembelajaran dalam talian dengan penglibatan yang menyeluruh dalam kalangan pelajar telah dilaksanakan, namun hanya sebahagian kecil daripada pelajar yang bermanfaat dan memperolehi kesan yang positif, manakala yang selebihnya mempunyai halangan dan kekangan tertentu dan tidak memperolehi manfaat sepenuhnya (Urdan & Wenggen, 2000). Hal ini kerana, pembelajaran secara dalam talian merujuk kepada pembelajaran berasaskan komputer dan internet (Dublin, 2003). Maka, pelajar yang menghadapi kekangan dan

halangan yang berkaitan dengan komputer dan internet akan mengalami masalah jurang digital dalam pembelajaran. Menurut Kramarae (2001), halangan teknologi adalah kos komputer dan kos pengaksesan internet, masalah teknikal (Bischolf, 2000), serta pengaksesan kepada teknologi (Schilke, 2001). Hasil kajian juga disokong oleh O'Connor *et al.*, (2003) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai talian internet akan mempengaruhi kekerapan dan kebolehan mengakses e-pembelajaran. Halangan dan kekangan ini berlaku akibat kesan daripada faktor sosio-ekonomi keluarga yang menunjukkan perbezaan tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Pelajar daripada keluarga yang berpendapatan tinggi lebih bersedia berbanding pelajar daripada kumpulan berpendapatan sederhana. Hal ini sejajar dengan dapatan Andrew *et al.*, (2020) bahawa faktor sosio-ekonomi memberi kesan kepada pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Hal ini disebabkan ibubapa yang terjejas pendapatan lebih menumpukan perbelanjaan untuk keperluan asas hidup seperti membeli keperluan makanan, membayar sewa tempat tinggal dan simpanan kecemasan berbanding berbelanja untuk menyediakan kelengkapan pembelajaran dalam talian anak-anak. Pelajar yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi keluarga yang lebih tinggi seperti M40 dan T20 lebih bersedia memberi komitmen terhadap pembelajaran dalam talian berbanding pelajar daripada keluarga B40. Komitmen adalah tahap penglibatan pelajar secara aktif atau tidak terhadap pembelajaran di peringkat universiti (Haruzuan & Kuppusamy, 2011). Oleh itu, penumpuan perlu diberikan kepada aspek komitmen dan kesungguhan pelajar terhadap mata pelajaran yang diambil untuk mencapai kejayaan di dalam akademik (Arbaa *et al.* 2010). Institusi pengajian tinggi juga perlu memberi perhatian tentang situasi pelajar dari kumpulan keluarga berpendapatan rendah dari segi kemudahan pembelajaran dalam talian

supaya jurang ketidaksamaan dalam pendidikan dapat dikurangkan (Jaeger & Blaabaek 2020).

1.7.3 Keberkesanan Komunikasi Antara Pengajar Dan Pelajar Ketika Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Keluarga B40.

Ahmad Fuad (2003), Azwan Ahmad, Abdul Ghani dan Mohamad Zohir *et al* (2005), dalam kajian mereka, menyatakan dalam konteks pendidikan teknologi maklumat merupakan satu rangkaian elektronik untuk mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampai maklumat secara efektif, pantas dan meluas bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran dalam talian ini juga membolehkan pelajar mengakses maklumat dan informasi, dan berkomunikasi melalui pelbagai alatan komunikasi seperti forum dalam talian, email, video konferens, *chatting* dan lain-lain (Mc Vay Lynch, 2002). Justeru, pelajar perlu memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan yang berautoriti dan bertanggungjawab untuk menentukan tahap pencapaian pelajar dengan cara tenaga pengajar perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja supaya pelajar terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugas seterusnya (Fazlur Rahman, 1982). Pelajar juga berpeluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas bagi membincangkan tugas dan pembelajaran, hal ini kerana dengan kemunculan teknologi ICT telah mewujudkan pelbagai medium komunikasi yang membolehkan maklumat-maklumat dapat disalurkan dengan lebih pantas dan menjadikan proses pembelajaran berkesan (Jenal, 2017).

Di samping itu, pengajar berperanan untuk menyediakan konteks, aktiviti, bimbingan, dorongan dan teladan bagi membolehkan pelajar mengembangkan potensi diri secara bermakna. Tenaga pengajar boleh menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar di mana pelajar menjadi pemain

utama yang melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu sesi PDPR. Pembelajaran berpusatkan pelajar ialah satu pendekatan pembelajaran yang meluas merangkumi pengalaman belajar secara aktif, penyelesaian masalah secara kritis dan kreatif, penggunaan simulasi dan main peranan, kajian kes, pembelajaran sendiri, koperatif dan kolaboratif. Secara ringkasnya, pembelajaran berpusatkan pelajar adalah sebarang suasana pembelajaran yang efektif di mana perancangan, pengajaran dan penilaian menumpu kepada pelajar dan kepada hasil pembelajaran yang diperlukan pelajar (Shahabudin *et al.*, 2003). Perkara ini merujuk kepada proses pembelajaran dan tahap pencapaian bergantung kepada pelajar itu sendiri. Menurut al-Nisywan (1992), pelajar perlu mengembangkan kefahaman, kemahiran dan nilai dalam diri mereka melalui daya usaha mereka sendiri. Oleh itu, pembelajaran berpusatkan pelajar semasa sesi PDPR dijalankan adalah digalakkan untuk tenaga pengajar mengenalpasti potensi perkembangan setiap pelajar. Pembelajaran kolaboratif merupakan antara salah satu pendekatan dalam pembelajaran berpusatkan pelajar. Dalam pembelajaran kolaboratif, pengajar perlu menilai dan membina satu persekitaran pengetahuan yang meliputi pengalaman individu, bahasa, strategi dan budaya yang boleh membawa pelajar kepada satu situasi pembelajaran yang efektif. Selain itu, semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif berjalan, interaksi berlaku di antara pelajar dengan bahan pengajaran pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pengajar memberi impak positif kepada pelajar. Cara pembelajaran kolaboratif, perbincangan bersama rakan dan dengan individu lain melalui Internet seperti e-mel, *Internet Relay Chat* (IRC) dan sidang video memainkan peranan yang penting kerana cara ini pembelajaran akan menjadi lebih aktif dan berkesan (Mohd Zaidil, Azizi & Fadzilah, 2002).

1.7.4 Mengenalpasti Tahap Emosi Pelajar Keluarga B40 Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian.

Perubahan dalam budaya dan kebiasaan dalam masyarakat boleh memberi kesan secara langsung kepada emosi dan tingkah laku (Bulitko & Solomon, 2008). Dari segi aspek pendidikan kajian Jung, Kudo, dan Choi (2012) menjelaskan bahawa pelajar yang melalui proses pembelajaran secara dalam talian menghadapi masalah berkaitan aspek psikologi seperti kebimbangan dan tekanan perasaan. Pfaff (2008) berpandangan bahawa tekanan adalah hubungan antara tanggapan permintaan oleh situasi semasa dan keupayaan seseorang untuk bertindakbalas. Seorang individu akan mengalami tekanan apabila berhadapan situasi yang mengganggu pemikiran atau aktivitinya. Dalam situasi pendidikan ini, tekanan merujuk kepada kecelaruan psikologi seseorang berpunca dari masalah yang wujud (Yaacob *et al.* 2013) atau disebabkan faktor yang kuat daripada persekitaran (Yusof & Azman 2013).

Dalam masa yang sama, antara halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk melibatkan diri dalam pembelajaran dalam talian termasuklah halangan personaliti, halangan organisasi, halangan gaya pembelajaran, halangan arahan, halangan teknologi, dan halangan situasi (Schilke, 2001). Menurut Schilke (2001) halangan situasi adalah dikaitkan dengan situasi atau persekitaran seseorang itu berada. Item untuk halangan situasi termasuk terlalu sibuk dengan kerja lain, tidak mengurus masa dengan baik dan gangguan daripada kerja lain, hal rumah dan tempat belajar yang tidak selesa. Ini menyokong kajian Pollard & Hillage (2001) yang berpendapat bahawa pelajar bukan sahaja memerlukan sokongan tetapi juga memerlukan tempat untuk belajar tanpa gangguan. Ini menunjukkan persekitaran untuk pelajar boleh dikira sebagai halangan dalam proses pembelajaran. Lazarus dan Folkman (1984) menyatakan bahawa tekanan adalah hubungan antara individu dan persekitarannya yang dinilai oleh seseorang sebagai ketidakupayaan untuk menghadapi situasi yang

membahayakan atau mengancam kesihatan diri. Ibrahim Abu Shah (1995) telah melihat kepentingan aspek kesihatan dan persekitaran dalam merangsangkan pembangunan dan pendidikan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang baik mereka akan mempunyai taraf kesihatan yang tinggi dan berkemampuan bersaing dalam semua bidang. Sebaliknya bagi kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran yang tidak baik seperti keadaan rumah yang sesak, kekurangan sanitasi dan kebersihan, kurang pemakanan dan pendidikan akan mengalami tekanan kehidupan seperti kemiskinan (Ibrahim Abu Shah, 1995).

Menurut ahli psikologi, demografi pelajar seperti kesediaan untuk belajar, tahap pengalaman menggunakan komputer, keupayaan pemilikan komputer, akses kepada Internet, motivasi, aspek persekitaran dan sebagainya akan turut mempengaruhi pembelajaran dalam talian (Ee, 1994). Hal ini telah dipersetujui oleh Manzoor (2020) dengan menganggap pembelajaran secara dalam talian tidak memberi keadilan kepada golongan tertentu seperti pelajar berkeperluan khas serta pelajar dari golongan susah yang tiada akses kepada pembelajaran secara dalam talian. Justeru, tenaga pengajar mesti mengambil tahu latar belakang sosio-ekonomi pelajar dan tahap keupayaan pembelajaran mereka kerana walaupun pengetahuan pelajar adalah tinggi tetapi sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana. Oleh itu, aspek pedagogi dan pentaksiran secara dalam talian perlu diberi perhatian khusus agar pelajar tidak menghadapi masalah tekanan akademik. Tekanan akademik didefinisikan sebagai keadaan yang tidak menggembirakan rentetan daripada tuntutan yang perlu dipenuhi oleh pelajar sekali gus mencetuskan kebimbangan dan mempengaruhi kesejahteraan dalam pengajiannya (Mohd Arif & Soadah, 2019). Tenaga pengajar perlu mempertimbangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam talian agar

pelajar daripada pelbagai jenis lapisan sosio-ekonomi dapat melibatkan diri dalam sesi PDPR. Menurut Mo (2008), penglibatan pelajar dikatakan turut menyumbang kepada pencapaian pelajar (Fredricks et.al. 2004). Pelajar biasanya akan memperoleh keputusan yang cemerlang sekiranya mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Finn & Voelkl, 1993). Oleh itu, peranan pensyarah amat penting dalam meningkatkan keberkesanan PDPR (Mohd Nihra, 2007) kerana pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*) (Nor Hidayati Mokhtar, 2020). Pembelajaran dalam talian adalah satu proses pembelajaran yang efektif dan efisien. Menurut Hargis *et al.*, (2013) Hui Yong Tay (2015) menyatakan pembelajaran dalam talian adalah lebih terbuka dan masa pelajar yang diperuntukkan untuk belajar juga lebih anjal dan fleksibel. Ini menunjukkan pembelajaran dalam talian dapat melatih pelajar lebih berdikari dan belajar mengikut kesesuaian sendiri dan menjadikan seseorang pelajar lebih berkeyakinan dan produktif dalam pembelajaran mereka. Secara keseluruhan, tahap penerimaan dan aplikasi e-pembelajaran di IPT sebagai alat pembelajaran berada pada tahap yang memuaskan (Zailan & Azmi 2006). Justeru, pelaksanaan pembelajaran dalam talian perlu dirancang, dilaksanakan dan dinilai keberkesanannya dalam usaha untuk mengurangkan halangan dan masalah yang dihadapi dan pada masa yang sama untuk memaksimumkan pencapaian hasil pembelajaran (D Surani & Hamidah, 2020).

1.8 METODOLOGI KAJIAN

1.8.1 Definisi Metodologi Kajian

Penyelidikan merujuk kepada satu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghurai data dan melaporkan maklumat (Chua, 2011). Dengan kata lain, penyelidikan merupakan satu kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperoleh munasabah dan disokong oleh data-data kuantiti dan kualiti. Ia dilakukan dengan mengumpul data daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. (Soy, 1997). L. R. Gay (1996), merumuskan maksud metodologi seperti berikut:

1. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji).
2. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan.
3. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas (terperinci) lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

1.8.2 REKA BENTUK KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan kaedah pengumpulan data

telah dilakukan berasaskan sumber perpustakaan yang mengandungi data primer dan sekunder. Menurut Yusuf (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, dan temu bual. Data primer merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujukan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, dan artikel akhbar serta majalah.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini penerokaan secara mendalam berkaitan impak pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar keluarga B40 dilakukan terhadap tiga orang responden yang telah ditemu bual secara dalam talian. Antara kriteria responden yang diguna pakai dalam kajian ini adalah seperti berikut: (a) pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi dalam Malaysia dan (b) pelajar dari keluarga B40 (mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM 4360.00 sebulan). Kesemua responden di dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar serta luar bandar di Kota Bharu, Kelantan. Sebelum temubual dijalankan temu janji dan persetujuan dari responden untuk terlibat dalam kajian ini telah diperolehi terlebih dahulu. Setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan perspektif dan dari pengalaman hidup mereka sebagai pelajar yang menjalani pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi keluarga B40. Semua temu bual direkodkan dan ditranskripikan. Analisis tematik telah digunakan dalam menganalisis data. Data dalam kajian ini diasingkan dan dikelompokkan mengikut persamaan dan perbezaan maksud.

Seterusnya kajian menerapkan kaedah penganalisan data berpandukan dua kaedah utama iaitu kaedah induktif dan deskriptif. Kaedah induktif diaplikasikan

untuk mendapatkan fakta-fakta yang bersesuaian mengenai pengajian dalam talian ketika wabak Covid-19. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data. Rajah dibawah menunjukkan ringkasan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1: Metodologi kajian

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR)

2.1.1 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

Pandemik Covid-19 memberikan kesan langsung kepada sistem Pendidikan Malaysia. Berikutan dengan penularan wabak yang begitu pantas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mengambil keputusan untuk menutup sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi di negara ini. Rentetan daripada penutupan pusat pengajian, sektor pendidikan telah menuntut kepada pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Tidak sekadar di Malaysia, malahan ianya menjadi alternatif pilihan bagi sistem pendidikan di negara yang terjejas dengan wabak ini (Moawad, 2020). Menurut Salsabila *et al.* (2020) teknologi merupakan alternatif dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa dunia dilanda wabak Covid-19 supaya pembelajaran dalam talian dapat dijalankan walaupun tanpa perjumpaan fizikal antara tenaga pengajar dan pelajar (Mohd Salleh *et al.*, 2020). Norma baharu ini telah membuka ruang pembelajaran kepada kaedah *virtual learning* (pembelajaran maya) (Arnseth & Hatlevik, 2010). Senario ini telah memberikan perubahan yang besar terhadap penggunaan platform digital secara meluas (Mohd Fairuz Jafar, *et.al*, 2020). Nurfaradilla (2020) serta Aida Shuhaida dan Rohizani (2020) mendapati bahawa pengajaran secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) telah menarik minat dan motivasi pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian kaedah pengajaran menggunakan pelbagai aplikasi digital secara dalam talian tersebut telah menarik minat, sikap dan motivasi pelajar untuk belajar.

Menurut Fariz Danial (2020), faktor teknologi menjadi kekangan kepada pengajaran dan pembelajaran dalam talian tidak boleh dijadikan alasan kepada tenaga pengajar untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam talian. Dapatan ini juga menyokong kajian Najmi Syahiran Mamat (2020), bahawa sejak menjalani norma baharu, tenaga pengajar menjadi lebih kreatif dalam penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dilaksanakan. Sokongan pedagogi dan teknikal yang mantap dengan tersedianya jaringan komunikasi yang kukuh dapat membantu proses pengajaran pengajar dan pembelajaran pelajar dengan berkesan (Liu *et al.*, 2010). Oleh itu, dasar dan polisi pembangunan negara menunjukkan bahawa Malaysia sangat mementingkan penggunaan TMK dalam pendidikan (Robiah & Nor Sakinah 2007). Dapatan kajian Ummu Salma dan Fariza (2014) juga menunjukkan pengajar dapat menerima persekitaran pembelajaran maya dalam dunia pendidikan kerana persekitaran pembelajaran maya merupakan sebahagian daripada hasrat kerajaan untuk melahirkan warganegara yang celik teknologi maklumat.

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bukanlah perkara asing di universiti, tambahan lagi menerusi falsafah cybergogy (pembelajaran maya) yang begitu dekat dengan generasi hari ini selain daripada heutagogy (pembelajaran sendiri) dan paragogy (pembelajaran berorientasikan rakan sebaya) merupakan istilah yang biasa didengari oleh pengajar dan pelajar di peringkat pengajian tinggi (Fazurawati Che Lah, 2020). Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian

diklasifikasikan kepada dua iaitu interaksi segerak (*synchronous*) dan interaksi tidak segerak (*asynchronous*). Interaksi segerak lebih menyerupai kaedah bersemuka di mana pensyarah dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dalam masa serentak dengan semua pelajar dari tempat berbeza seperti persidangan video dan perbualan langsung. Manakala interaksi tidak segerak pula adalah sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang dilangsungkan secara tidak serentak dan berpusatkan pelajar dengan penggunaan sumber dalam talian yang terhad seperti video tersimpan, pembacaan artikel, kiriman perbincangan dan perkongsian nota. (Zawiah Binti Bahrom, 2020).

Pembelajaran elektronik atau maya (*Online Learning*) adalah penggunaan teknologi komunikasi dalam menyalurkan maklumat untuk pendidikan dan latihan (Sun *et al.* 2008). Potensi pembelajaran elektronik atau maya sebagai alat bantuan yang dapat meningkatkan tahap pendidikan dan prestasi pelajaran juga berkait rapat dengan tanggapan bahawa pembelajaran secara maya ini mampu meningkatkan prestasi pelajaran, meningkatkan produktiviti akademik dan boleh menjadikan proses pembelajaran lebih mudah (Park 2009). Menurut Al-Adwan dan Smedley (2012), penggunaan teknologi dalam kaedah pembelajaran terutama pada peringkat pengajian tinggi dapat memberi kelebihan dari segi proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di era pandemik ini menuntut pensyarah menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk membentuk bahan pengajaran yang menarik minat dan semangat pelajar (Aulia Riska Nugraheny, 2020). Dapatan kajian Aulia Riska Nugraheny (2020) pula menyatakan *Whatsapp*, *Google Classroom* dan *Google Meet* antara aplikasi yang sering digunakan kerana mudah dicapai dan dikenali serta menjimatkan penggunaan data berbanding aplikasi lain seperti *E-Learning* dan *Zoom*. Kaedah interaksi segerak

lebih cenderung digunakan oleh pensyarah bagi menggantikan interaksi bersemuka dan kaedah ini memerlukan kemudahan yang sangat baik antara pensyarah dan pelajar dari segi akses capaian serta melibatkan kos yang tinggi (Fazurawati Che Lah, 2020).

2.1.2 Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah

Melalui keperluan dunia pada hari ini, dunia pendidikan menjadi semakin moden dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin membangun (Mary Yap Kain Ching, 2015). Menurut Shazarina *et al.* (2020), perubahan kepada corak pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini bukan sahaja menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar malah pengajar juga turut berhadapan dengan keresahan yang tersendiri. Sebahagian tenaga pengajar merasakan perubahan paradigma adalah amalan yang sukar apabila keadaan mewajibkan penggunaan pengajaran secara maya (Mohan Rathakrishnan, 2020). Raja Nur Faznie Aida (2020) menyatakan pendidikan dan pembelajaran dalam talian memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal, emosi dan juga sosial. Terdapat beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini berkaitan dengan tekanan emosi pensyarah. Dapatan juga menunjukkan perubahan sistem merupakan faktor utama yang menyumbang diikuti bebanan kerja, karenah pelajar, hubungan interpersonal seterusnya kekangan masa dan sumber (Normarina Ramlee, 2015). Kesediaan pengajar dari segi kemahiran dan pengetahuan juga menjadi cabaran utama (Mohd Hafiz Abu Hassan, 2020). Chung dan Jamaludin (2010), berpendapat bahawa terdapat segelintir tenaga pengajar yang masih kurang yakin dalam keberkesanan penggunaan TMK dalam PDPR dan masih kurang mahir dalam penggunaan TMK. Hal ini menyukarkan tenaga pengajar untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang berasaskan TMK. Masih terdapat tenaga pengajar yang

belum bersedia untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran teknologi dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian (Yahya *et al.*, 2020). Tenaga pengajar juga kurang diberi pendedahan tentang platform yang boleh digunakan seperti *Zoom, Google Meet, Microsoft Teams* dan sebagainya untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Foon & Sum, 2004). Metod dan cara penilaian dalam talian yang terhad turut membimbangkan tenaga pengajar (Zhu, Bonk & Sari, 2018).

Selain daripada cabaran yang dihadapi oleh pengajar, persepsi dan cabaran pelajar terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik ini juga harus diambil kira dan tidak dipandang enteng (Siti Nurshahidah Sah Alam *et al.* 2020). Tenaga pengajar juga gusar tentang penglibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian atau pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) yang dijalankan oleh mereka (Foon & Sum, 2004). Hal ini kerana, walaupun pengajar bersemangat dalam menyediakan bahan-bahan pembelajaran namun jika tidak mempunyai penyertaan dan kesediaan daripada pelajar maka objektif sesi PDPR tidak dapat dicapai dengan sempurna (Muniroh *et al.* 2020). Masih ramai pelajar yang tidak berpeluang untuk menjalani pembelajaran dalam talian berkemungkinan kerana terdapat kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka untuk turut sama melibatkan diri dalam PDPR (Yahaya *et al.* 2020).

Memandangkan pelajar datangnya daripada pelbagai latar belakang ekonomi dan sosial, persiapan untuk menjalani pembelajaran dalam talian akan menjadi cabaran terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar. Kemahiran literasi komputer dalam kalangan pelajar juga boleh menjadi halangan dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian (Tuncay, 2010). Selain itu, kesediaan pelajar untuk menerajui pembelajaran sendiri melalui pembelajaran dalam talian juga perlu

dipertimbangkan (Ajmal & Ahmad, 2019). Pernyataan ini disokong oleh Siti Balqis dan Muniroh (2020) yang menyatakan bahawa terdapat segelintir pelajar tidak memberi kerjasama dan masih belum bersedia dengan pengajaran dan pembelajaran dalam talian kerana dijalankan melalui platform seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom Cloud Meeting*, *Youtube* dan lain-lain yang menyebabkan suasana pembelajaran jauh berbeza dalam tempoh PKP berbanding sebelumnya (Asbah Razali, Fauziah Ani & Siti Nor Azhani Mohd Tohar, 2020). Oleh itu, faktor tenaga pengajar adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (Salleh 2003; Hattie 2003).

2.1.3 Kelebihan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah

Penggunaan TMK dalam pendidikan amat sesuai untuk dijadikan sebagai alat yang boleh membantu tenaga pengajar dalam proses PDPR (Nor Haiza, Siti Zaiton, & Paridah Samsuri, 2001). Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2003), Zamri dan Nur Aisyah (2011), multimedia membuka ruang kepada tenaga pengajar untuk mengaplikasikan pelbagai teknik kerana TMK dapat memperkayakan teknik pengajaran serta pelengkap kepada penyampaian maklumat pengajaran yang berkesan (Robert & Kristi, 2004). Tenaga pengajar dapat menggunakan pembelajaran secara dalam talian sebagai platform penghantaran nota kuliah kepada pelajar ataupun penghantaran hasil tugas kepada pensyarah melalui e-mel, menyediakan ruangan forum yang dapat memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk berkomunikasi kerana kajian mendapati pembelajaran maya ini memberikan keselesaan kepada pelajar-pelajar yang *introvert* (Analisa *et.al*, 2013). Di samping itu, bahan pengajaran yang disampaikan melalui laman web mestilah mempunyai

ciri-ciri multimedia seperti teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video serta ruangan forum (Learnframe, 2001). Suatu kepentingan kepada pensyarah untuk menyediakan maklumat yang teratur dan tepat seperti nota kuliah, tutorial dan senarai projek yang hendak dilaksanakan (Merillat & Holvoet, 2008) hal ini agar pembelajaran menjadi lebih efektif dan interaktif serta mendorong pelajar mempunyai pandangan yang positif terhadap kursus pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian (Mohd Kohairudin, 2004; Larkin, 2007; Yusup Hashim, Md Noor Saleh, Ismail Raoh & Mahizer Hamzah, 2008).

Salleh (2007) menyatakan bahawa pelajar sebenarnya lebih tertarik kepada pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya berpusatkan pada pengajar semata-mata. Penggunaan elemen multimedia seperti teks, audio, video, animasi, grafik, gambar dan animasi yang interaktif dapat merangsang minat pelajar untuk mengikuti PDPR (Ibrahim, 2013, Vebrianto, & Osman, 2012, Basiron, 2012; Rashidi, 2009). Salah satu inisiatif interaktif dalam pembelajaran dalam talian ialah dengan menggunakan gamifikasi (Filomena Faiella & Maria Ricciardi, 2015). Kajian sistematik yang dijalankan oleh Hamari *et al.* (2014), gamifikasi telah dibuktikan efektif dalam pelbagai bidang terutamanya bidang pendidikan.

Di samping itu, peningkatan perkembangan dalam teknologi maklumat dan populariti internet menjadikan persekitaran pembelajaran secara dalam talian berupaya mengatasi halangan masa dan kekangan ruang yang dihadapi pelajar (O'Sullivan, 2003; Moursund, 2003). Menurut Aisyah *et al.*, (2012) menyatakan bahawa perkembangan teknologi multimedia membuka peluang yang lebih besar dalam merubah cara pembelajaran, memperoleh dan mengaplikasikan maklumat berkaitan ilmu pengetahuan. Ini kerana media elektronik menyediakan persekitaran

pembelajaran berdasarkan prinsip ketepatan masa dengan kompetensi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira ruang dan masa (Karaoulis, 2004). Konsep ini amat sesuai dengan teori andragogi iaitu pelajar belajar secara regulasi sendiri mengikut kesesuaian peribadi (Knowles, Holton & Swanson, 2005). Pengajar akan menyediakan bahan pengajaran secara dalam talian dan pelajar bebas untuk mengakses pembelajaran mereka mengikut masa dan kesesuaian yang mereka inginkan (Sujaihah, 2003). Ini membolehkan pelajar untuk mempraktikkan pembelajaran sendiri di mana pelajar menentukan pembelajaran mereka dan pengajar akan bertindak sebagai pembimbing dan fasilitator (Esah Sulaiman, 2004).

Selain itu, perkembangan terkini menyaksikan TMK menjadi alat pemangkin utama untuk menyebarkan dan menyimpan maklumat dan seterusnya membantu pelajar membina pengetahuan baharu dalam semua bidang (Lechner & Boli 2009). Menurut Esa Rahman (2006), penggunaan TMK dalam pendidikan merupakan salah satu pendekatan moden yang canggih dapat meningkatkan minda pelajar dalam memahami kandungan isi pelajaran dan menarik minat untuk belajar. Penggunaan media pengajaran berasaskan multimedia bukan sahaja akan menjadikan PDPR lebih menarik dan berkesan malahan sesi pengajaran juga akan menjadi lebih jelas dan mudah difahami (Anas, 2013). Faridah (2007), menyatakan jika teks isi pelajaran yang panjang lebar dapat diringkaskan atau dipersembahkan dalam bentuk grafik, video, audio atau animasi kerana sesungguhnya gabungan grafik, animasi, warna, teks dan bunyian melahirkan persembahan yang lebih menarik serta mampu merangsangkan minda pelajar. Justeru, penggunaan TMK yang merangkumi perisian pengajaran multimedia mampu meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam akademik (Jamalludin & Zaidatun 2003; Al-Mikhlaifi, 2006).

2.2 PENGENALAN KUMPULAN ISI RUMAH B40 DAN CABARANNYA

B40, M40 dan T20 merupakan kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Isi rumah B40 adalah isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360. Isi rumah M40 adalah isi rumah berpendapatan di antara RM4,360 – RM9,619. Kumpulan isi rumah T20 adalah berpendapatan melebihi RM9,619. Berdasarkan kepada definisi B40, M40 dan T20 nasional, bilangan isi rumah B40 adalah seramai 2.78 juta, isi rumah M40 adalah 2.78 juta dan isi rumah T20 seramai 1.33 juta isi rumah. (Shahriman Haron, 2020). Oleh itu, secara ringkasnya, seramai 2.78 juta bilangan isi rumah kumpulan B40 atau *Bottom* 40% dapat dikategorikan sebagai kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dari keseluruhan isi rumah dengan had pendapatan kasar bulanan adalah RM4,360.00 dan ke bawah (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).

Isi rumah B40 berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi. Kemudahterancaman didefinisikan sebagai keterdedahan terhadap kerosakan atau kesakitan kesan berlakunya perubahan sosial dan alam sekitar serta ketidakupayaan untuk beradaptasi terhadap perubahan tersebut (Adger, 2006). Isi rumah yang memperoleh pendapatan rendah cenderung berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar (Rospidah, 2017; Ismail *et. al*, 2019). Hasil kajian Ismail *et. al* (2019), mendapati tiga faktor kemudahterancaman ekonomi disebabkan kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan utama, kemusnahan hasil tanaman iaitu tanaman getah, sayur-sayuran dan ternakan dan kejatuhan harga tanaman atau tanaman komoditi. Pergantungan isi rumah kepada satu punca pendapatan menjadikan isi rumah mudah terdedah kepada kejutan dan tekanan yang berpotensi menjejaskan kehidupan mereka (Rospidah,

2017). Hal ini kerana pekerjaan kumpulan B40 adalah serba biasa dengan kadar upah dan gaji yang secara relatifnya diterima agak kecil dan terlalu rendah (Dicky *et al.* 2019).

Kajian daripada Bank Negara Malaysia (2013) mendapati kumpulan isi rumah berpendapatan rendah merupakan kumpulan paling terdedah kepada isu kos sara hidup. Kumpulan ini juga telah dikenalpasti sebagai golongan yang paling berisiko apabila berlaku sebarang krisis ekonomi. Laporan tahunan Bank Negara Malaysia (2015) menyatakan masalah kos sara hidup berkait dengan peningkatan inflasi dan corak perbelanjaan individu. Kumpulan B40 pula didapati mempunyai pendapatan yang hampir sama dengan jumlah perbelanjaan. Malah, kos sara hidup yang semakin meningkat kesan daripada ketidakpastian ekonomi dan peningkatan harga barang dan perkhidmatan memberikan tekanan kepada semua tetapi lebih ketara kepada golongan B40 (Hafizuddin Syah *et al.* 2019). Kos sara hidup merujuk kepada belanjawan minimum untuk membeli sekumpulan barang dan perkhidmatan dalam mencapai tingkat taraf hidup tertentu (Tan, 2016).

Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk kesejahteraan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian (Julizah, 2014). Kos sara hidup meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan kadar pendapatan menyebabkan sebahagian besar dari pendapatan yang diterima hanya dibelanjakan untuk keperluan asas sahaja (Faeza, 2016). Pendapatan bulanan yang sedikit telah menyebabkan golongan ini sentiasa mendepani dengan masalah kewangan ketika melakukan aktiviti perbelanjaan (Nur Jannah Bukhari, 2018).

Isu kenaikan harga barangan merupakan satu isu yang tidak asing lagi. Kenaikan ini menyebabkan berlakunya masalah dari segi pendapatan kumpulan B40 terutamanya kuasa beli mereka menurun, taraf hidup terjejas, dan pendapatan benar masyarakat menurun disebabkan perbelanjaan yang semakin meningkat. Menurut Basil (2017), secara asasnya peningkatan harga barangan berkait rapat dengan kemampuan atau kuasa beli pengguna kerana ia akan memberi tekanan khususnya kepada isi rumah berpendapatan rendah apabila kuantiti barangan yang mampu dibeli akan berkurangan. Farahaini (2015), menyatakan isu kenaikan harga barangan ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup yang lebih tinggi kerana isi rumah terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk perbelanjaan barangan harian (Eh Run Eh Noi et al., 2017). Justeru, golongan berpendapatan rendah dikatakan lebih mudah terjejas terhadap risiko kerana kemampuan kewangan serta tahap simpanan yang rendah (Chiew, 2018). Malahan, golongan berpendapatan rendah amat sukar untuk kembali kepada kedudukan kewangan yang asal sekiranya sesuatu krisis berlaku, terutamanya yang melibatkan wang simpanan yang besar (Cohen, 2006; Sebtad, 2006). Hal ini kerana, golongan B40 mungkin mempunyai simpanan yang kecil atau tidak mempunyai simpanan langsung untuk membiayai kejadian-kejadian tidak jangka atau pada waktu kecemasan.

Menurut Dicky *et al.* (2019) disebabkan kumpulan B40 mempunyai kadar upah dan gaji yang rendah, majoriti kumpulan ini melakukan amalan berhutang bagi memenuhi sesuatu barangan dan perkhidmatan. Hal ini turut disokong dalam kajian Nur Fatin *et al.* (2015) iaitu realitinya amalan berhutang berlaku apabila gaji yang diperoleh tidak mencukupi dan ianya semakin bertambah apabila masalah kenaikan harga barang ini berterusan. Fenomena peningkatan harga barangan dan

perkhidmatan secara realitinya telah menjejaskan kuasa beli pengguna ketika melakukan perbelanjaan. Secara umumnya, kuasa beli adalah jumlah barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan suatu unit mata wang (Adam Hayes *et al.* 2020).

Selain faktor ekonomi, faktor kemudahterancaman sosial dan fizikal juga menjejaskan kehidupan isi rumah. Ismail *et. al.*, (2019) mendapati keadaan fizikal rumah yang sempit atau buruk, kekurangan kelengkapan dan peralatan rumah, kekurangan kemudahan asas seperti surau, tadika, dan kedai, masalah jaringan perhubungan, masalah penagihan dadah, masalah ponteng sekolah dan kerohanian merupakan faktor kemudahterancaman sosial dan fizikal bagi penduduk luar bandar. Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1943), tempat tinggal tergolong sebagai satu keperluan fisiologi yang mesti dilunaskan terlebih dahulu berbanding keperluan lain seperti keperluan keselamatan, keperluan untuk berkasih sayang, keperluan untuk penghargaan sendiri dan keperluan untuk peningkatan diri (Ridzuan *et al.* 2018). Nurul Najihah (2017), menyifatkan rumah merupakan keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk berlindung di mana keperluan ini dikenali sebagai keperluan fisiologikal. Rumah dan kediaman bukan sahaja sebagai kawasan tempat berlindung, namun juga penting sebagai kawasan berteduh dari elemen hujan dan panas di samping berlindung dari sebarang ancaman keselamatan mahupun bahaya. Justeru, kediaman yang selesa ini mempunyai peranan penting kepada kumpulan B40 dalam mendapatkan hidup yang lebih tenang, privasi, tempat yang sesuai untuk beriadah dan berehat selain sesuai bagi menjalankan aktiviti bersama keluarga (Diwa *et al.* 2016).

Walaupun, Nor Malina *et al.* (2017) dan Suhaida *et al.* (2011) dalam kajian masing-masing menerangkan bahawa faktor kemampuan pemilikan

rumah berkaitan dengan tahap pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Di Malaysia, secara puratanya dua pertiga daripada pendapatan yang diterima oleh isi rumah adalah dalam bentuk pendapatan buruh seperti upah, elaun, bonus, kerja lebih masa dan lain-lain faedah sampingan lain (Nik Azma *et al.* 2011). Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Wenjie dan Xinhai Lu (2015) yang menjelaskan bahawa kemampuan memiliki rumah dipengaruhi oleh faktor pendapatan isi rumah. Peningkatan pendapatan adalah antara faktor utama kepada peningkatan taraf kehidupan (James Petras, 2007). Taraf hidup mengukur perbandingan di antara pendapatan boleh guna yang diterima oleh isi rumah dengan kos sara hidup. Sekiranya peningkatan pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding kos sara hidup, bererti taraf hidup seseorang dikatakan semakin merosot dan sebaliknya sekiranya taraf pendapatan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari kos sara hidup dikatakan taraf hidup semakin meningkat (Jacobson *et al.*, 2010). Perubahan dalam corak pebelanjaan bagi memenuhi taraf kehidupan yang berubah turut memberi kesan kepada kenaikan kos sara hidup isi rumah (Tan, 2016). Pendapat ini telah dipersetujui oleh Ishak, Ab. G *et al.* (2007), menyatakan bahawa taraf hidup sesebuah isi rumah adalah bergantung kepada corak perbelanjaan yang dilakukan oleh mereka berdasarkan pendapatan yang diperolehi. Kebanyakan barangan terutamanya barangan keperluan harian telah mengalami kenaikan harga (Nur Jannah Bukhari, 2018). Oleh itu, kumpulan B40 di kawasan luar bandar tidak mempunyai banyak pilihan barangan untuk mendapatkan barangan yang berkualiti, maka mereka terpaksa membeli barangan tersebut walaupun harga barangan tersebut lebih tinggi berbanding di bandar (Mohd Aqmin *et al.* 2018).

Menurut Yasar (2016) dan Rospidah (2017), faktor kemudahterancaman sosial dipengaruhi oleh pengetahuan dan kemahiran isi rumah dalam mendapatkan

maklumat, memperolehi kemudahan akses pendidikan dan kesihatan serta hubungan kerjasama antara jiran dan masyarakat. Selain itu, kesan jenayah juga mempengaruhi aktiviti penjanaan pendapatan isi rumah (Ismail *et. al*, 2019; Mustaffa Omar *et al*, 2012; Anna, 2011). Hal ini berlaku disebabkan oleh peningkatan harga barangan dan kos sara hidup yang mendesak individu untuk memenuhi keperluan asas dan keperluan lain rentetan dari ketidakcukupan pendapatan akibat dari kenaikan kos sara hidup (Faeza *et al.*, 2016). Kenaikan harga barangan mengakibatkan kesan negatif secara langsung mahupun tidak langsung kepada pengguna terutamanya kepada anggota masyarakat yang sentiasa memerlukan barangan tersebut (Nor Sharmainie *et al.* 2019).

Peningkatan harga barangan juga telah menyebabkan amalan berhutang di kalangan penduduk B40 meningkat. Perkara ini telah menjurus mereka untuk melakukan pinjaman sebagai alternatif dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Maka, apabila hutang bertambah ia secara langsung akan menyebabkan tabungan berkurangan. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Rospidah (2017) yang menyatakan kumpulan B40 berhadapan dengan kemudahterancaman multidimensi seperti kebergantungan terhadap satu punca pendapatan, kos sara hidup tinggi, ketidakmampuan pemilikan rumah, kadar keberhutangan tinggi dan kekurangan pemilikan serta akses terhadap asset-aset penghidupan. Justeru, dalam konteks sosial, hubungan kekeluargaan, hubungan kemasyarakatan, penglibatan dalam organisasi dan aktiviti sosial merupakan modal sosial. Modal sosial penting bagi isi rumah menangani kemerosotan taraf kehidupan (Moser, 1998). Hal ini selari dengan beberapa dapatan seperti (Petras, 2007; Veltmever, 2007) yang mendapati kemajuan sesebuah negara akan membawa kepada peningkatan kualiti dan taraf kehidupan.

Selain itu, kemudahterancaman juga merujuk kepada kesejahteraan isi rumah yang tidak selamat akibat perubahan persekitaran yang boleh mengancam kebajikan isi rumah. Kesan daripada bencana juga menyebabkan hasil pendapatan yang diperolehi terjejas (Ismail *et. al*, 2019; Ahmad Zubir, 2017; Mustaffa Omar *et al*, 2012). Ahmad Zubir (2017), menyatakan bahawa bencana alam boleh menjejaskan golongan petani yang berpendapatan rendah. Perubahan musim terutamanya waktu tengkujuh telah menyebabkan isi rumah terdedah kepada risiko keselamatan diri akibat ribut yang melanda, aktiviti menoreh getah dan berkebun terhenti, ternakan dan tumbuhan dijangkiti penyakit, kemusnahan harta benda dan rumah, masalah kesihatan dan psikologi, kehilangan sumber pendapatan, serta menyumbang kepada masalah hubungan dengan ahli keluarga dan kejiwaan (Mustaffa *et. al*, 2012; Yasar, 2016; Noremy, 2017; Ismail *et. al*, 2019). Selain itu, kesan perubahan iklim menyebabkan suhu dirasakan semakin panas, berlakunya serangan penyakit dan serangan perosak tanaman yang semakin meningkat (Ismail *et al*, 2019; Noremy, 2017; Yasar, 2016; Mustaffa Omar *et al*, 2012). Oleh itu, pekerja yang kehilangan pekerjaan terutamanya yang telah berkeluarga akan berhadapan kesukaran untuk meneruskan kehidupan kesan daripada kehilangan pendapatan (Ismail *et. al*, 2019; Mustaffa Omar *et al*, 2012). Kebergantungan kepada pendapatan daripada sumber utama semata-mata akan menyebabkan golongan berpendapatan rendah terperangkap ke dalam golongan mudah terjejas dan terancam (Rospidah, 2017).

Oleh itu, penduduk B40 merupakan kumpulan yang diberikan keutamaan dalam mencapai kemiskinan sifar daripada pelbagai dimensi menjelang tahun 2030 (United Nations, 2016; World Bank, 2017). Kemiskinan ini didefinisikan sebagai kegagalan dalam perolehan pendapatan yang stabil mengikut spesifikasi piawaian yang telah digariskan dalam indeks kemiskinan negara (Hatta & Ali, 2013; Wang,

2004). Chamhuri Siwar dan M. Kasim (2013) turut menyatakan bahawa dalam mengukur garisan kemiskinan, beberapa perkara selain pendapatan turut perlu diambil kira. Contohnya, bilangan isi rumah dan lokasi tempat tinggal. Garisan kemiskinan ini melambangkan kumpulan isi rumah yang berisiko menghadapi kesukaran dalam menampung keperluan harian dan peningkatan kos sara hidup. Melalui perspektif ekonomi kemiskinan dikategorikan kepada dua dimensi iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif yang merujuk kepada kekurangan dalam jumlah sumber kewangan isi rumah untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan (Mowafi & Khawaja, 2005). Kemiskinan mutlak merupakan taraf hidup yang minimum yang perlu dikekalkan untuk meneruskan kehidupan (Mowafi & Khawaja, 2005). Manakala kemiskinan relatif merujuk kepada agihan pendapatan dalam konteks hubungan status ekonomi individu dalam sesebuah masyarakat (Aboo Talib, 2016).

United Nation Educational Scientific Organization (UNESCO) mengambil langkah untuk mengira kemiskinan berdasarkan petunjuk multidimensional bagi memahami makna dan realiti kemiskinan termasuk isu tempat tinggal, rumah, kesihatan, masa, hak asasi, dan pendidikan (UNESCO, 2016). Kategori kemiskinan juga harus merangkumi *invisible poor* iaitu mereka yang mempunyai pendapatan tetap tetapi pendapatan isi rumah hanya cukup-cukup untuk menampung sewa rumah, makan minum harian, bayaran bil elektrik, api, air, telefon, duit pinjaman kereta dan pendidikan (UNESCO, 2016). Kategori lain bagi golongan miskin turut melibatkan golongan yang digelar *vulnerable* seperti kanak-kanak dan ibu atau bapa tunggal, golongan kurang upaya, uzur dan berusia. Golongan ini juga terdedah kepada keadaan ketiadaan sumber kewangan, perlindungan, dan keperluan asas. Golongan ini mungkin berhadapan dengan situasi kemiskinan yang bersifat jangka

panjang kerana keterhadan fizikal, usia, dan jantina yang memungkinkan diskriminasi berlaku bagi mendapatkan pekerjaan atau akses kepada khidmat bantuan kebajikan (UNESCO 2016).

Rafael dan Machado (2007) mengelaskan kemiskinan kepada kemiskinan kronik dan kemiskinan sementara (*transient poverty*). Kemiskinan kronik merujuk kepada individu yang hidup di bawah paras kemiskinan dalam jangka masa yang panjang. Manakala, kemiskinan sementara adalah disebabkan oleh naik turun pendapatan isi rumah yang bergantung kepada keadaan ekonomi semasa (Rafael & Machado, 2007). Kategori *urban poverty* atau kemiskinan bandar adalah merujuk soal kemiskinan dan kekurangan dalam dimensi akses yang tidak mencukupi bagi isu perumahan, tanah, infrastruktur fizikal, perkhidmatan sumber ekonomi dan kehidupan, kemudahan kesihatan dan pendidikan, jaringan keselamatan sosial, suara dan pemeraksanaan (UNESCO, 2016).

Kemiskinan boleh berlaku dalam kalangan masyarakat yang tinggal di bandar, mahupun di luar bandar. Keadaan miskin bandar bukan hanya merujuk kepada keadaan kekurangan melalui aspek kewangan dan harta benda tetapi ia adalah suatu keadaan yang dikenali sebagai kemiskinan multidimensional (Suryawati, 2005). Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh beberapa aspek lain seperti tempat tinggal yang selamat, peluang pendidikan, keselamatan sosial, infrastruktur dan perkhidmatan serta hak sosial dan hak untuk bersuara menjadi faktor penolak kepada berlakunya keadaan miskin bandar dalam kalangan individu atau keluarga yang mendiami kawasan bandar (Nasikun, 2001; Wang, 2004; Asia Bank, 2014). Pendapat ini telah dipersetujui oleh Nor Aini dan Chamhuri (2003) mendapati faktor kemiskinan bandar adalah tahap pendidikan rendah dan kekurangan kemahiran, saiz keluarga yang besar, kekurangan peluang pekerjaan dan upah yang rendah dan

kekurangan akses kepada kemudahan asas. Golongan miskin bandar adalah kumpulan B40 yang terpinggir dan gagal menikmati segala kemudahan yang tersedia di bandar. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa bergelut dalam kesusahan demi meneruskan kelangsungan hidup (Nor Asyikin, 2018).

Jika diperhatikan secara mendalam kewujudan miskin bandar berpunca daripada proses urbanisasi yang berlaku di kawasan bandar. Proses ini telah menyebabkan berlakunya migrasi penduduk luar bandar ke kawasan bandar. Akibat daripada berlakunya proses urbanisasi yang tidak terkawal, ia telah menyebabkan populasi penduduk tidak stabil dan telah menggugat kualiti taraf hidup masyarakat di bandar (Mohd Fadzil & Ishak, 2007). Antara faktor berlakunya proses migrasi penduduk luar bandar ke bandar adalah kerana peluang untuk memajukan diri ke arah yang lebih baik. Ini didorong oleh peluang pekerjaan yang meluas (Ravallion, 2007). Namun begitu, menurut Zhou (2000) individu yang bermigrasi ini menghadapi masalah kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan oleh kerana taraf pendidikan yang rendah dan kekurangan kemahiran kerja yang dimiliki. Kesan lambakan penduduk di kawasan bandar, menyebabkan berlakunya proses pembandaran yang kurang sihat antaranya ialah peningkatan kos sara hidup tinggi dan pengurangan keupayaan penduduk bagi memperoleh keperluan asas dan perkhidmatan dengan baik (Mohd Fadzil & Ishak, 2007). Hal ini telah dibuktikan oleh Bank Negara Malaysia dalam menyatakan bahawa terdapat sebilangan besar isi rumah masih terbeban dengan hutang yang ditanggung dan terkesan dengan peningkatan kos sara hidup semasa (Bank Negara Malaysia, 2017).

Di samping itu, akibat daripada kesukaran mendapatkan pekerjaan kerana kekurangan aspek kemahiran yang dimiliki bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan, kumpulan B40 menghadapi kesukaran untuk meneruskan kelangsungan

kehidupan (Wan Nor Azriyati *et al.*, 2011). Kesan daripada fenomena ini, ia telah memberi impak kepada isu penyertaan sosial masyarakat kumpulan B40 yang membawa kepada kewujudan stigma dan pengasingan masyarakat, seterusnya melahirkan masyarakat berpendidikan rendah dan kesukaran mendapat peluang pekerjaan lebih baik serta pengekalan kepada status kemiskinan bandar yang berpanjangan (Vinson, 2009; Atkinson, Eric & Brian, 2004). Justeru, Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan Perkara 12 dengan menyatakan bahawa tiada diskriminasi dalam mendapatkan pendidikan formal bagi setiap warganegara. Hal ini dirujuk dalam Perkara 8 Perlembagaan Malaysia yang menyatakan hak sama rata bagi setiap warganegara tanpa mengira agama, kaum, keturunan atau jantina dalam hal kesamarataan mendapatkan pendidikan formal (Perlembagaan Malaysia, 2013). Pembangunan pendidikan adalah alternatif terbaik bagi mengatasi isu kumpulan B40 yang menghadapi masalah kekurangan tahap pendidikan dan kekurangan kemahiran yang dimiliki bagi mendepani pasaran pekerjaan. Maka jelaslah bahawa pendidikan adalah agen terbaik dalam usaha mengubah status ekonomi keluarga (Nasrudin, Mohd Suhaimi, Junaenah, Manisah & Noor Rahamah, 2016).

2.3 DEFINISI KOMUNIKASI

Komunikasi secara umum merupakan proses untuk menyampaikan maklumat, memberi kesan dan pertukaran idea serta pandangan sesama manusia (Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, 2005). Menurut Abdul Aziz Yusof (2003), komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Pendapat ini disokong oleh Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji (2014) yang menjelaskan bahawa komunikasi bukan sahaja

suatu proses seseorang individu bertukar idea atau maklumat malah juga untuk berkongsi perasaan dengan orang lain semasa berkomunikasi.

Proses komunikasi memerlukan beberapa unsur atau elemen merupakan perkara-perkara yang membantu proses komunikasi dan semua elemen ini bertindak antara satu sama lain bagi memastikan segala yang diharapkan dalam berkomunikasi mencapai matlamatnya (Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain, 2005). Menurut Sandra Hybels dan Richard L. Weaver II, (2004) proses komunikasi melibatkan enam elemen penting iaitu pemberi dan penerima mesej, mesej, maklum balas, saluran, halangan dan persekitaran.

i. Penghantar dan Penerima (*Sender – Receiver*)

Elemen komunikasi yang utama ialah komunikator iaitu penghantar dan penerima maklumat. Kedua-dua elemen ini merupakan tempat permulaan proses komunikasi. Penerima terdiri daripada individu, kumpulan atau orang ramai yang menjadi sasaran mesej (Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, 2005). Proses komunikasi juga boleh berlaku secara dua hala iaitu pemberi maklumat akan bertindak sebagai penerima maklumat dalam masa yang sama dan sebaliknya (Sandra Hybels & Richard L. Weaver II, 2004).

ii. Mesej dan Maklum balas (*Message – Feedback*)

Mesej terhasil daripada perkongsian idea dan perasaan pemberi dan penerima maklumat. Mesej terdiri daripada simbol yang verbal dan simbol bukan verbal. Simbol verbal seperti idea atau benda dan simbol bukan verbal digambarkan melalui memek muka, intonasi suara, kedudukan tubuh badan dan pengalaman (Owen Hargie dan David Dickson, 2004). Abdullah Hassan mengatakan mesej terdiri daripada dua bentuk iaitu secara lisan dan bukan lisan. Mesej lisan iaitu maklumat yang

disampaikan dengan menggunakan medium bahasa pertuturan manakala mesej bukan lisan maklumat disampaikan tanpa menggunakan pertuturan (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2005). Maklum balas ialah respon yang diperolehi daripada penerima terhadap sumber. Maklum balas juga berlaku dalam bentuk verbal (bersuara) dan tidak verbal (tidak bersuara) (Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, 2005). Maklum balas terhadap mesej yang diberi membuktikan proses komunikasi sedang berlaku. Maklum balas yang diperolehi memberi peluang kepada komunikator untuk menukar haluan mesej dan saluran dalam bentuk yang berlainan dengan persetujuan bersama agar lebih difahami dan memenuhi keperluan komunikasi (Saundra Hybels & Richard L. Weaver II, 2004).

iii. **Saluran (*Channel*)**

Saluran atau medium yang digunakan sepanjang proses komunikasi adalah penting bagi memastikan mesej yang disampaikan lebih efektif. Penggunaan jenis saluran komunikasi yang pelbagai bergantung kepada situasi. Contohnya, televisyen, telefon, internet, VCD semua bentuk media massa manakala komunikasi bersemuka iaitu suara, telinga, mata, dan deria sentuh. Saluran komunikasi secara umum adalah segala kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maksud mesej yang dibawa oleh komunikator (penghantar dan penerima) (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2005).

iv. **Gangguan atau halangan (*Noise*)**

Segala perkara yang menghalang proses komunikasi sama ada berbentuk dalaman, luaran mahupun semantik. Gangguan berbentuk dalaman iaitu gagal memberi fokus dan memikirkan perkara lain ketika proses komunikasi berlaku manakala gangguan

luaran melibatkan keadaan persekitaran seperti kebisingan, suasana yang tidak kondusif. Gangguan semantik terhasil melalui reaksi emosi terhadap penggunaan bahasa yang melahirkan perasaan sedih, marah atau gembira. (Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain, 2005). Dengan kata lain, gangguan adalah penghalang untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh komunikator (penghantar dan penerima) (Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II, 2004).

v. **Persekitaran (*Setting*)**

Suasana tempat komunikasi berlaku mempengaruhi proses komunikasi. Keadaan tempat seperti suasana bilik, cahaya, warna semuanya meninggalkan kesan kepada komunikasi. Bentuk komunikasi akan berubah mengikut situasi sama ada komunikasi itu berlaku secara formal atau tidak dan semuanya melibatkan kaedah penyampaian yang berbeza bagi menjamin keberkesanan mesej yang hendak disampaikan (Saundra Hybels & Richard L. Weaver II, 2004).

2.3.1 Komunikasi Lisan (Verbal) dan Bukan Lisan (Non-Verbal)

Komunikasi dapat difahami sebagai suatu proses untuk mewujudkan, memproses dan bertukar maklumat atau idea antara individu, kumpulan dan organisasi sosial sama ada secara lisan (*verbal*) atau bukan lisan (*non-verbal*) (Barret 2006). Komunikasi lisan mampu mempengaruhi penyampaian sesuatu maklumat. Penyampaian dan penerimaan maklumat akan melibatkan dua atau lebih individu dalam sesuatu komunikasi. Hal ini merangkumi semua aspek komunikasi seperti mendengar secara aktif, pemujukan, penegasan, komunikasi bukan verbal dan sebagainya. (Azizi, Sharifuddin dan Halimah, 2010). Menurut Sulaiman (2002), komunikasi lisan (*verbal*) boleh berlaku secara informal dan formal. Komunikasi lisan secara informal

berlaku apabila dua individu berkomunikasi bersemuka secara langsung untuk mengeratkan silaturrahim atau untuk mewujudkan hubungan peribadi antara individu. Antara contoh komunikasi formal pula adalah mengajar, bermesyuarat, taklimat, temuduga dan pengucapan awam. Komunikasi lisan secara informal dan formal adalah proses di mana individu saling berkongsi pengalaman mereka. Ketika mereka berkomunikasi, mereka akan bertukar pengetahuan dan pengalaman masing-masing dan melalui cara ini, seseorang individu mendapat kelebihan daripada perkongsian pengetahuan tersebut (Mazni Mohamed Mokhtar & Roselan Baki, 2013). Menurut Nussabaum (2007), antara kemahiran komunikasi lisan termasuklah kemahiran mendengar, berhujah, membaca, sopan dalam bicara dan juga kemahiran menggunakan sumber dan teknologi. Oleh itu, jika dilihat daripada fenomena ini, proses komunikasi lisan dianggap sebagai tunjang utama dalam melakukan tugas harian merupakan perkara asas yang tidak dapat dielakkan oleh setiap individu (Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar, 2010).

Komunikasi Bukan Lisan (*Non-Verbal*) adalah semua tingkah laku yang dihasilkan oleh tubuh manusia sama ada disengajakan atau tidak, dihasilkan secara fitrah semula jadi atau dipelajari seperti pergerakan, anggukan, isyarat, perubahan riak wajah, penampilan imej, ragam dan perubahan nada suara yang boleh diterjemahkan sebagai mesej antara penghantar dan penerima (Al-Arini, 2011). Menurut Norazlina dan Raja Masitah (2012), air muka merupakan imej sendiri yang ditonjolkan kepada umum memberikan gambaran imej dalaman tentang diri seseorang dan berkait rapat dengan konsep seperti harga diri, status dan maruah. Hal ini telah dipersetujui oleh Mohd. Baharudin Othman dan Mohd. Khairie Ahmad (2004) yang menyatakan komunikasi bukan lisan merupakan satu bentuk mesej yang boleh mentafsir emosi, personaliti, tujuan dan juga status sosial seseorang. Oleh itu,

komunikasi bukan lisan perlu seiring dengan komunikasi lisan. Komunikasi bukan lisan boleh digunakan untuk mengukuhkan apa yang dikatakan secara lisan kerana komunikasi bukan lisan dilihat dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian sesuatu mesej serta berfungsi sebagai pelengkap kepada komunikasi lisan. (Maizatul Haizan & Noor Afzaliza, 2017). Apabila komunikasi lisan dan bukan lisan tidak sekata, maka individu akan lebih percaya kepada komunikasi bukan lisan (Norazlina & Raja Masittah, 2012).

Justeru, Muhammad (2009) telah membuat kesimpulan bahawa komunikasi bukan lisan ialah satu cara penyampaian mesej atau informasi kepada individu lain tanpa menggunakan ucapan atau kata-kata, sebaliknya menggunakan gerakan atau isyarat. Komunikasi bukan lisan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu komunikasi isyarat dan komunikasi visual (Ivy Deirdre, 2012). Komunikasi isyarat ialah makna yang dilahirkan oleh bunyi, gerakan anggota badan, mimik muka, objek atau sebarang rekabentuk yang di luar daripada penggunaan biasa oleh sistem bahasa yang formal. Komunikasi isyarat berbeza-beza maknanya mengikut budaya bangsa. Sesuatu pergerakan yang biasa dilakukan oleh orang melayu adalah berbeza maksudnya apabila dilihat dan ditafsir oleh bangsa lain (Sulaiman, 2002). Selain itu, komunikasi visual pula membolehkan individu berkomunikasi menggunakan imej-imej visual seperti gambar, lukisan atau ilustrasi tertentu. Komunikasi visual boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu komunikasi grafik, imej bergerak dan komunikasi bertulis. Komunikasi grafik biasanya disampaikan melalui media massa seperti akhbar, risalah majalah dan sebagainya. Sementara komunikasi imej bergerak lazimnya digunakan oleh televisyen dan video. Media ini berfungsi untuk rancangan pendidikan dan demonstrasi. Kelebihan media ini menggunakan kombinasi imej

visual, perkataan dan audio untuk menyampaikan mesej yang realistik. (Ivy Deirdre, 2012).

Komunikasi bukan lisan merupakan satu bentuk komunikasi manusia yang paling asas, primitif dan memberi banyak mesej komunikasi (K. Sri Gavatthredevi & D. Sudharani Ravindran 2010). Kedua-dua jenis komunikasi ini saling melengkapi antara satu sama lain dan bekerjasama untuk melahirkan makna dalam sesuatu perilaku komunikasi (Nor Suhaila *et. al*, 2014). Kajian oleh Sulaiman Masri dan Ahmad Khair (2005) menyebut 20% daya tarikan dalam pertemuan bersemuka adalah melalui perkataan manakala baki 80% daripada gerakan muka, mata, badan, jarak, pakaian, penampilan, bau, dan nada suara.

2.3.2 Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan Intrapersonal

Kemahiran komunikasi Interpersonal berlaku apabila individu atau kumpulan berbual menyampaikan maklumat dan perasaan sama ada dalam bentuk bersemuka atau dalam bentuk meditasi (Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015). Komunikasi yang dimaksudkan di dalam kemahiran Interpersonal adalah kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran bertutur, kemahiran memberi maklum balas, unsur bahasa, kemahiran mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan dan komunikasi bukan lisan (Abdullah & Ainon, 2002). Komunikasi interpersonal sebenarnya adalah suatu proses sosial, di mana individu yang terlibat saling mempengaruhi antara satu sama lain. (Reni Suryani, 2019). Melalui interaksi dalam komunikasi Interpersonal, pihak yang terlibat mampu untuk saling memberi inspirasi, semangat dan sokongan sekaligus mengubah pemikiran dan sikap individu. (Mustika Chairani, Ida Wiendiiarti & Dewi Noviant, 2009). Selain itu, komunikasi Interpersonal juga salah satu dari komunikasi yang sering digunakan untuk memenuhi keperluan setiap

individu dengan tujuan untuk mendapatkan informasi, mengenali individu lain, memahami situasi dan persekitaran, menyesuaikan diri dengan masyarakat dan peranan individu dalam masyarakat serta untuk memenuhi keperluan asas Interpersonal (Abdullah & Ainon, 2004).

Tay Meng Guat (2013) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa komunikasi Interpersonal yang melibatkan perbualan antara seorang individu dengan individu lain atau interaksi individu dengan sekumpulan individu dalam sesebuah komuniti membantu individu tersebut untuk memahami perlakuan dan cara berkomunikasi berbeza bagi setiap individu yang berlainan serta dapat berhubung dalam realiti masyarakat semasa. Hal ini kerana komunikasi Interpersonal secara bersemuka membolehkan kedua-dua belah pihak menangkap reaksi secara langsung, baik secara lisan mahupun bukan lisan. Menurut Zawiyah Yusof (2009), kemahiran komunikasi Interpersonal merupakan keupayaan menemui keperluan antara individu kerana komunikasi Interpersonal sangat sesuai digunakan dalam proses untuk menasihati, mempengaruhi atau memujuk semasa berinteraksi dengan individu lain di sekeliling (Widya P.Pontoh, 2013). Komunikasi interpersonal secara bersemuka mewujudkan perasaan rapat dan akrab di antara pihak yang berinteraksi berbanding dengan berkomunikasi secara dalam talian (Widya P.Pontoh, 2013). Melalui komunikasi interpersonal individu boleh mendapatkan tindak balas dan reaksi daripada mesej yang disalurkan dan dapat ditakrifkan dengan segera kerana ianya melibatkan hubungan bersemuka (Deddy, 2005).

Proses komunikasi Interpersonal akan bermula apabila terdapat individu yang ingin menyampaikan maklumat atau mesej kepada individu lain secara lisan atau bukan lisan iaitu samada dengan menggunakan medium suara atau medium tulisan (Widya P.Pontoh, 2013). Individu yang menerima maklumat seterusnya memberi

respon yang bersesuaian supaya komunikasi tersebut berjalan lancar. Maka kemahiran komunikasi Interpersonal yang tinggi merupakan asas kepada kewujudan komunikasi berkesan kerana setiap individu mampu menyampaikan maklumat dan menerima maklumat yang disampaikan dengan jelas dan tepat. (Abdullah & Ainon, 2002). Menurut Mira Sekar Arumi, Nurul Atiqoh & Sri Kijang Hartini, (2018) beberapa perkara perlu dipertimbangkan oleh setiap individu bagi memastikan proses komunikasi Interpersonal yang dilakukan berkesan dan berjalan lancar. Antaranya adalah sikap berfikiran terbuka. Kesiediaan individu untuk berinteraksi dengan individu lain adalah kunci utama dalam menjalankan proses komunikasi Interpersonal. Seseorang yang berfikiran terbuka akan bersikap lebih jujur dan dapat memberi lebih banyak maklumat kepada pihak yang menerima. Kedua adalah sifat empati iaitu keadaan apabila seseorang individu dapat merasakan perkara yang dirasakan oleh individu lain dan ia merupakan komponen dalaman daripada proses komunikasi sesama manusia. Proses empati berkait dengan proses mendengar. Apabila individu tersebut mendengar luahan hati individu lain, maka hubungan akan menjadi erat dan wujud sifat bertimbang rasa dengan individu lain (Mira Sekar Arumi, Nurul Atiqoh & Sri Kijang Hartini, 2018). Sikap saling memberi sokongan juga merupakan salah satu ciri proses komunikasi Interpersonal yang berkesan. Berfikiran positif sewaktu berkomunikasi adalah berpandangan baik terhadap individu lain. Aspek ini sangat penting dalam menjalin kerjasama dalam organisasi. Akhir sekali, adalah nilai kesamarataan iaitu tidak membandingkan seseorang individu dengan individu lain atau diri sendiri ketika berinteraksi (Mira Sekar Arumi, Nurul Atiqoh & Sri Kijang Hartini, 2018). Hal ini kerana pada dasarnya seseorang itu berkomunikasi disebabkan hendak mempengaruhi sikap, pemikiran dan tingkah laku individu yang mendengar ucapan (Ainon, 2003).

Justeru, Mohd Yusof Hussain (2012) melalui kajian kualitatif beliau membuktikan bahawa perlu ada polisi komunikasi bagi menghindari daripada isu-isu yang boleh merosakkan komunikasi. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Hung dan Lin (2013), hasil kajian mereka mendapati apabila tahap keberkesanan komunikasi meningkat, konflik terhadap kepuasan menurun. Konflik yang berpanjangan akan mengakibatkan gangguan psikologi dan memberi kesan terhadap keberkesanan komunikasi Interpersonal (Coonie, Inga & Kate, 2014). Oleh itu, komunikasi Interpersonal berkesan memerlukan kerjasama antara penghantar dan penerima (Ainon Mohamad dan Abdullah Hassan, 2005).

Komunikasi Intrapersonal adalah satu pengalaman komunikasi internal yang berlaku dalam diri setiap individu. Komunikasi Intrapersonal boleh ditakrifkan sebagai aktiviti-aktiviti interaksi bukan formal yang berlaku dalam kehidupan individu malah boleh berlaku apabila seseorang individu berada bersama individu lain (Buntat, 2004). Ivy (2012) telah menyenaraikan beberapa aktiviti komunikasi Intrapersonal iaitu melibatkan seseorang individu itu berfikir, menganalisis mengenai sesuatu perkara, memberikan perhatian, perbuatan memohon sesuatu atau bersyukur kepada tuhan, bersembahyang, merenungi, mendalami mengenai sesuatu sebelum melakukan apa-apa tindakan, berkhayal, upacara meditasi, monolog dengan diri sendiri, berfikir panjang untuk membuat keputusan dan bersoal jawab dengan diri sendiri. Malahan tindakan bercakap dengan kuat ketika membaca, mengulang-ulang apa yang didengar, menyanyi, bersiul, jari mengetuk sesuatu ketika masa lapang juga dikenali sebagai aktiviti dialog Intrapersonal (Jordania 2009). Dimensi komunikasi Intrapersonal ini dapat dibezakan dari segi apa yang berlaku dalam diri manusia, seperti apa yang dirasakan, difikirkan, nilai-nilai yang dipegang, khayalan dan mimpi, reaksi terhadap sesuatu dan sebagainya (Reno 2016).

Menurut Ralp (2017), selain dilihat sebagai satu kegiatan berbicara kepada diri sendiri, komunikasi Intrapersonal juga merupakan satu aktiviti mengamati dan memberikan makna apa yang berlaku dalam lingkungan kehidupan seseorang individu. Rahman, M.M (2010) mengatakan bahawa komunikasi Intrapersonal merupakan komunikasi yang berlaku dalam diri seseorang individu yang melibatkan proses pengolahan informasi, meliputi sensasi, persepsi, memori dan berfikir. Selain itu, antara proses lain komunikasi Intrapersonal termasuklah mengolah makna (menafsirkan sesuatu), berfikir dan memahamai, memecahkan masalah, mengambil keputusan, mengingat, refleksi, mimpi, khayalan, penyedaran dan perasaan. (Jordi de San Eugenio-Vela, 2014). Pendapat ini telah dipersetujui oleh Schulz, B. (2008) yang menyatakan bahawa jika tafsiran terhadap komunikasi Intrapersonal dari sudut ruang lingkup kognitif, kemahiran ini dikategorikan sebagai suatu simbol terhadap kemahiran yang melibatkan sifat dalaman seperti mengkod atau menyahkodkan sesuatu mesej.

Seterusnya jika komunikasi Intrapersonal ditafsirkan dari segi operasi kognitif ia melibatkan pemikiran terhadap sesuatu konsep kehidupan. Persepsi Intrapersonal banyak bergantung kepada perkara realiti (Hurley, 2008). Aries (2017) telah membuat perincian keupayaan seseorang ketika berlakunya komunikasi Intrapersonal antaranya ialah kebolehpayaan seseorang mencerap informasi yang diperoleh daripada pancaindera (*sense*), kedua, keupayaan menginterpretasi pengalaman, objek dan informasi (persepsi). Ketiga ialah memori yang berperanan membentuk kerangka rujukan yang mempengaruhi persepsi dan keempat ialah berfikir iaitu bertindak untuk memahami sesuatu realiti dalam rangka memecahkan persoalan, membuat keputusan dan mencipta sesuatu yang lebih baharu. Berdasarkan perincian keupayaan ini, Heni & Huri (2017) telah membuat kesimpulan bahawa

komunikasi Intrapersonal mencakupi proses membayangkan, mengalamun, membuat persepsi dan memecahkan persoalan secara kritis. Oleh itu, kemahiran komunikasi Intrapersonal adalah penting dalam diri seseorang individu walaupun individu banyak meluangkan masa berkomunikasi dengan individu lain, sebenarnya komunikasi Intrapersonal mendominasi majoriti daripada komunikasi Interpersonal dan memberi impak yang terbesar kepada sikap individu serta mempengaruhi kejayaan atau kegagalan seseorang individu (Buntat, 2004).

Kesimpulannya, Mulyana (2005) telah mengklasifikasikan komunikasi seperti jadual berikut:

Komunikasi Interpersonal	Ciri-ciri
Kemahiran bertutur	-Boleh bertutur dengan baik dalam Bahasa kebangsaan. -Boleh bertutur dengan baik Bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris.
Kemahiran menulis	-Boleh menulis dengan baik tanpa kesilapan tatabahasa. -Boleh menulis dengan baik tanpa kesilapan ejaan.
Kemahiran membaca	-Boleh membaca dengan lancar teks dalam bahasa kebangsaan tanpa ada kesilapan sebutan. -Boleh membaca dengan lancar teks dalam bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris tanpa ada kesilapan sebutan.
Kemahiran mendengar	-Boleh mendengar dengan jelas arahan atau mesej

	<p>yang cuba disampaikan.</p> <p>-Memahami konteks atau mesej yang cuba disampaikan dengan baik.</p>
Kemahiran menggunakan istilah saintifik	<p>-Boleh menggunakan istilah saintifik dengan barisan ayat dengan betul.</p> <p>-Mengetahui maksud istilah saintifik yang digunakan.</p>

Jadual 1: Klasifikasi Komunikasi Interpersonal

Komunikasi Intrapersonal	Ciri-ciri
Diskusi dalaman	<p>-Berangan atau berkhayal.</p> <p>-Berdialog dengan diri sendiri.</p>
Komunikasi vokal secara individu	<p>-Berlatih mengulangi mesej yang bertujuan untuk ditujukan kepada orang lain.</p> <p>-Untuk melepaskan tekanan di dalam diri individu.</p>
Komunikasi bertulis secara individu	<p>-Penulisan diari harian</p> <p>-Personal jurnal</p>

Jadual 2: Klasifikasi Komunikasi Intrapersonal

Komunikasi Badan	Ciri-ciri
Komunikasi tangan	-Kedudukan tangan bersilang. -Kedudukan tangan silang ke belakang. -Tangan ke muka.
Komunikasi bersalam	-Bersalaman apabila kedudukan tangan menadah. -Bersalaman apabila kedudukan tangan yang seimbang.
Komunikasi senyum	-Senyuman tanpa mendedahkan gigi. -Senyuman dengan mendedahkan gigi sebelah atas dan bawah.
Komunikasi kepala	-Apabila kepala seseorang senget atau condong, ia menunjukkan seseorang itu berminat atau tertarik sesuatu. -Tetapi apabila kepala menunduk, ia adalah tanda negatif dan membina impresi pertama yang tidak baik kepada individu tersebut.
Komunikasi renungan mata	-Mengelakkan bertemu mata dengan individu lain. -Renungan matanya adalah di sekitar mata, hidung dan mulut individu yang lain.

Jadual 3: Klasifikasi Komunikasi Bukan Lisan

Perkembangan era baru dalam dunia teknologi telah memberi inovatif kepada individu untuk berkomunikasi. Komunikasi telah mula menampakkan perubahan dari segi kaedah, dan tujuan penggunaannya. Sebelum era teknologi, seseorang itu hanya menggunakan media massa tradisional bagi mendapatkan maklumat (Chen, 2012).

Namun dalam era teknologi terkini, media sosial telah menjadi satu platform atau medium yang mudah digunakan serta mesra pengguna untuk sesiapa sahaja berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada pelbagai pengguna yang mempunyai akses internet. (Khasawneh & Abu-shanab 2013). Oleh itu, media sosial dilihat lebih dominan penggunaannya berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media Interpersonal yang lain (Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah, 2011). Menurut Fatimah Akmal dan Ali Salman (2015), hal ini berlaku selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global yang telah membentuk masyarakat dalam cara baru untuk berkomunikasi dan menerima proses komunikasi yang berbeza.

Tariq dan Mattoo (2013) telah mengklasifikasikan media sosial kepada empat kategori iaitu rangkaian talian dan ekosistem (*online networks and ecosystem*) seperti *Facebook, LinkedIn, Instagram* dan *Twitter*. Selain itu, penerbitan dalam talian (*online publications*) seperti *Youtube, Flickers*, dan *Slideshare*. Terdapat juga kategori media sosial yang menjadi platform kolaborasi secara dalam talian (*online collaboration platforms*) seperti *MediaWiki* dan blog. Antara kategori media sosial yang lain ialah sistem berasaskan maklum balas dalam talian (*online-based feedback system*) untuk tujuan interaksi, mengemukakan ulasan, kaji selidik dan lain-lain. Penggunaan media sosial sebagai platform komunikasi masa kini dapat mewujudkan komuniti dalam talian (*online community*) untuk melakukan pelbagai aktiviti sosial seperti berinteraksi dengan orang lain, menjalin persahabatan, dan berkomunikasi dengan pihak yang lain (Guo, Liu & Liu 2016). Hal ini bertepatan dengan dapatan Himelboim *et al.* (2012) yang membuktikan bahawa internet dan media sosial sebagai medium menyelaraskan pergerakan informasi dengan pelbagai arah dan membolehkan pengguna untuk interaksi antara satu sama lain dengan lebih mudah

iaitu dengan interaksi komunikasi secara dalam talian melalui pelbagai Laman *Web* yang membuka ruang dan membentuk interaksi sosial, pergaulan maya tanpa sempadan (Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa, 2012). Media sosial memberi peluang kepada pengguna untuk memainkan peranan secara lebih aktif dengan cara mengakses maklumat, menghantar mesej, berbincang dan memberikan pandangan dan pendapat dengan lebih kritikal tentang pelbagai isu semasa (Mossberger, Wu & Crawford 2013). Secara kesimpulan, media dan komunikasi saling berkait dalam usaha untuk menyampaikan sesuatu gambaran (Ghazali, 2008).

2.4 EMOSI

Emosi berasal daripada kata akar *emovere* (Latin), bererti menggerakkan, bergerak, ditambah awalan “e” untuk memberi erti “bergerak menjauh”. Secara umumnya, emosi diertikan setiap kegiatan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu, setiap keadaan mental yang hebat atau meluap-luap (Ab. Aziz Yusof, 2007). Maksud emosi dalam Bahasa Arab pula dapat disepadankan dengan kata *qalb*, yang berasal dari kata akar *qalaba* secara tersurat bererti merubah, membalikkan dan menjauhkan (M. Darwis Hude, 2006). Menurut Abd. Hamid (2006), emosi dan perasaan seperti tangisan gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Emosi ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi.

Terdapat tiga aspek di dalam emosi, aspek pertama adalah *cognitive experiential* bermaksud emosi yang dapat dijelaskan dengan perkataan. Aspek kedua adalah *behavior-expressive* atau *non-verbal expression* seperti mimik muka, bahasa

tubuh serta postur dan aspek terakhir adalah physiological-biochemical iaitu aktiviti otak, suhu badan dan kadar denyutan jantung Hamid (2004). Hamid (2004), menyatakan terdapat tujuh faktor yang mempengaruhi emosi seperti jadual berikut:

FAKTOR	PENERANGAN
Kepintaran	Individu yang pintar lebih peka kepada kemungkinan berlakunya keadaan bahaya.
Jantina	Kanak-kanak perempuan mempunyai perasaan takut lebih daripada kanak-kanak lelaki.
Status sosioekonomi	Kanak-kanak kelas rendah lebih berasa takut kerana terdedah kepada masalah dan keganasan.
Keadaan fizikal	Kanak-kanak kelaparan, kepenatan dan keadaan fizikal yang tidak baik, berasa lebih takut.
Hubungan sosial	Kanak-kanak yang mempunyai perasaan takut berada Bersama sekumpulan kanak-kanak berperasaan takut akan sama-sama berasa takut.

Kedudukan dalam keluarga	Kanak-kanak sulung takut akan saingan daripada adik-adiknya.
Personaliti	Kanak-kanak yang mempunyai tahap keyakinan diri rendah lebih cepat berasa takut berbanding kanak-kanak berkeyakinan diri tinggi.

Jadual 4

2.4.1 KECERDASAN EMOSI

Kecerdasan emosi yang stabil menunjukkan kebolehan individu untuk membezakan perkara yang jelas dan baik dalam membuat sesuatu pertimbangan (Zaidatol Akmaliah & Soaib, 2011). Kecerdasan emosi didefinisikan sebagai satu bentuk keupayaan untuk melihat dengan tepat, menilai, memantau dan mengatur emosi diri dan emosi orang lain serta dapat membezakan antara keduanya dan boleh menguruskan maklumat itu untuk mengarah pemikiran dan tindakan yang menggalakkan pertumbuhan intelektual (Mayer, Salovey & Caruso 2008). Kebolehan ini juga disebut dengan istilah Emotional Quotient atau kecerdasan emosi yang merujuk kepada keupayaan seseorang untuk melihat, menyatakan, mengenali, menggunakan dan mengurus emosinya sendiri atau emosi orang lain (Matthews *et al.*, 2017). Menurut Ameriks, *et al.*, (2009) kecerdasan emosi mempunyai keupayaan untuk memotivasikan diri, cikal dengan kegagalan serta mampu mengawal gerak hati oleh itu, kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang (Ab. Azizi Yusof, 2009).

Bar-On (2004) merumuskan kecerdasan emosi sebagai kecekapan emosional dan sosial individu berkaitan dengan diri dan orang lain untuk mengatasi permintaan serta tekanan daripada persekitaran. Menurut Hery Wibowo (2007), mengenali emosi orang lain ialah sikap empati terhadap orang lain, merupakan kesedaran tentang perasaan keperluan dan keprihatinan terhadap masalah orang lain, memahami perspektif orang lain, menumbuhkan hubungan saling percaya, dan menyesuaikan diri dengan bermacam-macam karakter orang lain. Di samping itu, seseorang individu perlu mengendali perhubungan, iaitu kemampuan untuk menangani emosi dengan baik ketika berhubung dengan orang lain serta berhati-hati apabila berhubung dengan orang lain. Secara tidak langsung, kecerdasan emosi dapat menjalinkan perhubungan yang positif.

Mohd Azhar Abd Hamid, (2004) menyatakan bahawa kecemerlangan individu bergantung kepada kecerdasan emosi seseorang yang memiliki kecerdasan intelek menjadi lebih cemerlang apabila memiliki kecerdasan emosi kerana kecerdasan intelek sahaja tidak dapat menjamin kecemerlangan seseorang individu. Kajian ini telah dipersetujui oleh Abdullah Sani *et al.*, (2007) dan Salhah Abdullah (2009) dengan menyatakan darjah kepintaran (IQ) hanya menyumbang 20 peratus terhadap kejayaan seseorang, manakala 80 peratus lagi adalah pada kemampuan seseorang mengawal emosinya hal ini kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dapat meningkatkan prestasi mereka berbanding individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah (Nadler 2010; O'Boyle, Humphrey, Pollack, Hawver & Story 2011).

Model Kecerdasan Emosi yang dicetuskan oleh Wong dan Law (2002) telah menggariskan empat komponen kecerdasan emosi iaitu menilai emosi diri (SEA), mengenal emosi orang lain (OEA), menggunakan emosi (UOE) dan mengawal emosi (ROE). Menurut Wong dan Law (2002), menilai emosi diri adalah berkaitan dengan keupayaan individu untuk memahami emosi diri secara mendalam dan meluahkan emosi tersebut secara semula jadi. Mengenal emosi orang lain pula adalah keupayaan individu

dalam melihat dan memahami emosi orang lain yang berada di sekelilingnya. Menggunakan emosi adalah berkaitan dengan kemampuan individu dalam menggunakan emosi diri dengan mengarahkan diri untuk melakukan aktiviti yang membina dan meningkatkan perestasi diri. Akhir sekali dimensi mengawal emosi pula merujuk kepada keupayaan individu mengawal emosi diri supaya dapat pulih dengan cepat apabila berhadapan dengan tekanan psikologi. Justeru, kebolehan seseorang menerima cabaran sentiasa berubah mengikut keadaan amat berkait rapat dengan kebolehan dan kestabilan emosi seseorang (Goleman, 2006).

2.4.2 DEFINISI KENDIRI

Habibah & Noran mendefinisikan konsep sendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana seseorang menganggap tentang dirinya sama ada secara positif atau negatif merangkumi persepsi tentang diri dan alam sekeliling melalui deria dan juga perasaan tentang kebolehan seseorang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Ia merupakan penilaian diri yang diperoleh berdasarkan pengalaman kehidupan yang dilalui. Hal ini telah dipersetujui oleh Jamaludin Ramli (2010) dengan menyatakan bahawa konsep sendiri meliputi aspek jasmani dan psikologi. Ia berkaitan dengan pembelajaran yang dialami seseorang sejak kecil lagi. Manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang diri sendiri, gambaran inilah disebut konsep sendiri atau imej sendiri. Ia merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan dan tingkah laku seseorang (Azizi dan Fawziah, 2003). Konsep sendiri seseorang juga boleh dipengaruhi oleh tanggapan orang lain terhadap dirinya. Konsep sendiri hanya akan terbentuk apabila individu berinteraksi dengan seseorang dan penyesuaian diri dengan alam sekitar (Doherty, 2011).

Namun, Nasir *et al.*, (2011) dan Marsh *et al.*, (2014) menyatakan konsep sendiri adalah kebolehan seseorang individu untuk menilai diri sendiri tanpa dipengaruhi oleh desakan luaran kerana penguasaan diri adalah menjadi keutamaan dalam menilai kemampuan diri individu sama ada dari sudut kekuatan dan kelemahan diri ketika berhadapan dengan sesuatu keadaan (Morin, 2006). Tingkah laku seseorang individu dipengaruhi oleh konsep kendirinya. Sekiranya individu mempunyai konsep sendiri negatif, ia akan membentuk tingkah laku yang negatif dan sekiranya individu mempunyai konsep sendiri yang positif ia akan membentuk tingkah laku yang positif (Ainon, 2003). Kesedaran sendiri adalah mekanisme utama dalam pengawalan diri kerana kesedaran sendiri merupakan keupayaan individu untuk menilai kembali perihal diri dan memperbaiki kelemahan diri (Lawrence, 2003).

2.4.3 KONSEP KENDIRI POSITIF

Individu yang memiliki konsep sendiri positif pada kebiasaannya senang didampingi dan mudah untuk berinteraksi dengan orang sekeliling. Individu ini selalu mendapat layanan baik daripada orang di sekeliling sama ada daripada keluarga, guru, rakan-rakan dan jiran tetangga kerana individu ini memiliki banyak ciri-ciri personaliti yang baik seperti bersifat optimis, bersikap lebih terbuka dan mudah menerima pendapat mahupun kritikan orang lain (Jamaludin Ramli, 2010). Individu yang mempunyai konsep sendiri positif adalah individu yang sentiasa mendapat kasih sayang dan layanan baik daripada ibu bapa dan keluarga kerana individu ini sentiasa merasakan diri dihargai apabila sentiasa memperoleh ganjaran positif seperti pujian yang membina dan hadiah sejak dari kecil apabila melakukan sesuatu samada mendapat kejayaan mahupun kegagalan (Jamaludin Ramli, 2010). Menurut

Jamaludin Ramli (2010) lagi, individu yang sering mendapat pengiktirafan daripada ibu bapa, guru dan rakan-rakan berjaya membentuk diri berkeyakinan tinggi untuk berusaha melakukan yang terbaik untuk dirinya tanpa merasa takut dan malu apabila mengalami kegagalan. Individu ini sentiasa dalam keadaan positif kerana berjaya mendapatkan kepercayaan orang di sekeliling dan yakin dengan kebolehannya. Pencapaian hidup individu yang mempunyai konsep sendiri positif juga memberangsangkan kerana sentiasa mendapat lebih kejayaan berbanding kegagalan. Jika berlaku kegagalan mereka akan menerima dengan tabah serta tidak mudah mengalah.

Azizi (2005) pula telah menyenaraikan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan bagi membina konsep sendiri yang positif. Antaranya ialah membina suatu kemahiran, belajar untuk menerima diri seadanya, memerhatikan individu yang mempunyai harga diri tinggi, membaca biografi atau menonton video orang yang dikagumi, berjaya atau terkemuka, menyenaraikan kelebihan yang ada pada diri, berhenti daripada berlengah-lengah, mencari seorang mentor dan menggunakan pertuturan sendiri positif. Justeru, kesedaran sendiri yang bersifat positif akan mempengaruhi emosi, pemikiran dan tingkah laku individu, akhirnya akan memandu mereka ke arah peningkatan kepada keyakinan diri yang tinggi, bertanggungjawab dan bertindak secara positif sehingga mereka mencapai kejayaan. (Jamaludin Ramli, 2010).

2.4.4 KONSEP KENDIRI NEGATIF

Menurut Yahaya *et al.*, (2005), individu berkonsep sendiri negatif mempamerkan tingkah laku yang kurang memberangsangkan seperti cepat marah, mudah berasa rendah diri serta mempunyai kawalan sendiri yang rendah. Selain itu, Yahaya *et al.*,

(2005) turut menjelaskan bahawa individu yang mempunyai konsep sendiri negatif mempunyai personaliti maladaptif seperti suka mengasingkan diri daripada persekitaran sosial serta tidak selesa untuk berkomunikasi dengan orang lain. Individu ini biasanya kurang mendapat kasih sayang dan prihatin daripada orang sekeliling seperti ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan. Individu ini sering dimarahi, dikritik atau dipermainkan oleh orang lain. Ini mengakibatkan mereka sering berasa tidak berpuas hati, tidak gembira, kurang keyakinan diri, mudah tersinggung, muram, menjadi seorang yang pasif dan tidak mudah bersosialisasi dengan persekitarannya (Jamaludin Ramli, 2010). Kajian ini disokong oleh (Azizi Yahaya *et. al.*, 2005) dengan menyatakan bahawa, melalui hubungan sosial, individu berkonsep sendiri negatif tidak mudah bergaul dengan orang lain dan lebih muda dan mempunyai keintelektualan rendah. Lazimnya, kerja-kerja yang mudah dan senang menjadi pilihan mereka bagi menjamin kejayaan.

Suasana keluarga juga merupakan faktor yang boleh mendorong kepada pembentukan konsep sendiri. Sekiranya suasana keluarga bahagia dan harmoni akan dapat membentuk konsep sendiri positif, maka keadaan keluarga yang sebaliknya pula akan membentuk konsep sendiri negatif. Ini kerana keadaan keluarga yang kucar kacir serta keadaan ibu bapa yang sering bergaduh dan tidak memberikan perhatian dan kasih sayang sepenuhnya kepada anak-anak akan menyebabkan anak-anak berasa tidak selamat berada dalam keluarga tersebut. Perasaan ini akan membentuk konsep sendiri negatif kerana anak-anak sentiasa dalam keadaan ketakutan serta keresahan (Jamaludin Ramli, 2010).

Selain itu, kedudukan sosioekonomi keluarga yang rendah berbanding dengan keluarga lain juga merupakan satu punca pembentukan konsep sendiri negatif. Individu tersebut akan berasa rendah diri kerana keperluan dan kehendaknya

tidak dapat dipenuhi oleh keluarganya seperti keluarga lain. Seterusnya menurut Jamaludin Ramli (2010), aspek fizikal yang tidak sempurna juga dapat membentuk konsep sendiri negatif. Kecacatan yang dimiliki akan dirasakan sebagai penghalang untuk bergaul dan menyertai aktiviti-aktiviti dengan orang sekeliling. Keadaan ini akan menyebabkan individu tersebut akan berasa rendah diri dan kurang yakin dengan kebolehan diri.

Oleh itu, kesedaran sendiri bersifat negatif akan menjadi faktor penghalang kepada individu untuk mencapai sesuatu matlamat dalam kehidupan dan cenderung bertindakbalas dengan tingkah laku yang bersifat negatif. (Jamaludin Ramli, 2010).

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 DEFINISI METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan merujuk kepada satu proses yang sistematik yang melibatkan proses merancang kaedah penyelidikan, mengumpul data, menghurai data dan melaporkan maklumat (Chua, 2011). Dengan kata lain, penyelidikan merupakan satu kaedah yang dilakukan untuk memastikan maklumat yang diperoleh munasabah dan disokong oleh data-data kuantiti dan kualiti. Ia dilakukan dengan mengumpul data daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain. (Soy, 1997). L. R. Gay (1996), merumuskan maksud metodologi seperti berikut:

1. Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji).
2. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan.
3. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas (terperinci) lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan teori, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan. Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan (Crawford & Irving 2009). Menurut Trochim (2006) kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif iaitu proses berfikir daripada perkara umum kepada perkara khusus bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu untuk membina realiti dan makna sesebuah budaya (Neuman, 2006). Metod yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi dan sosiologi kualitatif.

Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin (1995) penggunaan reka bentuk kajian kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Ini bermakna sesuatu kajian kebanyakannya mengkaji tentang individu atau peristiwa-peristiwa dalam lingkungan budaya dan persekitaran mereka (Burn, 1995). Menurut Yin (1995) pula reka bentuk kajian kualitatif memfokuskan kepada persoalan 'siapa', 'mengapa' atau 'apakah'. Ini bermakna reka bentuk kajian kualitatif membolehkan penyelidikan yang menyeluruh atau holistik bagi mengetahui ciri-ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan kaedah pengumpulan data telah dilakukan berasaskan sumber perpustakaan yang mengandungi data pimer dan

sekunder. Menurut Yusuf (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, dan temu bual. Data primer merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, dan artikel akhbar serta majalah.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini penerokaan secara mendalam berkaitan impak pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar keluarga B40 dilakukan terhadap tiga orang responden yang telah ditemu bual secara dalam talian.

3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN

Gay dan Airasian (2003) mendefinikan populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Persampelan merupakan strategi pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sampel kajian ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi yang dikaji. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji (Blum & Froos, 1986). Kajian ini memilih Sampelan Tidak Rawak iaitu Sampelan Bertujuan, sebagaimana pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang diwakili populasi. Sebagai contoh, pengkaji memilih sampel individu beragama

Islam yang beliau kenali untuk mengkaji tentang masalah sosial di kalangan masyarakat Islam (Cohen & Manion, 1989) Menurut Burn (1995), kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu kajian berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji dan salah satu kaedah untuk memilih kes bagi menggambarkan sesuatu proses (Silverman, 2000).

Justeru, untuk kajian ini, pengkaji memilih sample responden yang berkriteria seperti berikut: (a) pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi dalam Malaysia dan (b) pelajar dari keluarga B40 (mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM 4360.00 sebulan). Kesemua responden di dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar serta luar bandar di Kota Bharu, Kelantan.

3.4 PROSES PENGUMPULAN DATA

Menurut Patton (1990) data kualitatif mengandungi petikan secara tidak langsung tentang pengalaman, pendapat, perasaan, dan pengetahuan yang diperoleh melalui temu bual, perincian deskripsi tentang aktiviti, tingkah laku dan tindakan yang direkodkan melalui pemerhatian dan petikan, kutipan atau keseluruhan perenggan yang diambil daripada pelbagai jenis dokumen. Data kualitatif berbentuk deskriptif berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor & Bogdan, 1984). Tiga teknik yang lazimnya digunakan oleh para penyelidik kajian kualitatif ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Bogdan & Biklen 2007; Merriam 2009).

Temu bual kualitatif mempunyai kelebihan dari segi memperoleh dan menerokai pengalaman orang lain dan dapat menghasilkan data yang unik (Patton,

2002). Temu bual dalam kajian kualitatif diakui mempunyai kelebihan dari segi kedalaman kajian (Silverman, 2009). Merriem (1998) menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual mendalam menggunakan teknik temu bual berstruktur dan temu bual separa berstruktur supaya responden bebas untuk memberi pendapat bagi topik temu bual yang luas, dengan sedikit pertanyaan dari pengkaji (Robson, 2011). Ini kerana menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosiodemografik, umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Pendekatan ini diakui bernilai seperti diakui Patton (2002). Bilangan responden yang ditemu bual bukan menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tidak ada satu peraturan khusus boleh diguna bagi menentu saiz sampel yang temu bual (Patton 2002; Connaway & Powell 2010).

Pengkaji akan menemubual responden melalui telefon untuk mendapatkan maklumat. Antara kelebihan temu bual melalui telefon ialah data dapat dikumpulkan dengan cepat dan efisien. Pengkaji juga mempunyai tempoh yang singkat untuk mendapatkan informasi yang lengkap. Crawford & Irving (2009) menegaskan, responden yang ditemu bual dapat mengaitkan pengalaman dan pelajaran yang dimiliki dengan kepakaran dan pengetahuan terkini. Hal ini menghasilkan kefahaman menyeluruh berkaitan sesuatu isu. Menurut Denzin (2001), temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar.

Sebelum temubual dijalankan temu janji dan persetujuan dari responden untuk terlibat dalam kajian ini telah diperolehi terlebih dahulu. Setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan perspektif dan dari pengalaman hidup mereka sebagai pelajar yang menjalani pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi keluarga B40. Semua temu bual direkodkan dan ditranskripkan. Analisis tematik telah digunakan dalam menganalisis data. Data dalam kajian ini diasingkan dan dikelompokkan mengikut persamaan dan perbezaan maksud.


3.5 DATA ANALISIS

Penganalisan data ialah suatu proses yang sistematik untuk mencari, menyusun maklumat daripada transkrip-transkrip temu bual, nota lapangan dan bahan-bahan lain yang telah dikumpul untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat tersebut (Borgdan & Biklen, 1992). Data kualitatif yang dikumpul perlu dianalisis. Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huperman (1984), Burn (1995) dan Merriem (1998) telah digunakan untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Kategori dan subkategori pengkodan telah dibangunkan sebaik saja pengumpulan data pertama dilakukan (Burn, 1995). Miles dan Huperman (1984) menyatakan bahawa pengkodan bukanlah sesuatu data yang telah siap sedia dianalisis tetapi ianya terbit terus menerus sepanjang proses pengumpulan data. Oleh itu, pembentukan kategori pengkodan merupakan satu bentuk analisi yang berterusan, setiap kategori diperhalusi sehingga kategori-kategori tertentu dapat menggambarkan keadaan yang berlaku di dalam sesuatu kajian. Analisis kandungan

adalah penting untuk menjanakan kategori yang melibatkan pelbagai tema (Burn, 1995).

Seterusnya kajian menerapkan kaedah penganalisan data berpandukan dua kaedah utama iaitu kaedah induktif dan deskriptif. Kaedah induktif diaplikasikan untuk mendapatkan fakta-fakta yang bersesuaian mengenai pengajian dalam talian ketika wabak Covid-19. Menurut Neuman (2006) kaedah induktif ialah proses berfikir daripada perkara umum kepada perkara khusus bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu untuk membina realiti dan makna sesebuah budaya. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data. Kaedah deskriptif bertujuan memberikan gambaran yang tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi. Pengkaji akan menjelaskan bagaimana rupa bentuk keadaan sosial yang hendak dikaji (Sabitha Marican, 2005).

Rajah dibawah menunjukkan ringkasan metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1: Metodologi kajian

BAB 4

DATA ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi meneroka tingkah laku, perspektif perasaan dan pengalaman pelajar dari keluarga B40 di Kota Bharu, Kelantan yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di rumah. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab persoalan kajian dalam kajian ini. Analisis tematik ini dimulakan dengan tahap permulaan menganalisis data dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu memasuki bahagian pembinaan kod dilakukan ke atas manuskrip temubual bagi mengenal pasti tema yang wujud. Kod diperolehi daripada frasa, kata kunci, perkataan mahupun pernyataan yang mewakili sesuatu makna yang sama mahupun yang bertentangan dalam manuskrip temubual.

Dengan menggunakan analisis tematik, terdapat 3 tema yang terbentuk bagi dapatan kajian ini iaitu status sosioekonomi dan kesan terhadap pembelajaran dalam talian, maka untuk meneliti impak terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi pelajar keluarga B40, analisis tematik dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar berbeza daripada beberapa kategori iaitu perbezaan penempatan, kos sara hidup, bilangan ahli keluarga, rangkaian internet dan kemudahan untuk pelaksanaan tugas yang diberikan. Tema yang kedua ialah keberkesanan komunikasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian, bagi menilai keberkesanan

komunikasi antara pengajar dan pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian di rumah, analisis tematik yang dibina mengkaji beberapa medium komunikasi yang digunakan sepanjang pembelajaran dalam talian. Tema ketiga ialah kesan emosi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian, analisis tematik telah menilai kesan emosi melalui beberapa faktor iaitu tugas yang perlu diselesaikan, komitmen di rumah dan aktiviti sosial.

4.1 TEKNOLOGI DALAM PENDIDIKAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2013-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggariskan pembelajaran dalam talian secara global sebagai satu usaha untuk memanfaatkan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) bagi meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia setanding dengan negara-negara maju dunia. Perkembangan dan kepesatan TMK pada zaman globalisasi kini menuntut institusi-institusi pendidikan tinggi membuat anjakan paradigma dalam penyampaian sistem pendidikan agar terus relevan dari aspek penyediaan dan pembangunan modal insan kepada negara untuk mencapai status negara maju (Christina Andin @Nur Qistina & Hazman 2009; Marlina *et al.* 2016). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah bekerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia untuk membina keupayaan komuniti akademik, meneroka penubuhan platform e-pembelajaran dan menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai komponen penting bagi pendidikan tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013-2025).

Selaras dengan pandangan Mohamed Amin (2016) yang mengatakan bahawa para pendidik perlu mempersiapkan diri untuk melakukan transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran agar relevan dengan pendidikan abad ke 21 dan kearah budaya hijau, digital dan global di samping memenuhi kehendak pembelajaran pelajar Generasi Z. Pendidik harus mengambil kira konsep kontemporari pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pembelajaran bermakna, pembelajaran aktif dan penglibatan pelajar dengan mempertimbangkan konsep e-pembelajaran yang merangkumi penggunaan media sosial dan Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia agar memanfaatkan bidang teknologi maklumat (Mohamed Amin 2012). Pendapat ini disokong oleh Bhala (2013), dengan menyatakan bahawa teknologi bertindak sebagai agen perubahan dalam pendidikan kerana teknologi memainkan peranan penting kepada perkembangan pendidikan dengan menyediakan kepelbagaian kemudahan tanpa sempadan kepada pelajar melalui kepelbagaian aktiviti interaktif dalam pembelajaran (Groff, 2013).

Pengajaran dan pembelajaran pada hari ini tidak lagi tertumpu kepada kemahiran komputer semata-mata tetapi ianya dijadikan sebagai tutor untuk mengajar pelajar atau dijadikan sebagai alat untuk digunakan oleh pelajar untuk menyiapkan tugas atau sebagai medium untuk pelajar berbincang mengenai tugas dan pembelajaran mereka bersama rakan dan pensyarah (Bhala, 2013). Menurut Joseph Anjuman dan Wan Rozali (2013), dalam bidang pendidikan, penggunaan TMK terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan TMK dalam pembelajaran tertumpu sebagai pembelajaran penerokaan, tutorial, alat pemudah komunikasi dan alat aplikasi. Manakala di dalam aspek pengajaran pula, TMK digunakan sebagai alat demonstrasi,

jaringan pendidikan dan alat persembahan. Oleh itu, elemen intergrasi teknologi dalam pendidikan sangat penting dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengajar untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat serta berfikiran global (Syuhada & Mohd Aderi 2016; Khairun Nisak *et al.* 2016).

4.2 STATUS SOSIOEKONOMI DAN KESAN TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Umum mengetahui bahawa pada awal tahun 2020, sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia telah pun memulakan operasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Namun, akibat penularan virus Covid 19, semua institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi terpaksa ditutup dan berhenti beroperasi, segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian dalam tempoh pelaksanaan PKP (Ehwan Ngadi, 2020). Menurut Nor Fauziana (2020), kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian menuntut komitmen dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi.

Oleh itu, pengkaji telah menjalankan sesi temubual melalui telefon bersama 5 orang responden mewakili pelajar daripada keluarga B40 di Kawasan Kota Bharu, Kelantan yang menjalani pengajaran dan pembelajaran di rumah secara dalam talian untuk mengetahui pengalaman pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

Pada awal temubual dijalankan, 5 responden memperkenalkan diri dan menceritakan latar belakang keluarga. Kesemua responden adalah daripada keluarga B40 yang masing-masing tinggal di luar bandar, hanya seorang responden sahaja yang

tinggal di kawasan bandar Kota Bharu. Responden 1 tinggal bersama ibu dan seorang abang yang masih belajar, berpendapatan Rm700 sebulan iaitu wang pinjaman daripada MARA dan bergantung kepada wang pemberian abang dan kakak yang telah bekerja. Manakala responden 2 tinggal bersama ibu dan bapa, berpendapatan Rm2000 sebulan. Responden 3 tinggal bersama ibubapa dan 4 adik-beradik yang masih belajar, berpendapatan Rm1500 sebulan. Responden 4 tinggal bersama ibubapa dan 5 adik-beradik yang masih belajar dalam persekitaran tempat tinggal padat di kawasan luar bandar hanya berpendapatan Rm900 sebulan. Responden 5 juga tinggal bersama ibubapa dan 5 adik-beradik yang masih belajar dan seorang abang bekerja berpendapatan Rm900 sebulan.

Tujuan utama temubual ini adalah untuk melihat kesan PDPR terhadap pelajar daripada keluarga B40 di Kota Bharu. Sejalan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fairuz Jafar, *et al*, (2020) menyatakan bahawa faktor sosioekonomi memberi kesan terhadap pembelajaran dalam talian kerana faktor sosioekonomi boleh menjadi penghalang utama pelajar untuk bersedia bagi mengikuti pembelajaran dalam talian. Hal ini disebabkan oleh pendapatan keluarga terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan dan ibu bapa mengutamakan keperluan asas seperti makanan, membayar sewaan dan simpanan kecemasan berbanding peruntukan untuk menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran dalam talian. Pernyataan ini disokong dalam kajian Rohaida Mazlan *et. al.* (2020), yang menyatakan masalah ekonomi menjadi punca utama keluarga B40 tidak dapat menyediakan keperluan pendidikan untuk anak-anak.

Menceritakan tentang situasi pembelajaran dan pengajaran di rumah (PDPR), masing-masing memberi pandangan positif.

Responden 1 menyatakan

“Situasi yang saya hadapi tidaklah begitu membebankan kerana ibu saya memahami sewaktu kelas berlangsung dan saya juga dapat menyiapkan assignment dengan lebih teratur”.

Responden 2 dan Responden 5 memberi pendapat yang sama.

Responden 2:

“Sangat menarik. Alhamdulillah sangat tenang dan damai. Takda gangguan”.

Responden 5:

“Menenangkan tiada gangguan”.

Responden 3 juga memberi pandangan yang positif:

“Situasi PDPR agak okay sebab semua kemudahan cukup, tempat belajar selesa, device ada setiap orang dalam adik beradik”.

Berdasarkan temubual, 4 responden memberi pandangan yang positif kerana persekitaran rumah yang menenangkan dan ibubapa yang memahami keperluan pembelajaran anak-anak secara dalam talian. Menurut Siti Nurbaizura Che Azizan *et. al.* (2020) pembelajaran dalam talian akan lebih berkesan jika ibubapa juga sentiasa memberi sokongan dan dorongan dalam menyediakan anak-anak secara mental dan fizikal.

Hanya responden 4 sedikit terganggu dengan bunyi bising kanak-kanak kecil kerana penempatan perumahan yang padat. Katanya:

“Buat masa ini baik-baik sahaja tetapi sedikit stress kerana gangguan bising dari budak-budak kecil”.

Persekitaran rumah yang tidak kondusif juga antara penyumbang kepada keterlibatan pelajar dalam PDPR (Noor Syaheerah & Tajul, 2021). Ketiadaan ruang untuk belajar di rumah, suasana bising, ruang dan tempat yang tidak berkonsepkan pembelajaran ditambah pula keadaan yang tidak selesa membuatkan pelajar merasa

terganggu semasa pembelajaran dalam talian berlangsung (Ehwan, 2020). Justeru, keadaan persekitaran di rumah perlu dititikberatkan kerana pemangkin kejayaan sesuatu pembelajaran akan diperoleh melalui suasana pembelajaran yang kondusif (Fabito, Trillanes & Sarmiento, 2020).

Berbincang mengenai gajet atau peranti mudah alih dan rangkaian internet, kesemua responden menyatakan bahawa mereka tidak berkongsi gajet dengan adik-beradik. Namun responden 3 dan responden 5 menyatakan terdapat gangguan rangkaian internet semasa PDPR dijalankan. Responden 3:

“Tidak berkongsi tapi kadang kadang line tak okay atas faktor hujan”.

Responden 5: *“Tidak berkongsi peranti mudah alih namun terdapat gangguan internet”.*

Peranti mudah alih memainkan peranan penting kepada pelajar sebagai alat untuk memuat turun bahan atau membaca sebarang info di internet di samping mempunyai pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti (Goksu, Atici 2013). Collins dan Halverson (2009) bersetuju apabila pelajar diberi peluang untuk memilih bahan pembelajaran mereka, sedikit sebanyak motivasi pelajar dalam meneroka kandungan pembelajaran menjadi lebih tinggi. Pelajar juga berpuas hati kerana dapat mendalami pembelajaran mereka dengan lebih mendalam dengan adanya kemudahan peranti mudah alih. (Baru *et al.*, 2014).

Kajian Kop (2011) menjelaskan bahawa satu sumbangan terbesar teknologi internet dalam dunia pendidikan adalah dari segi penyebaran kandungan pembelajaran tanpa sempadan. Namun penggunaan internet menyumbang kepada isu kos di kalangan para pelajar (Adnan & Anwar, 2020). Pernyataan ini disokong dalam kajian Muniroh Hamat *et. al.* (2020) yang menyatakan capaian internet perlu diambil kira untuk mengelakkan kewujudan jurang kesaksamaan akses kepada pelajaran.

Oleh itu, dengan adanya kemudahan peranti mudah alih dan capaian internet dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses maklumat dengan lebih baik pada bila-bila masa (Taalat, Ishak & Rosli, 2020). Pelajar lebih bermotivasi mengikuti pembelajaran dalam talian jika peranti mudah alih membantu mereka melaksanakan tugas dengan baik (Ciampa, 2014).

Selain itu, responden memberikan pendapat berbeza dalam pelaksanaan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Responden 3 dan 5 menyatakan bahawa mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik. Hal ini dipersetujui oleh Responden 1 dengan menyatakan bahawa

“Saya dapat melaksanakan tugas dengan baik dan teratur kerana mempunyai masa terluang yang lebih banyak di rumah berbanding belajar secara bersemuka”.

Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Hong dan Songan (2011) mendapati bahawa dengan menggunakan teknologi, pembelajaran dalam talian kini tidak lagi terhad kepada jadual yang ditetapkan oleh institusi. Masa yang fleksibel sedikit sebanyak menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran tanpa ada kekangan masa.

Namun Responden 4 berbeza pendapat:

“Saya dapat melaksanakan semua tugas dengan baik tetapi sedikit lewat untuk menghantarnya kerana perlu juga menyelesaikan tugas rumah”.

Begitu juga dengan Responden 2:

“Tidak. Kerana saya banyak komitmen di rumah. Komitmen tolong ibu seperti beli beras, tolong ayah basuh kereta, bagi makan kucing, bagi makan lembu”.

Keadaan ini telah dikemukakan oleh Aziz A. *et al.*, (2020) dalam kajiannya, bahawa terdapat ibu bapa yang bekerja terpaksa meletakkan tanggungjawab kepada anak yang sedang mengikuti pembelajaran dalam talian untuk menjaga adik dan

membuat kerja rumah lain seperti membeli barangan rumah, mengemas rumah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat memberi fokus yang baik ketika sesi pembelajaran dalam talian berlangsung dan tidak dapat menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah dengan baik.

4.3 KEBERKESANAN KOMUNIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Izzat Mailis, Zuraini & Nur Hafizaliyana (2020) telah membuktikan dalam kajian mereka bahawa komunikasi yang berkesan mempengaruhi secara signifikan terhadap peningkatan kefahaman serta penguasaan seseorang pelajar kerana ia merupakan peluang kepada pelajar untuk berbincang tentang masalah yang dihadapi dalam pelajaran. Justeru, kajian ini telah menemubual responden dari aspek keberkesanan komunikasi antara pensyarah dan pelajar sepanjang PDPR berlangsung.

Berbincang mengenai komunikasi dalam talian bersama pensyarah dan rakan-rakan sekelas semasa atau selepas PDPR berlangsung, kesemua responden memberi pandangan yang positif.

Responden 1 menyatakan bahawa:

“Komunikasi dalam talian bersama pensyarah dan rakan-rakan sangat fleksibel dan santai. Malah, penerangan yang diberikan oleh pensyarah juga dapat difahami dengan mudah”.

Responden 2 juga turut bersetuju dengan menyatakan:

“Sangat baik. Melalui Google Meet sahaja dan pensyarah mengajar dengan jelas. Perbincangan dengan rakan kumpulan tiada masalah”.

Begitu juga dengan Responden 5:

“Komunikasi dengan menggunakan Google Meet, boleh bertanya pada bila-bila masa sahaja kecuali luar waktu bekerja. Dapat Video Call dengan rakan”.

Responden 3 juga optimis dalam memberi pendapat:

“Komunikasi okay, lecturer tanya kitorang jawab and if ada tak faham pasal study atau apa apa boleh pm lecturer sama ada di telegram atau whatsapp”.

“Saya kerap menghubungi mereka jika ingin bertanya sesuatu sama ada di luar atau semasa dalam sesi pembelajaran”. Tambah Responden 4.

Merungkai isu keberkesanan medium yang digunakan oleh pensyarah ketika PDPR dan medium yang digunakan untuk berbincang dengan rakan-rakan tentang pembelajaran, kesemua responden bersetuju bahawa Google Meet adalah medium yang paling berkesan sepanjang PDPR berlangsung. Pensyarah boleh merekod PDPR melalui aplikasi Google Meet dan berkongsi kepada pelajar yang menghadapi kekangan untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian (Siti Balqis Mahlan dan Muniroh Hamat, 2020). Dengan adanya integrasi pelbagai aplikasi Google lain seperti Google Classroom, Google Doc dengan Google Meet maka berlakunya peningkatan tahap produktiviti dari segi pengetahuan serta kreativiti dalam kalangan pelajar dan pensyarah (Bani Hidayat Mohd Shafie, 2020)

Kenyataan ini dipersetujui oleh Responden 4:

“Kami menggunakan platform Google Meet dan ianya amatlah mudah dan senang untuk digunakan. Google Meet merupakan platform yang sangat berkesan untuk PDPR”.

Responden 3 menjelaskan lagi:

“Medium ketika online class guna Google Meet atau Telegram Video, medium untuk berinteraksi selepas kelas guna Telegram atau Whatsapp dan medium untuk menghantar tugas ialah Google Classroom dan Padlet berkesan kerana boleh dikatakan kebanyakan pelajar memang ada medium ini di dalam phone mereka”.

Responden 1 juga bersetuju dengan keberkesanan penggunaan Google Meet:

“Kebanyakan pensyarah menggunakan medium Whatsapp dan Google Meet untuk berkomunikasi dan ada juga yang menggunakan medium Discord dan Telegram. Penggunaan medium Google Meet dan Whatsapp lebih berkesan untuk berkomunikasi kerana aplikasi tersebut lebih mudah digunakan”.

Hal ini telah dibuktikan dalam kajian Nur Hazirah dan Masayu (2020), dengan menyatakan aplikasi Google Meet, Zoom dan Microsoft Teams boleh mewujudkan interaksi dua hala antara pelajar dan pensyarah.

Responden 2 turut bersetuju dengan penggunaan Google Meet dan Telegram sebagai medium komunikasi:

“Google Meet sangat berkesan dan sangat membantu. Kalau kuliah tu ada juga guna telegram tapi jarang. Kalau Telegram ni guna voice je. So jimatlah data berbanding Google Meet. Mudah nak berkomunikasi dan jimat”.

Meskipun pada asalnya media sosial direka bagi tujuan komunikasi sosial namun ia juga sesuai dijadikan medium pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi meningkatkan interaksi antara pensyarah dan pelajar (Sobaih & Mustafa, 2016; Sugimoto *et al* 2015; Hamid *et al.* 2015). Malahan, media sosial seperti Instagram, Whatsapp, Telegram, Facebook dilihat sebagai satu ruang penghantaran maklumat

dan pengetahuan yang boleh digunakan dalam pelbagai cara bagi tujuan komunikasi antara pelajar dengan pelajar mahupun pensyarah dan pelajar (Raman et al., 2014; Mack et al., 2007). Menurut Liburd & Christensen (2013) penggunaan media sosial menggalakkan penyertaan pelajar menerusi interaksi, pemikiran kreatif dan kritis serta berkolaborasi yang akan menjadikan pelajar di institusi pendidikan lebih berkeyakinan diri seterusnya dapat membina hubungan yang kuat di kalangan komuniti (Sobaih & Moustafa 2016).

Responden 5 menjelaskan:

“Kami menggunakan Whatsapp, Google Meet, Telegram, UFuture Uitm pensyarah mengambil kehadiran, memberi tugas dan untuk pelajar menghantar tugas. Agak terganggu apabila ramai pengguna log in website tersebut. Namun medium tersebut berkesan digunakan untuk berkomunikasi dengan pensyarah dan rakan-rakan”.

Melalui ciri khas yang ditawarkan oleh WhatsApp, aktiviti bertujuan dapat membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan (Beetham & Sharpe, 2013). So S. (2016) menyatakan WhatsApp boleh menyokong pembelajaran kolaboratif, dapat membantu pelajar mengkaji semula kandungan dengan cepat dan mudah. Aplikasi WhatsApp juga senang digunakan, senang dipelajari, pelajar dapat berkongsi pengetahuan dengan cepat dan membantu dalam membincangkan maklumat dengan mudah bersama rakan dan pensyarah (Mistar & Embi, 2016).

Dalam konteks pendidikan, UFuture Uitm adalah salah satu Sistem Pengurusan Pembelajaran (Learning Management System) atau dikenali sebagai (LMS). LMS adalah sebuah aplikasi perisian untuk pentadbiran, dokumentasi, pengesanan dan laporan program-program latihan, bilik kuliah, serta acara dalam

talian, program e-pembelajaran dan kandungan latihan, (Khairul Azhar, Ahamad Tarmizi & Mohd Sanusi (2015). Sistem LMS telah digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti dan juga pengajian tinggi seluruh dunia. Faktor utama yang menjadi tarikan untuk penggunaan LMS ialah kos yang secara relatifnya agak rendah dan tahap kemahiran pengguna yang diperlukan juga agak asas, (Embi, 2010).

Antara cadangan yang diberikan oleh responden mengenai aktiviti menarik sepanjang PDPR berlangsung supaya pengajaran dan pembelajaran dalam talian lebih berkesan ialah Responden 1 mencadangkan:

“Cadangan saya untuk aktiviti PDPR yang menarik ialah pensyarah perlu menggunakan pelbagai aplikasi atau website yang berkait dengan PDPR contohnya quizizz, padlet dan sebagainya untuk membuat Latihan atau kuiz”.

Begitu juga dengan Responden 3:

“Kuiz seperti Quizizz atau presentation mengenai sesuatu topik”.

Responden 5 turut bersetuju dengan menyatakan:

“Bermain game yang berilmiah berkaitan dengan subjek untuk meningkatkan daya ingatan pelajar”.

Secara umumnya, permainan dalam pembelajaran mengandungi elemen menyeronokkan yang mampu menggalakkan pelajar agar lebih aktif dalam aktiviti pembelajaran (Hanus & Fox 2015). Menurut Dean (2017), gamifikasi lebih berkesan dalam meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar melalui integrasi antara teknologi (penggunaan aplikasi), konsep permainan yang menyeronokkan serta penerokaan ilmu lebih luas berbanding dengan strategi pengajaran secara

konvensional, sekaligus meningkatkan kesungguhan dan minat pelajar ketika mengikuti subjek khusus yang mencabar (Deterding *et. al.* 2011). Quizizz merupakan salah satu medium aplikasi pembelajaran berasaskan permainan yang menerapkan konsep gamifikasi (MacNamara & Murphy 2017).

Miller (2017) menyatakan bahawa penggunaan Quizizz sebagai medium pelaksana menjadikan sesi ulangkaji menyeronokkan kerana pendekatan gamifikasi melibatkan pelbagai emosi yang lahir daripada sifat ingin tahu pelajar, keliru dalam menentukan pilihan seterusnya merasa gembira apabila berjaya menamatkan dengan jayanya. Pendekatan gamifikasi didapati berpotensi untuk merangsang pemikiran abstrak pelajar semasa proses operasi kognitif dan seterusnya menjana keupayaan mereka untuk berfikir pada aras tinggi (Dean 2017). Quizizz boleh digunakan untuk merancang aktiviti kelas dan menyediakan ujian untuk pelajar (MacNamara & Murphy 2017).

Responden 2 menekankan isu masa dan komitmen antara pensyarah dan pelajar:

“Saya berpendapat bahawa lebih elok jika susunan waktu kelas perlu bersesuaian dengan masa pelajar dan pensyarah. Kadang-kadang pihak kolej tidak tahu samada masa yang ditentukan tu sesuai ke tidak dengan masa pelajar atau pensyarah. Boleh jadi kedua-dua pihak ada komitmen tersendiri. Macam kelas sem lepas, pensyarah sendiri kena susun balik jadual sebab tidak bersesuaian dengan masa pensyarah dan pelajar. Ada kelas ganti atau midterm atau perbincangan program waktu malam”.

Dalam konteks sistem pendidikan tinggi di Malaysia, pensyarah terikat dengan tujuh skop tugas iaitu pengajaran dan pembelajaran, penerbitan, penyeliaan, penyelidikan, perundingan, penulisan dan juga perkhidmatan sosial kepada

masyarakat (Zaini, 2012). Justeru, penyusunan jadual yang bersesuaian dengan masa dan komitmen antara pensyarah dan pelajar perlu dipertimbangkan untuk mengelakkan kekeliruan jadual kelas dan tekanan berlaku dalam kalangan pensyarah dan pelajar kerana terdapat kajian-kajian lain yang mendapati bahawa sumber penyumbang kepada tekanan ahli akademik di institusi pengajian tinggi adalah seperti kerja yang berorientasikan teknologi (Schuldt & Totten, 2008), beban kerja, skop kerja dan kepimpinan (Isa *et al.*, 2019), dan persekitaran kerja (Zafir & Fazilah, 2010).

Oleh itu, penyusunan jadual kelas boleh dibincangkan dan dipertimbangkan oleh semua pihak kerana proses transformasi teknologi dalam pendidikan mampu membantu pelajar belajar secara aktif, sendiri dan anjal dari segi tempat, masa, kaedah serta bahan pengajaran (Nur Aisyah *et. al.*, 2011). Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan negara yang terbaharu iaitu membudayakan sains dan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran serta penerapan pembelajaran sepanjang hayat (Tengku Norhayati bt Tengku Othman, 2015).

Berlainan pula dengan cadangan responden 4:

“Cadangan saya adalah setiap tenaga pengajar haruslah menyediakan satu modul dan sangat mudah difahami oleh setiap pelajar dan tentunya ia akan memberikan impak dan kesan yang sangat positif pada setiap diri pelajar”.

Menurut Purwanto, Aristo dan Suharto (2007), modul merupakan bahan bantu mengajar yang direka secara sistematik berdasarkan kurikulum tertentu disusun dalam bentuk unit pembelajaran terkecil dan boleh dipelajari secara perseorangan dalam unit masa tertentu. Penggunaan modul pembelajaran sendiri dapat memberi kesan yang positif ke atas pengajaran dan pembelajaran (Tee Tze

Keong et. al, 2011). Hal ini kerana pembelajaran modular merupakan satu kaedah mengajar yang memerlukan pelajar mengikuti panduan dan arahan pensyarah, mempelajari bahan-bahan pelajaran melalui bahan bercetak atau perisian komputer dan seterusnya menyempurnakan tugas mengikut unit-unit pelajaran yang disediakan.

Justeru, modul yang disediakan oleh pensyarah adalah signifikan kepada tahap pencapaian pembelajaran pelajar kerana keunikan reka bentuk modul telah mengambil kira dan menekankan aspek perbezaan individu, minat dan kemampuan pelajar dalam proses pembelajaran (Mok Soon Sang, 2008).

4.4 KESAN EMOSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN.

Untuk mengenalpasti tahap emosi pelajar sepanjang pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dijalankan, responden telah mengutarakan beberapa isu termasuklah mengenai bebanan kerja yang dihadapi dan kekurangan masa untuk terlibat dalam aktiviti sosial.

Responden 2 menyatakan bahawa:

“Tidak dari segi kuliah memang takde kesan tapi dari segi tugas tu yang beri kesan sikit. Tugas bagi lambat tapi nak cepat. Subjek lain dah kene hantar setiap minggu. Setiap subjek paling kurang nak 5 rujukan. Agak-agak sempit ke nak susun masa tu. Dengan komitmen kita lagi di rumah”.

Responden 5 juga mengalami situasi yang sama.

“Ya kerana tugas lebih banyak perlu disiapkan berbanding belajar bersemuka. Menjelaskan aktiviti sosial kerana kurang masa bersama dengan rakan”.

Menurut Raja Maria (2011), beban kerja merupakan timbunan kerja yang perlu dilakukan oleh pelajar dalam tempoh masa tertentu, bebanan kerja seperti tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar terlalu banyak bagi setiap subjek yang dipelajari sehingga menyebabkan pelajar tiada masa untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain (Abd. Rahman *et al.* 2012). Selain itu, bebanan kerja akan mengundang tekanan kepada pelajar dan sememangnya akan menyebabkan keletihan dalam diri individu sehingga menjejaskan keyakinan pelajar untuk menyiapkan tugas yang diberikan dalam masa yang ditetapkan oleh pensyarah.

Seperti yang diluahkan oleh Responden 2:

Tidak berapa yakin. Tugas bagi lambat tapi nak cepat. Pernah hantar tugas lebih dari masa.

Begitu juga Responden 5:

Saya rasa tidak dapat menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan.

Irshad *et al.* (2015) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar universiti mengalami tekanan dari segi beban kerja yang diberikan oleh pensyarah seperti tugas, tutorial, kuiz, peperiksaan dan praktikal, bebanan dari keluarga dan rakan untuk mengekalkan hasil kerja yang baik dan menyelesaikan tugas tepat pada masanya tanpa gagal (Yusoff *et al.* 2010). Oleh kerana desakan tugas yang perlu dihantar tepat pada masanya, pelajar akan menjadi mudah letih, kekurangan tenaga, dan tidak produktif. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kizhakkeveettil *et al.* (2017), iaitu terdapat hubungan di antara tekanan dan keletihan yang mana ia dapat memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar.

Namun Responden 1 dan 3 berbeza pendapat. Responden 1 menyatakan bahawa:

Saya yakin saya mampu menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan kerana mempunyai masa luang yang lebih banyak berbanding belajar secara fizikal.

Responden 3 turut memberi pendapat:

“Yakin dapat menyiapkan jika tidak menanggungkan kerja”.

Begitu juga dengan responden 3 dan beliau turut menyentuh kesan PDPR dari segi kesihatan fizikal.

“PDPR sangat memberi kesan kepada emosi untuk jangka masa yang panjang. Bila setiap hari saya menghadap komputer riba atau telefon untuk memasuki kelas secara online atau menyiapkan tugas membuatkan saya kurang masa untuk bersosial dengan orang sebenar dan menghirup udara segar. PDPR juga memberi kesan dari segi kesihatan fizikal kerana bila kita terlalu lama menghadap laptop dan duduk di atas kerusi belakang badan akan sakit”.

Menurut Schermerhorn *et al.* (2005), individu boleh mengalami *burn out* iaitu keadaan emosi, mental dan keletihan fizikal yang disebabkan oleh tekanan berlebihan. Selain itu, individu yang tidak mampu bertahan dengan tekanan yang dihadapi boleh menyebabkan penyakit jantung dan gangguan *Muskuloskeletal* iaitu sejenis penyakit gangguan sistem saraf, sendi, ligament, otot dan tendon jika mengalami tekanan dalam jangka masa yang lama.

Khan *et al.* (2013) menyatakan bahawa aktiviti sosial adalah signifikan kepada pelajar untuk mengelakkan pelajar mengalami tekanan disebabkan oleh perubahan gaya hidup, hubungan interpersonal dan tekanan akademik seperti

peperiksaan, kerja rumah dan keperluan tambahan yang mungkin melampaui kebolehan mereka. Apabila kurangnya sokongan sosial dan emosi yang mencukupi boleh menyebabkan psikologi yang buruk kepada pelajar seperti kesepian dan kemurungan (Rahman *et al.*, 2012).

Responden 1 menjelaskan bahawa:

“Ya PDPR memberi kesan kepada emosi pelajar kerana mereka menghadapi pelbagai cabaran antaranya belajar sendiri tanpa bantuan pensyarah atau rakan sekelas seperti kebiasaannya. Pergerakan pelajar juga terbatas kerana perlu duduk di hadapan laptop dari pagi hingga petang untuk sesi pembelajaran. Keadaan ini memberi tekanan kerana rasa terkurung dan tidak bebas bergerak”.

Penggunaan teknologi dalam pembelajaran secara dalam talian merupakan perubahan kaedah pembelajaran di universiti yang memberikan kesan tekanan kepada pelajar. (Md Daud *et al.* 2016). Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya perubahan sistem pembelajaran daripada berpusatkan guru kepada kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (Lee *et al.* 2009). Tekanan yang dialami boleh menyumbang kepada kurangnya motivasi terhadap pelajaran kerana pelajar perlu berhadapan dengan tekanan pembelajaran secara bersendirian tanpa bimbingan secara langsung daripada pensyarah seperti pembelajaran bersemuka di institusi pengajian (Thomas, 2020).

Responden 4 menyuarakan kerisauan yang dihadapi:

“Ya. Terputus bekalan internet secara tiba-tiba sangat menjejaskan emosi kerana ia memberi satu kesan yang negative pada diri ini kerana ianya menyebabkan sedikit ketinggalan dalam pelajaran”.

Pencapaian akademik ditentukan oleh prestasi pelajar semasa kelas aktiviti, tugas, persembahan dan peperiksaan (Ong *et. al* 2009). Jika pelajar tidak mengikuti kelas secara dalam talian, maka mereka akan ketinggalan dan sukar untuk berinteraksi dengan rakan-rakan lain, hal ini akan lebih merunsingkan apabila mereka perlu bersama-sama menyiapkan tugas secara berkumpulan. Perkara ini akan mengundang konflik antara pelajar kerana terdapat pelajar yang ketinggalan dalam pembelajaran hanya kerana ada antara mereka yang tidak dapat mengikuti kelas secara dalam talian (Mahathir & Wardatul Hayat, 2021).

Menurut Badush, Kamrozzaman dan Mohamad (2019), internet adalah medium penting yang digunakan oleh pelajar untuk meneroka sesuatu bidang sebagai kelangsungan dalam akademik mereka untuk mengelakkan tekanan dalam pembelajaran. Hal ini kerana pelajar yang berada dalam krisis akan menghasilkan tekanan apabila mereka berada dalam keadaan bimbang berpanjangan terhadap pencapaian akademik. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar kehilangan tumpuan dalam rutin kehidupan yang dilakukan (Ormrod, 2013).

Berkait dengan isu persaingan dalam pembelajaran antara pelajar dan rakan sekelas, masing-masing menyatakan bahawa tiada persaingan yang berlaku.

Responden 1: *Tidak merasakan persaingan di antara rakan sekelas.*

Responden 2: *Tidak ada persaingan.*

Bahkan responden 4 menjelaskan:

Saya tidak pernah merasakan sebarang persaingan dalam pelajaran kerana kami sentiasa bersatu bagi mendapatkan keputusan yang baik.

Begitu juga Responden 5:

Tiada persaingan dalam pembelajaran kerana dapat berbincang dengan rakan mengenai tugas.

Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zengin, Arian & Dogan (2011) bahawa penggunaan pelbagai aplikasi teknologi dalam pembelajaran bukan sahaja memberi sumber maklumat kepada pelajar secara pantas, dan bila-bila masa malah ia turut memberi ruang kepada proses pembelajaran kolaboratif yang melibatkan aktiviti pembelajaran sekumpulan pelajar secara aktif, di bawah bimbingan pensyarah untuk memupuk budaya bertukar idea melalui perbincangan atau menyumbang kemahiran masing-masing dengan tujuan menyelesaikan masalah atau menjalankan sesuatu projek.

Keberhasilan kaedah ini telah membantu meningkatkan pencapaian dan minat pelajar untuk belajar (Rafiza Abdul Razak 2013), meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (Cheong *et al.* 2012), membina pengetahuan (Benaved & Verreman 2008), meningkatkan rasa tanggungjawab dan menampilkan keterampilan bersosial yang baik (Masni Othman & Jamalludin Harun 2015). Menurut Lu dan Yeh (2008), kesedaran pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran secara dalam talian didapati apabila mereka melibatkan diri secara aktif dalam membina pengetahuan melalui interaksi sosial dan kolaborasi kumpulan untuk mengoptimumkan kualiti kerja (Hussin *et al.* 2016)

Antara perkara lain yang dibincangkan adalah kesan pengajaran dan pembelajaran di rumah terhadap aktiviti harian pelajar. Responden 1 menyatakan bahawa:

“PDPR tidak mengganggu aktiviti harian saya kerana saya telah membahagikan masa untuk melakukan aktiviti lain pada waktu lapang”.

Responden 2 juga tidak terganggu dengan PDPR.

“Tidak ganggu. Lebih elok begini sebab boleh susun masa ikut jadual kita sendiri. Bahagi masa untuk aktiviti dekat rumah dan belajar”.

Responden 4 juga bersetuju:

“PDPR tidak mengganggu aktiviti harian saya kerana segala aturan jadual telah saya susun dengan sebaiknya”.

Responden 3 mempunyai komitmen di rumah ketika sesi PDPR dijalankan.

“Kadang-kadang terganggu kerana sebagai seorang anak perempuan saya haruslah menolong ibu mengemas rumah tapi itu tidak menjadi masalah untuk terus focus dalam kelas”.

Menurut kajian Mehnaz (2013) untuk menjadi seorang mahasiswa berjaya antara perkara penting yang perlu dilakukan ialah menyusun jadual waktu dan mematuhi jadual agar tiada waktu yang terbuang dengan sia-sia serta dapat mendisiplinkan diri dengan masa. Selari dengan kajian RabiatulAdawiah Ahmad Rashid dan Nooraida Yakub (2015) membuktikan bahawa pelajar perlu menyediakan jadual harian khususnya berkaitan tugas mereka di rumah, jadual belajar untuk memastikan pelajar dapat menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan kerana dengan perancangan masa yang teratur, ia dapat mengelakkan berlakunya tekanan dalam kalangan pelajar.

Kebiasaannya, punca pelajar sering mengalami tekanan adalah disebabkan oleh tuntutan kerja, pengurusan masa yang lemah, faktor keluarga, kehidupan peribadi dan konflik peranan (Giancola, Grawitch & Borchert, 2009). Kajian oleh Martinez (2013) serta Hayne (2012) juga mendapati bahawa faktor tekanan dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada kekangan masa yang seterusnya menjadi penyebab kepada kegagalan pelajar dalam pengajian. Justeru, setiap pelajar harus mengamalkan pengurusan masa yang efektif agar dapat melakukan tugas dengan efisien dan tidak mengalami tekanan sepanjang proses pembelajaran mereka kerana pengurusan masa yang baik memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang pelajar untuk membantu pelajar mencapai kejayaan dengan cemerlang (Wan Zah *et. al.* 2008; Hamizatun dan Norzaini 2013).

Sebagai penutup temubual, responden memberi pendapat mengenai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran kepada prestasi pembelajaran mereka. Responden 1 dan 2 bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam talian lebih berkesan.

Responden 1 menjelaskan:

“Pada pendapat saya, pembelajaran secara dalam talian lebih berkesan sekiranya kita memberi tumpuan atau focus dengan napa yang diajar oleh pensyarah kerana saya tidak mempunyai gangguan seperti menjaga adik, memasak atau lain-lain. Sekiranya kita perlu membuat kerja rumah atau membantu ibu bapa membuat sesuatu pekerjaan, kita perlu membahagikan masa dengan bijak dan membuat jadual waktu”.

Menurut Laurillard (2007) pembelajaran secara dalam talian lebih mesra pengguna dan mudah difahami, pelajar mudah mengakses sesuatu bahan

pembelajaran di luar waktu kuliah tanpa perlu berada di dalam bilik kuliah. Pelajar berpeluang mengambil bahagian dalam pembelajaran mereka kerana faktor fleksibiliti dalam jadual pembelajaran dan faedah kos (Bonk *et. al.*, & Kentnor, 2015). Bahkan, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara untuk memastikan sesebuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019). Pelajar yang kurang mahir dalam menyusun masa belajar serta masa bersama keluarga boleh menyebabkan tempoh pengajian mereka terpaksa dilanjutkan oleh universiti. Malah, boleh memberikan impak negatif kepada pelajar seperti tekanan yang melampau. Oleh itu, pengurusan masa yang baik dapat mengurangkan tekanan dalam pembelajaran kepada pelajar (Kearns & Gardiner, 2007).

Responden 2 juga bersetuju dengan menyatakan:

“Kalau untuk diri sendiri ni memang belajar online lebih berkesan. Sebab malu nak berdepan dengan orang. Semestinya secara dalam talian kerana ia memberi saya semangat yang berkobar-kobar untuk menuntut ilmu dan dapat focus dalam setiap mata pelajaran yang diambil”.

Hal ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Nurul Hafizah Maarof *et al.* (2020), iaitu pembelajaran dalam talian boleh memberi pengaruh positif kepada pelajar seperti kemampuan untuk meningkatkan sikap dan motivasi pelajar terhadap sesebuah mata pelajaran. Pelajar berpeluang untuk belajar tajuk yang sukar berulang kali dan belajar dalam keadaan selamat tanpa merasa malu untuk bertanya (Aishah, Saharuddin & Roshidi, 2015).

Namun responden 3, 4 dan 5 lebih selesa belajar secara bersemuka.

Responden 3 menjelaskan bahawa:

“Bagi saya, kedua-dua pembelajaran ada kelebihan dan kekurangan tersendiri dan saya berpendapat bahawa pembelajaran secara bersemuka lebih berkesan kerana tiada gangguan internet dari saya atau lecturer sendiri dan kita boleh berinteraksi dengan manusia secara lebih dekat dan efektif berbanding di dalam talian”.

Responden 5 juga bersetuju dengan menyatakan:

“Pembelajaran bersemuka lebih berkesan kerana mudah faham, mudah untuk bertanya apabila tidak faham. Pembelajaran lebih focus tanpa gangguan internet”.

Berdasarkan kajian oleh Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff *et al.* (2008), interaksi yang membina boleh diumpamakan sebagai satu motivasi. Situasi ini banyak berlaku ketika sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka apabila pensyarah mengambil berat perkembangan akademik setiap pelajar dengan cara berinteraksi dan berbincang bersama pelajar bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka untuk meningkatkan prestasi pencapaian di dalam pembelajaran mereka (Rohani Arbaa *et al.*, 2010). Setiap pensyarah mampu memberikan maklum balas segera yang berkualiti tinggi terhadap apa sahaja tugas yang dilakukan oleh pelajar secara langsung ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bersemuka dijalankan. (Regmi, K., 2012).

Pembelajaran secara dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas di setiap kawasan sama ada di bandar, luar bandar atau kawasan pedalaman (Bernama, 2020). Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Sun *et.al.* (2020) yang menyatakan bahawa transformasi teknologi dalam pendidikan, pembelajaran secara dalam talian lebih mudah dan fleksibel namun, pelajar berpendapat mereka kurang bersemangat, tidak mampu memberi fokus, tidak berdisiplin diri dan tumpuan mereka terganggu kerana kelajuan capaian

internet yang tidak stabil, persekitaran yang bising serta kekurangan peralatan atau infrastruktur pembelajaran.

Begitu juga dengan Responden 4:

“Pada pendapat saya, pembelajaran bersemuka lebih berkesan berbanding pembelajaran secara dalam talian. Hal ini kerana terdapat banyak gangguan pada pembelajaran dalam talian yang menyebabkan hilangnya fokus seseorang pelajar dan prestasi pelajarannya mungkin akan menurun”.

Kajian yang dijalankan oleh Bonk *et.al.*, (2015) telah membuktikan sebilangan pelajar didapati tidak berpuas hati dan tidak selesa dengan persekitaran pembelajaran kerana pengajar dan pelajar terpisah secara fizikal, komunikasinya *asynchronous* (tidak segerak) serta pembelajaran lebih terarah kepada kehendak diri sendiri. Selain itu, ketergantungan berlebihan terhadap teknologi adalah kelemahan utama pembelajaran jarak jauh. Sekiranya terdapat kerosakan perisian atau perkakasan, sesi kelas akan datang terhenti, hal ini boleh mengganggu proses pembelajaran. Lebih-lebih lagi, sifat teknologi yang rumit digunakan dalam pembelajaran jarak jauh hanya menghadkan pendidikan dalam talian kepada pelajar yang mahir dalam bidang komputer dan teknologi apabila tempat tinggal mereka yang terletak di kawasan luar bandar menyulitkan pelajar menggunakan perkhidmatan internet (Brown, 2017).

Hasil temubual bersama 5 orang responden boleh disimpulkan bahawa perbezaan pedagogi dan pembelajaran aktif samada pembelajaran secara bersemuka atau pembelajaran secara dalam talian boleh mempengaruhi penglibatan pelajar, motivasi, proses mengingat, kemahiran aras tinggi, dan proses pembelajaran bermakna. (Reenee & Timothy, 2021).

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PERBINCANGAN

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian merupakan suatu keperluan (Mustaffa, Abu Hassan & Pit, 2021). Kebanyakan universiti dan institusi tempatan baik awam mahupun swasta di Malaysia tiada pilihan lain dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan (KPM 2019 & Mohomad 2020). Selain pendidik, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan internet, pemilikan komputer di rumah untuk meningkatkan pencapaian literasi dan kemahiran teknologi dalam pendidikan (Hazura *et. al* 2012; Maisarah, 2012). Namun, kemampuan ibu bapa dalam menyediakan peranti yang bersesuaian dan akses internet untuk kegunaan pembelajaran pelajar menjadi cabaran utama kerana isu dalam pemenuhan keperluan pelajar sangat berkait rapat dengan pendapatan ibu bapa.

Di samping itu, tanggapan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak memainkan peranan penting dalam pencapaian prestasi pembelajaran mereka, ibu bapa yang berasal dari tempat dan persekitaran berbeza mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka (Bhutto *et al.* 2011).

Justeru, dalam konteks pendidikan, tanggapan ibu bapa boleh memberikan kesan kepada tindakan seseorang pelajar kerana tanggapan ibu bapa berkait rapat dengan keperluan psikologi pelajar yang menjadi signifikan kepada perkembangan emosi pelajar (Kocayoruk, 2012). Oleh itu, selain keperluan fizikal, sokongan moral daripada ibu bapa adalah penting untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam pendidikan.

Menurut Mod Norazmi, Faiza & Ruqia (2021) ibu bapa perlulah memahami pelajar sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di rumah selama tempoh PKP dilaksanakan walaupun antara perkara yang mencabar bagi ibu bapa ialah dari segi penyediaan bahan atau kemudahan pembelajaran, pengetahuan, kemahiran dan pengurusan keluarga kerana terdapat kajian yang membuktikan bahawa kebanyakan pelajar perlu menggunakan waktu PDPR bagi membantu keluarga mereka di samping memberi komitmen dalam pembelajaran (Sumitra & Roshan, 2021).

Kehidupan di institusi pengajian menuntut untuk pelajar bijak menyeimbangkan pelbagai peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan (Mohammad Zaid *et. al*, 2009). Hal ini semestinya boleh mengundang kepada tekanan diri sekiranya ianya tidak dapat dikendalikan dengan baik (Norazila Mat *et. al*, 2018). Tekanan boleh dirumuskan sebagai suatu ketegangan fizikal dan psikologi yang dialami oleh pelajar disebabkan faktor-faktor yang tidak dapat dikendalikan dan melebihi keupayaan pelajar untuk mengatasinya (Norazila Mat *et. al*, 2018). Menurut Johari dan Ahmad (2019), faktor akademik merupakan pendorong utama wujudnya tekanan dalam kalangan pelajar universiti dan diikuti dengan faktor fizikal, sosial serta emosi.

Selari dengan kajian Harikiran *et. al.*, (2012) yang mendapati faktor akademik paling kerap dilaporkan sebagai faktor penyumbang kepada tekanan akademik dan kebimbangan kepada pelajar. Antara faktor tekanan akademik adalah tempoh peperiksaan yang panjang, beban bidang kursus yang berat kekurangan melakukan aktiviti bersukan dan bersenam. Persepsi bebanan kursus, kursus yang sukar persiapan menghadapi peperiksaan dan tempoh peperiksaan yang panjang didapati sebagai sumber utama mendorong kepada tekanan akademik dan mempengaruhi tahap kesejahteraan diri pelajar. Malahan hasil kajian menunjukkan bahawa mahasiswa yang mengalami tekanan akan menunjukkan penurunan dalam kualiti akademik mereka, tahap kualiti kesihatan menjadi buruk, depresi dan gangguan tidur (Gaol, 2016).

Kajian oleh Kearns dan Gardiner (2007) mendapati bahawa kegagalan pelajar dalam menguruskan masa dengan baik telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang mendorong kepada tekanan akademik dan kebimbangan dalam kalangan pelajar. Kekangan masa juga merujuk kepada tekanan yang menunjukkan situasi pelajar mempunyai masa yang terhad untuk kelas, ketidakupayaan untuk menyiapkan tugas, kesukaran untuk mengejar silibus dalam topik pembelajaran dan mempunyai masa terhad untuk berehat (Bedewy & Gabriel, 2015). Dapatan kajian oleh Bedewy dan Gabriel (2015) membuktikan semakin banyak tugas yang dipikul oleh pelajar, semakin tinggi kekangan masa untuk menyiapkan tugas yang akhirnya mendorong kepada peningkatan tekanan akademik pelajar. Pelajar merasa agak tertekan untuk menyusun masa mereka antara bebanan tugas pembelajaran dan tugas di rumah memandangkan pelajar terpaksa belajar secara dalam talian (Woon *et al.* (2021).

Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memahami corak pengajaran dan pembelajaran sepanjang PKP dilaksanakan untuk menyuntik semangat dan motivasi pelajar dalam pencapaian akademik mereka kerana pandemik ini sangat mempengaruhi motivasi diri pelajar dan membawa kepada tekanan pelajar terhadap proses PDPR tanpa sokongan moral daripada ibu bapa (Grubic, Badovinac & Amer, Goothy *et. al*, 2020). Menurut Norhayati (2020) peluang yang ada semasa PKP sedikit sebanyak dapat memberi ibu bapa masa dan ruang untuk bersama dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka.

Pensyarah juga perlu mempertimbangkan masa dan komitmen pelajar sebelum memberikan tugas bagi mengelakkan tekanan akademik akibat bebanan tugas dan desakan masa untuk menghantar tugas. Hal ini kerana sepanjang pandemik COVID-19 pelajar menghadapi tekanan gangguan belajar seperti timbulnya keresahan tentang masa hadapan disebabkan kemungkinan kelewatan menamatkan pengajian, kurang pembelajaran secara praktikal, kepayahan untuk menyertai kelas dalam talian disebabkan masalah internet, kesukaran menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran baru, dan hilang momentum untuk belajar (Woon *et al.*, 2021).

Justeru, peranan pensyarah adalah signifikan untuk memastikan penglibatan pelajar dalam sesi pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian bagi mengelak daripada berlakunya keciciran di kalangan pelajar dan merupakan aspek penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar (Kindermann, 2007). Selain mengajar subjek yang telah ditetapkan pensyarah juga dipertanggungjawabkan untuk terlibat secara tidak langsung dalam pembentukan dan perkembangan personaliti, mental dan fizikal yang baik bagi pelajar (Noran Fauziah & Ahmad Mahdzan, 2008).

Pensyarah seharusnya mempersiapkan diri dengan penguasaan komunikasi yang baik untuk menghadapi pelbagai ragam dan latar belakang yang berbeza dalam kalangan pelajar seperti latar belakang keluarga, sosioekonomi, pengalaman dan pendedahan akan mewujudkan kepelbagaian pelajar dan jurang sesama mereka di dalam kelas kerana hasil dari komunikasi yang berkesan dapat membantu pensyarah mengenal pasti tingkah laku pelajar (Yahya & Shahabudin, 2011). Sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran, pensyarah memainkan peranan penting dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi memanipulasikan suasana pembelajaran agar dapat merangsang proses kognisi pelajar sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar (Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin & Zaharah Hussin, 2014). Mohamad Saiful Samsudin dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman (2020) menjelaskan bahawa hubungan yang baik antara pensyarah dan pelajar akan menimbulkan rasa hormat terhadap pensyarah, selesa untuk belajar dan mewujudkan perasaan minat terhadap subjek yang diajar oleh pensyarah tersebut. Situasi ini seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar untuk lebih tekun belajar serta mencapai keputusan yang lebih baik. Hal ini kerana dalam konteks pencapaian akademik pelajar, tumpuan lebih diberikan kepada gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi serta kedua aspek ini memberi pengaruh besar terhadap tahap prestasi akademik pelajar (Nur Azyyati, 2011). Justeru, kemahiran komunikasi turut memainkan peranan dalam meningkatkan motivasi pelajar yang melibatkan pembentukan gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi (Najib, 2008).

Hubungan komunikasi dua hala yang berkesan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian serta memberi kesan positif kepada perkembangan pelajar (Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin, 2017). Khalip Musa dan Hariza Abd. Halim (2015) menyatakan bahawa pensyarah

berperanan menimbulkan minat pelajar untuk belajar, memberikan tunjuk ajar cara pembelajaran yang berkesan, menjelaskan keraguan pelajar dan membantu mereka menyelesaikan masalah pembelajaran terutamanya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dijalankan untuk mengelakkan keciciran berlaku dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, pelajar yang gagal menyesuaikan diri dalam pembelajaran akan cenderung menghadapi pelbagai masalah penyesuaian dari segi akademik, sosial, emosi, dan komitmen belajar (Maria Chong *et al.*, 2009). Oleh itu, pelajar akan melibatkan diri dan komited dalam pembelajaran apabila mereka merasa dihargai, difahami dan dilibatkan dalam pembelajaran yang berlaku. Justeru, pensyarah yang memiliki kemahiran komunikasi yang baik dalam membina suasana pengajaran yang menarik dan menyeronokkan akan dapat mempengaruhi minat dan tingkah laku pelajar untuk belajar (Noor Aini, Zamri & Zahara, 2012).

5.2 CADANGAN

Pemimpin merupakan individu yang perlu mengambil inisiatif untuk membawa perubahan dalam system pendidikan bagi mencapai matlamat sekolah yang telah ditetapkan (Niqab, Sharma, Wei & Maulod (2014). Inisiatif perubahan yang dilaksanakan mestilah selaras dengan perkembangan pendidikan masa kini. Walaupun kementerian mengambil masa pelbagai langkah proaktif dengan mewujudkan PDPR untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran terus berlangsung, namun ia perlu dilihat secara menyeluruh dan sistematik dan tidak hanya sekadar menumpukan kepada aspek infrastruktur dan modality semata-mata (Siti, 2021). Menteri Pendidikan Malaysia Dr Radzi Jidin (2021) dalam temubualnya bersama rancangan Bual Bicara Khas Hari Guru bersama Menteri Kanan Pendidikan menyatakan penyediaan kaedah pendigitilan dalam menyampaikan pengajaran

memerlukan dasar yang cukup luas bagi membolehkan persediaan latihan struktur kompetensi dapat ditingkatkan. Pendidik termasuk guru dan pensyarah perlu mendapat peluang belajar dan mengambil inisiatif dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran digital untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki.

Justeru, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji ingin mengetengahkan keberkesanan *Blended learning* dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Hal ini telah disokong oleh Joshua M. Sharfstein & Christopher C. Morpew (2020) yang menyatakan kaedah pembelajaran *Blended learning* sepertimana ditekankan oleh Menteri Pendidikan Yang Berhormat Dr Radzi Jidin menjadi salah satu kaedah yang harus diikuti oleh pendidik bagi memastikan tiada pelajar tercicir daripada sesi pengajaran dan pembelajaran.

Blended learning atau pembelajaran teradun menjadi alternatif terbaik setelah penggunaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya telah membangkitkan beberapa isu termasuklah pelajar kurang kemahiran dalam bidang teknologi, pelajar merasa keseorangan tanpa bantuan dari pihak pensyarah dan institusi pengajian tinggi kerana konsep pembelajaran sendiri (Tayebinik, 2012; Zhang & Han, 2012). *Blended learning* telah muncul sekitar tahun 2000 dan berfungsi untuk menyokong pembelajaran konvensional (Marsh, 2012). Pendekatan pembelajaran teradun merupakan gabungan pendekatan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran secara dalam talian yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan kepelbagaian pelajar dan memperbaiki kemahiran dan pengetahuan mereka berkaitan kursus dipelajari (Ryberg & Dirckinck-Holmfeld, 2010).

Menurut Kazu dan Demirkol (2014), prestasi akademik pelajar juga meningkat apabila pembelajaran secara dalam talian digabungkan dengan pembelajaran secara bersemuka kerana pendekatan pembelajaran teradun ini berjaya menunjukkan kemampuan merangsang dan meningkatkan kemahiran pelajar (Razak & Rahman, 2013). Kesediaan pendekatan ini mengintegrasikan kaedah pengajaran bersemuka dengan pembelajaran dalam talian supaya dapat memperkayakan kaedah pedagogi terhadap kursus yang ditawarkan. Ini kerana kesepaduan penggunaan kemudahan teknologi web dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran bersemuka bergantung kepada pemilihan salah satu model pedagogi yang sesuai dalam system pendidikan (Miranda, Isaias & Costa, 2014; Lal, 2011). Kesesuaian dan kepelbagaian strategi pengajaran yang disediakan mampu mewujudkan keberkesanan pembelajaran bermakna dan bersifat realistik serta dapat merangsang keinginan pembelajaran pelajar yang bersifat fleksibel (Kurt, 2017; Razak & Rahman, 2013).

Pendekatan ini boleh meningkatkan penyertaan pelajar di institusi pendidikan tinggi apabila kursus-kursus yang sukar diaplikasikan telah digalakkan melalui penggunaan pembelajaran teradun dengan sokongan aplikasi teknologi (Owston, *et. al.*, 2013). Selain itu, fokus utama lebih menumpukan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang bermatlamatkan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam meningkatkan kesediaan dan pengalaman pelajar terutamanya nilai sendiri mereka (Kurt, 2017; Kostaris *et. al.*, 2017; Cakiroglu & Ozturk, 2017). Kesempurnaan ini dikukuhkan lagi dengan penggunaan dan integrasi kemudahan teknologi yang bersifat inovatif membawa pelajar ke arah pembelajaran yang berbentuk sendiri kolaboratif dan interaktif (Dias & Diniz, 2012).

Menurut Marsh (2012), pendekatan pembelajaran teradun merupakan satu kombinasi pelbagai kaedah pengajaran, persekitaran dan gaya pembelajaran.

Kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian telah diterapkan dalam pembelajaran teradun bagi memastikan pembelajaran berjaya mencapai matlamat. Di antara kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran bersemuka ialah hubungan pelajar dan pensyarah berlaku secara langsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, begitu juga dengan pertukaran idea, pandangan dan buah fikiran. Pelajar juga dapat mempraktikkan aktiviti dan menjalankan eksperimen berkaitan kursus untuk mendapatkan pengalaman. Pembelajaran bersemuka turut berupaya untuk menilai kemajuan pelajar dengan cara yang diyakini. Sementara itu, kelebihan pembelajaran dalam talian termasuklah bentuk pembelajaran sendiri dapat memenuhi keperluan dan kemampuan pelajar. Masa dan tempat boleh disesuaikan berdasarkan kepada keadaan dan kemahuan pelajar. Selain itu, penyediaan dan penggunaan material multimedia adalah tidak terhad serta pelajar dapat mengulang kembali pembelajaran terdahulu dan membuat ulang kaji menerusi pembelajaran dalam talian. Pembelajaran teradun turut menyediakan mekanisme penilaian formatif dan sumatif yang diintegrasikan untuk pensyarah dan pelajar. (Goltz-Wasiucionek, 2014).

Oleh itu, penyediaan dan pelaksanaan pembelajaran teradun dapat membangunkan dan mengembangkan sebuah komuniti pendidikan yang saling melengkapi dan mengatasi kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran yang akan membawa kepada peningkatan penglibatan pelajar, seterusnya mampu memberikan faedah yang terbaik kepada mereka (Dinning *et. al.*, 2016; Owston *et. al.*, 2013; Partridge *et. al.*, 2011). Justeru, untuk melaksanakan pembelajaran teradun, peranan golongan pakar kemudahan aplikasi teknologi amat diharapkan dalam merancang dan membangun pendekatan pembelajaran dalam talian di institusi pendidikan tinggi khususnya kepada para pensyarah sebagai satu keutamaan untuk masa depan

walaupun penyediaannya memerlukan jangka masa yang panjang (Fischer *et. al.*, 2015).

Kepentingan yang disandarkan ini adalah untuk mengatasi kekangan dalam pembelajaran dalam talian dengan tujuan melahirkan generasi pelajar yang dapat menguasai pengetahuan akademik peningkatan kemahiran dan perkembangan kriteria pelajar (Gerstein, 2014). Situasi ini dapat mewujudkan pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang diadunkan dengan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka sebagai satu pendekatan baru yang menggalakkan penglibatan pembelajaran pelajar secara aktif (Yuan *et. al.*, 2013). Sejalan dengan pandangan Smith *et. al.*, (2014), mengharapkan para pendidik dapat melaksanakan pelbagai variasi pendekatan atau kaedah pengajaran supaya dapat mengelakkan pelajar daripada mengalami kebosanan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung selain dapat memperkembangkan potensi penguasaan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Oleh itu, pelaksanaan pendekatan pembelajaran teradun sesuai diaplikasikan pada ketika ini memandangkan pendekatan ini dianggap mampan dan lebih fleksibel dalam menghadapi sistem pendidikan yang semakin mencabar (Onguko, 2013; Dias & Diniz, 2012). Antonova *et. al.*, (2017) memperlihatkan secara jelas perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat konvensional ke arah pendidikan moden yang sistematik melalui keberkesanan penggunaan pendekatan pembelajaran teradun yang dipengaruhi oleh kemudahan aplikasi teknologi di samping kaedah pengajaran bersemuka yang menentukan penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar (Owston *et. al.*, 2013).

5.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pelajar mampu untuk mengawal diri mereka di tengah kesulitan menyesuaikan diri dengan norma baharu akibat pandemik COVID-19 walaupun pelajar merasa tertekan dengan cabaran baharu yang terpaksa dihadapi. Pelajar masih mampu untuk menyelesaikan tugas akademik dengan mutu yang terbaik sedaya upaya mereka di samping mempertimbangkan komitmen belajar dan tanggungjawab menunaikan tugas di rumah untuk pencarian kerjaya pada masa hadapan (Norhana, Fahmi, Aslinda dan Zazalli, 2020). Pelajar juga memperlihatkan sikap positif ketika menerima arahan untuk kekal berada di rumah dan meneruskan pembelajaran secara dalam talian walaupun pandemik menghalang sosialisasi fizikal, tetapi pelajar masih berusaha mencari inisiatif untuk membolehkan mereka berinteraksi sesama rakan dan pensyarah dengan meneliti masalah kekangan akses internet dan kemudahan teknologi untuk kelangsungan pendidikan dan mengelak keciciran dalam pembelajaran. Peranan pendidik dan kerajaan adalah signifikan dalam membantu proses peningkatan kualiti pembelajaran abad ke 21 untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berfikiran global. Pendidik dan kerajaan mestilah memberi insentif dan inisiatif yang pelbagai untuk mengisi dan menampung kekurangan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada sebagai satu alternatif untuk mengintegrasikan transformasi teknologi dalam pendidikan di samping meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Diharapkan masih ramai lagi pengkaji yang akan datang untuk mengkaji dan merungkai pendekatan dan kaedah yang terbaik bagi meningkatkan mutu dan nilai pendidikan di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman, Y., Ros Aini, I., Abdul Hadi, I. & Rashdan, R. 2012. Punca Stress di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- Abdullah Hassan Ainon Mohd (2005) *Komunikasi Untuk Pemimpin Pahang*: PTS PROFESSIONAL Publishing Sd. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2004), “Komunikasi Untuk Pendakwah”. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed & Abd. Ghani Abdullah (2007). *Guru sebagai pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, H. & Ainon, M. (2002). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Abidah, Azmil, Hasan Nuurul Hidayatullaah, Roy Martin Simamora, Daliana Fehabutar, and Lely Mutakinati. (2020). “*The Impact of Covid-19 to Indonesian Education and Its Relation to the Philosophy of ‘Merdeka*” 8(1):183–90.
- Aboo Talib, K. (2016). *Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi*. *Akademika*, 86(2), 65–78.
- Adam, H., Michael, J., (2020). *What is Purchasing Power?* Dotdash SF.
- Adger, W.N. (2006), ‘Vulnerability’, *Global Environmental Change* 16(3), 268–281.

- Ahmad Fuad Othman. (2003). *Pendidikan dan Pendidikan di Era Digital: Pendekatan dan Cabarannya*. Wawasan: Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah. Bil .17Jun 2003 Bil.1
- Ahmad Zubir Ibrahim, Chamhuri Siwar (2017). *Kelestarian Penghidupan Petani Luar Bandar*. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Aida Shuhaida Mustafa & Rohizani Yaakub. (2020). *An experimental approach by using whatsapp for teaching and learning of bahasa Melayu to international students at engeineering campus, due to pandemic Covid-19*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 12, Edisi Khas: 1-9.
- Ainon Mohammad (2003). *Komunikasi Berkesan*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2005). *Kuasa berfikir kreatif*. Shah Alam: Malindo Printers.
- Aishah Saim, Saharuddin Talib & Roshidi Zakaria (2015). *Kajian Terhadap Kesedaran dan Kesianaan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dalam Penggunaan CIDOS di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*.
- Ajmal, M., & Ahmad, S. (2019). *Exploration of Anxiety Factors among Students of Distance Learning: A Case Study of Allama Iqbal Open University*. Bulletin of Education and Research, 41(2), 67-78.
- Al-Arini, A. B. (2011). *Mada tawafur maharat al-ittisal ghair al-lafziah lada hai'ati al-tadris fi kulliyati al-ulum bi jaamiati al-qasim min wajhati nazari al-talabah*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Baghdad: Akadimiyah al-Dirasat al-Arabiyyah.
- Al-Nisywan, Yaaqub Hussain. (1992). *Al-manhaj al-tarbawiyy min manzur al-Islami*. Amman: Darul Furqan.

- Analisa Hamdan et.al. (2013). *“Kelebihan Dan Kekurangan Teknologi Web 2.0 Dalam Model Integrasi E-Latihan Bermakna (I-Met) Dalam Kalangan Pelajar”*. 4th International Conference of Asean Studies on Integrated Education and Islamic Civilization UKM- UNIMED 9 – 10 December.
- Anas, M. (2013). *Pengaruh Penggunaan Media Audio Visual Terhadap pembelajaran Sholat Untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Peserta Didik di MIN Beji*. Sidoarjo: Universitas Muhammadiyah
- Andrew, Alison, Sarah Cattan, Monica Costa-Dias, Christine Farquharson, Lucy Kraftman, Sonya Krutikova, Angus Phimister, and Almudena Sevilla. (2020). *Learning during the Lockdown: Real-Time Data on Children’s Experiences during Home Learning*.
- Anna A/P Arokia Nathen, Doris Padmini A/P Selvaratnam & Norlaila Abu Bakar. (2011). Hubungan Tingkat Pendapatan dan Kehidupan Lestari: Kerangka Konseptual. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011. ISSN: 2231-962X
- Aries Mahadika Pradipta. 2017. *Persepsi Mahasiswa Mengenai Citra Yang Dibangun Awkarin Di UNPAS*. Tesis Phd Universitas Pasundan.
- Arnseth, H.C., & Hatlevik, O.E. (2010). *Challenges in aligning pedagogical practices and pupils’ competencies with the Information Society’s demands*. Hershey: IGI global.
- Asbah Razali, Fauziah Ani & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2020). *Cabaran Masyarakat Hari Ini: Malaysia Dalam Menghadapi Perubahan Sosial Dan Revolusi Industri 4.0*. Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

- Atkinson, B., Eric, M., & Brian, N. (2004). *Indicators and targets for social inclusion in the European Union. Journal of Common Market Studies*, 42(1), 47-75.
- Aulia Riska Nugraheny (2020) *Peran Teknologi, Guru Dan Orang Tua dalam Pembelajaran Daring Di Masa Pandemi*. <https://osf.io/preprints/lissa/hz57r/>
- Awang, Hapini, Sheik Osman Wan Rozaini, and Mat Aji Zahurin. (2019). “*Model to Evaluate Virtual Learning Environment among Malaysian Teachers.*” *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering* 8(5S)
- Azalia Asmira, Hafizuddin Syah, Rubayah. (2019). *Penentu Pemilikan Takaful Mikro dalam Kalangan Kumpulan Berpendapatan Rendah*. *Journal of Nusantara Studies* 4(2): 101-125.
- Azis, H. A. (2011). “*Keberkesanan Pembelajaran Menggunakan Forum Dalam Sistem E-Learning: Kajian Kes Pelajar Tahun 4SPI.*” Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Sharifuddin Ismail & Halimah Ma'alip. (2010). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad & Abd. Rahman Hj. Abd Aziz. (2005). *Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Belajar.*” *Studies in Philosophy of Science and Education*.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, “Pelaksanaan PdPc dalam Talian (OLL) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 Covid-19,” *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol. 2, no.2. pp. 213-221, 2020.

- Bank Negara Annual Report .2015. Inflation and Cost of Living 64–69.
- Bank Negara Malaysia. 2013. The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups (Working Paper Series: WP2/2013)
- Bank Negara Malaysia. 2017. *Cabaran kewangan isi rumah miskin bandar*. Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
- Barrett, D. J. (2006). Strong communication skills a must for today’s leaders. *Handbook of Business Strategy*. Bingley: Emerald.
- Basil, M. (2017). *Have Profits Kept Pace with the Cost of Living?* The Annals of the American Academy of Political and Social Science 89 (1): 157-162.
- Basiron, I. (2012). *Kesan Kaedah Pengajaran Multimedia Interaktif Dalam Pengajaran Seni Visual*, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Laporan Projek Sarjana.
- Bedewy, D. and Gabriel, A. (2015). Examining perceptions of academic stress and its sources among university students: The Perception of Academic Stress Scale. *Health Psychology Open*, 2(2).
- Beetham, H., & Sharpe, R. (2013). Rethinking pedagogy for a digital age: Designing for 21st century learning. Routledge.
- Bernama. (2020). *Cabaran Mengajar Dalam Talian*. Diperolehi semula melalui laman web http://sinarharian.com.my/cabaran-mengajar-dalam-talian_pada_9_September_2020.
- Bhalla, J. (2013). Computer Use by School Teachers in Teaching-learning Process. *Journal of Education and Training Studies*, 1 (2), 174-185.

- Bhutto, N.A., Narejo, R.A., Butt, F., Shaikh A.S., & Virwani, R. (2011, January). *Parents' perception regarding children education*. Kertas kerja dibentangkan di 1st International Conference of Business Management, University of Management and Technology. Diambil dari <http://umt.edu.pk/icobm/proceedings/day-one.html>
- Bibi Noraini Mohd Yusuf, and Jihan Ahmad. (2020). "Are We Prepared Enough? A Case Study of Challenges in Online Learning in a Private Higher Learning Institution during the Covid-19 Outbreaks." *Advances in Social Sciences Research Journal* 7(5):205–12.
- Birdsall, N. (1980). *Population and Rural Development in Malaysia: Kajian Ekonomi Malaysia*. Malaysia. 24-34.
- Bishoff, A. (2000). *The Elements of Effective Online Teaching: Overcoming Barriers To Success*. In K. W. White & B. H. Weight (Eds). *The online teaching guide: A Campeau, D. R. & Higgins, C. A. (1995 June). Computer Self-efficacy: Development of a measure and Initial Test. MIS Quarterly, 189-211.*
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Bogdan, R., C., & Biklen, S., K. (2007). *Qualitative research for education. An introduction to theories and methods*. Boston, MA: Pearson Education Inc.
- Merriam, S., B. (2009). *Qualitative research. A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey Bass.
- Bonk, C. J., Mimi Miyoung, L., Xiaojing, K., Shuya, X., & Feng-Ru, S. (2015). *Understanding the self-directed online learning preferences, goals, achievements, and challenges of MIT Open Course Ware subscribers. Journal of Educational Technology & Society, 18(2), 349–368*

- Brown, C. (2017). Advantages and disadvantages of distance learning. Retrieved from <https://www.eztalks.com/elearning/advantages-and-disadvantages-of-distance-learning.html>
- Buarque, C, Spolar, M, dan Zhang, T. (2006). *Education and Poverty Reduction*. Review of Education, 52, 219-229.
- Buntat, Y. (2004). Integrasi Kemahiran “Employability” (soft skills) dan Kepentingan Penerapannya di Kolej-kolej Kediaman Pelajar. University Teknologi Malaysia.
- Burn, R. B. (1995). “Introduction to Research Methods.” Melbourne: Longman.
- Merriem, S. B. (1998). “Qualitative Research and Case Study Applications in Education.” (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass
Yin, R. K. (1994). “Case Study Research: Design and Methods.” 2nd ed. Thousand Oak, Calif: Sage.
- Chen, Guo-Ming. (2012). The impact of new media on intercultural communication in global context. *China Media Research* 8(2): 1-10.
- Cheong, C., Bruno, V., & Cheong, F. (2012). Designing a mobile-app-based collaborative learning System. *Journal of Information Technology Education: Innovations in Practice* 11(1): 94-119.
- Chiew, H.L. (2018). *Expanding Insurance and Takaful Solutions for the Underserved Segment*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Christina Andin @ Nur Qistina Binti Abdullah& Hazman Bin Ali. (2009). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan.

- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Ciampa, K. (2014). *Learning in a mobile age: an investigation of student motivation*. *Journal of Computer Assisted Learning*, 30(1), 82-96.
- Cohen, L. and Manion, L. (1989) *Research Methods in Education*. 3rd edn. London: Routledge.
- Cohen, M., Sebstad, J. (2006). *The Demand for Micro-Insurance*. In Churchill, C. (Ed.), *Protecting the Poor: A Micro-Insurance Compendium*. Geneva, Switzerland: International Labour Office.
- Connaway, Lynn Silipigni, and Ronald R. Powell. 2010. *Basic Research Methods for Librarians*. Santa Barbara, CA: Libraries Unlimited.
- Coonie Yuan, Inga Carboni & Kate Enrich. (2014). The impact of interpersonal affective relationships and awareness on expertise seeking: A Multilevel Network Investigate. *European Journal of Work and Organizational Psychology*. 23(4), 554-569.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41, 29-38.
- D. Surani and H. Hamidah. (2020). "Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic", *IJoASER*, vol. 3, no. 3, pp. 83-95,
- David Silverman (2009) *Doing Qualitative Research*, 3rd Edition Sage Publications, Inc.
- Dean, H. 2017. Creating critical readers: connecting close reading and technology. *The California Reader*. 50(4), 8-11.

- Denzin, Norman K. (2001) *The reflexive interview and a performative social science*, SAGE Journals.
- Desmita (2009). *Psikologi perkembangan peserta Didik: Panduan bagi orang tua dan guru dalam memahami psikologi anak usia SD, SMP dan SMA*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Deterding, S., Dixon, D., Khaled, R., & Nacke, L. 2011. From game design elements to gamefulness: defining gamification. Dlm. *Proceedings of the 15th International Academic MindTrek Conference: Envisioning Future Media Environments (9–15)*. New York, NY, USA: ACM Press
- Dicky, W., Hairunnizam, W., Salmy, E. (2019). *Pengaruh Hubungan Sosial terhadap Gelagat Pembelian Barangan Bukan Asas dan Niat Berhutang dalam Kalangan Isi Rumah B40*. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 53(1): 35-46.
- Diwa Samad, Nurshuhada Zainon, Faizul Azli Mohd Rahim, Eric Lou & Saipol Bari Abd Karim. 2016. Malaysian Affordability Housing Policies Revisited. *MATEC Web of Conference* 66(00010).
- Doherty, J. (2011). *Preventing Homelessness Among Substance Users in Europe*. *Journal of Primary Prevention*. Vol. 28. 245-263.
- Eh Run, E.N., Hairunnizam, W. (2017). Gelagat tabungan dan tahap pengetahuan pembeli rumah terhadap proses kelayakan pembiayaan perumahan: Kajian di Lembah Klang. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-12*, hlm. 1199-1209.
- Ehwan Ngadi. (2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Diperolehi semula melalui laman web <http://usim.edu.my/COVID19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian> pada 7 September 2020.

- Embi, M.A. (2010). *Amalan, Keberkesanan & Cabaran Pelaksanaan e-pembelajaran di IPT Malaysia*. Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, KPTM.
- Faeza, (2016). Strategi belia dalam menghadapi kos sara hidup. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke-11*, hlm. 648-657.
- Faiella, F., & Ricciardi, M. (2015). *Gamification And Learning: A Review Of Issues And Research*. Journal of e-Learning and Knowledge Society, 11(3).
- Farahaini, M.H. (2015). *Kenaikan Harga Barang di Malaysia: Peranan Pengguna, Kerajaan dan Koperasi*. Pusat Konsultasi dan Penyelidikan 46: 29-35.
- Faris Danial Razi. (2020). *PKP: Teknologi Jadi Kekangan Kerja dan Pembelajaran di Rumah, tetapi Ada 'Jalan' Lain*. Berita Astro Awani. 13 April. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-teknologi-jadi-kekangan-kerja-dan-pembelajaran-di-rumah-tetapi-ada-jalan-lain-238178>
- Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(1) 2015: 81-100
- Fatimah Azzahra. (2020). *Covid-19 dan Pengalaman Home Schooling*. Daripada <https://ibtimes.id/covid-19-dan-pengalaman-homeschooling/>.)
- Fauzi Suhaimi (12 Mac 2020. *Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemik*.) <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>
- Fazlur Rahman. (1982). *Islam and modernity; transformation an intellectual tradition*. Chicago: University of Chicago Press.

- Fazurawati Che Lah. (6 April 2020). *PdP dalam talian terbatas*. MyMetro online.
<https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/04/562990/pdpdalam-talian-terbatas>
- Finn, J.D., & Voelkl, K. E. (1993). *School characteristics related to student engagement*. *Journal of Negro Education*. 62 (2): 249-268.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). *School engagement: Potential of the concept, state of the evidence*. *Review of Educational Research*, 74(1): 59-109.
- Gaol, N. T. L. (2016). Teori stres: stimulus, respons, dan transaksional. *Buletin Psikologi*, 24(1), 1–11. Dicapai daripada <https://jurnal.ugm.ac.id/buletinpsikologi/article/view/11224>.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and application* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Giancola, J. K., Grawitch, M. J. & Borchert, D. 2009. Dealing with the stress of college: A model for adult students. *Adult Education Quarterly*, 59: 246-263.
- Goleman, D. (2006). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Groff, J. (2013). *Technology-rich innovative learning environments*. OECD Working Paper.
- Grubic, N., Badovinac, S. & Amer M Johri. (2020). Student Mental Health In The Midst Of The Covid-19 Pandemic: A Call For Further Research And Immediate Solution. *International Journal Of Social Psychiatry*. 1-2

- Guo, J., Liu, Z. & Liu, Y. 2016. Key success factors for the launch of government social media platform: identifying the formation mechanism of continuance intention. *Computers in Human Behavior* 55: 750–763.
- H. Osman Rani. (1995). *Daerah-daerah Kemiskinan: Siri Kajian Ekonomi Dewan*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur :1-15.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub, *Psikologi Personaliti* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 98.
- Hamari, J., Koivisto, J., & Sarsa, H. (2014, January). *Does Gamification Work? A Literature Review Of Empirical Studies On Gamification*. In 2014 47th Hawaii international conference on system sciences (pp. 3025-3034). Ieee.
- Hanus, M. D., & Fox, J. 2015. Assessing the effects of gamification in the classroom: A longitudinal study on intrinsic motivation, social comparison, satisfaction, effort, and academic performance. *Computers and Education*, 80, 152–161.
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M. (2013). *A federal higher education iPad mobile learning initiative: Triangulation of data to determine early effectiveness*. *Journal of Innovation in Higher Education*, 39(1).
- Harikiran A G, Srinagesh J, Nagesh K S, Sajudeen N. (2012). Perceived sources of stress amongst final year dental under graduate students in a dental teaching institution at Bangalore, India: A cross sectional study. *Indian J Dent Res*, 23:331-6.
- Haynes, C., Bulosan, M., Citty, J., Grant-Harris, M., Hudson, J., & Koro-Ljungberg, M., (2012). *My world is not by doctoral program...or is it? Female students' perceptions of well-being*. *International Journal of Doctoral Studies*, 7, 1-16.
- Heni Wijayanti dan Huri Suhendri. 2017. Pengaruh Kecerdasan Intrapersonal Dan Berpikir Kritis Terhadap Kemampuan Penalaran Matematika. Prosiding Diskusi Panel Nasional Pendidikan Matematika.

- Hery Wibowo (2007). *Fortune favors the ready*. Bandung: OASE Mata Air Makna.
- Himmelboim, I., Lariscy, R. W., Tinkham, S. F., & Sweetser, K. D. (2012). Social media and online political communication: The role of interpersonal information trust and openness. *Journal of Broadcasting & Electronic Media* 56(1): 92-115.
- Hong, K.-S., & Songan, P. (2011). ICT in the Changing Landscape Of Higher Education In Southeast Asia. *Australasian Journal of Educational Technology*, 27(8).
<https://doi.org/10.14742/ajet.893>[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru.%20\(6%20Januari%202021\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru.%20(6%20Januari%202021))
- Hui Yong Tay (2015), *Curriculum, Teaching and Learning (CTL) Academic Group*, National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore.
- Hung, K. P. & Lin C. K. (2013). More communication is not always better? The interplay between effective communication and interpersonal conflict influencing satisfaction. *Industrial Marketing Management*, 42(8), 1223-1232.
- Hurley (2008). *The Importance of Strong Business Communication Skills*. McGraw Hill Inc.
- Hussin, S., Aboswider, R. O. S., Ismail, N. & Yoke, S. K. (2016). Exploring instructors' rationale and perspectives in using blogs as a tool for teaching english as a second language. *English Language Teaching* 9(10): 142-155.
- Iaremenko, N. V. (2017). *Enhancing English language learners' motivation through online games*. *Information Technologies and Learning Tools*, 59(3), 126.

- Ibrahim, N. H. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Graw Hill Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2016). *The State of Households II*. Percetakan Nasional.
- Irshad, S., Saleem, S. A. D. I. A., & Mahmood, Z. (2015). Coping strategies of university students: A validation study. *Journal of Pakistan Psychiatric Society*, 12(1), 8-13.
- Isa, K., Tenah, S. S., Atim, A., & Jam, N. A. M. (2019). Leading Happiness: Leadership and Happiness at a Workplace. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8(3), 6551–6553.
- Ishak, AB. G., Mohd Fadzil, A.R. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur. *PKPPM, Pulau Pinang*.
- Ismail, M. K., Siwar, C., Ghazali, R., Rani, N. Z. A. A., & Talib, B. A. (2019). The analysis of vulnerability faced by Gahai Agropolitan Participants. *Planning Malaysia*. <https://doi.org/10.21837/pmjournal.v17.i10.645>
- Ivy Deirdre Mangkau (2012), Penguasaan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)”
- Jacobson, D., Mavrikiou, P. M., Minas, C. (2010). *Household Size, Income and Expenditure on Food: The Case of Cyprus*. *Journal of Socio-Economics* 39(2): 319–328.
- Jæger, Mads Meier, and Ea Hoppe Blaabæk. (2020). “*Inequality in Learning Opportunities during Covid-19: Evidence from Library Takeout*.” *Research in Social Stratification and Mobility* 68(10524):1–5.
- Jamaludin Ramli. 2010. *Pengertian Konsep Kendiri*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi MARA.

- Johari, M. A., & Ahmad, S. (2019). Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 5(1), 24-36.
- Jordania, J. 2009. Times to fight and times to relax: Singing and humming at the beginnings of human evolutionary history. *Kadmos* 1: 272– 277.
- Jordi de San Eugenio-Vela. 2014. Approaches to the study of individual–Landscape interaction as an evocation of intrapersonal communication. *Journal Corvengencia* 2: 13-38.
- Joseph Anjuman & Wan Rozali Bin Wan Hussin. (2013). ICT dan Kelestarian Penggunaannya Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Geografi Di Sekolah. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013 (UMS, 29 – 30 Ogos 2013).
- Julizah, S. (2014). *Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat*. Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selantan.
- Jung, Insung, Masayuki Kudo, and Sook Kyoung Choi. (2012). “*Stress in Japanese Learners Engaged in Online Collaborative Learning in English.*” *British Journal of Educational Technology* 43(6):1016–29.
- K. Sri Gayathrdevi & D. Sudharani Ravindran. 2010. Kinesics Pattern Study of Dyads in Interactions and Its Implications. *Far East Journal of Psychology and Business*, 2(2), 48-59.
- Kamrozzaman, N. A., Badusah, J. & Wan Mohammad, W. M. R. (2019). Pendekatan Heutagogi: Keberkesanan M-Pembelajaran untuk Pendidikan Sepanjang Hayat. 11(3): 52-61.
- Kandri, Salah-Eddine. (2020). “*How COVID-19 Is Driving a Long-Overdue Revolution in Education.*” World Economic Forum. <https://www.weforum.org/agenda/2020/05/how-covid-19-is-sparking-a-revolution-in-higher-education/>

